

[Dokumen ini belum disemak]

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 13**Selasa****19 Julai 2005**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Kepada Ahli - Kebenaran

(Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2005

(Halaman 27)

Rang Undang-undang Pendaftaran kapal Layar Antarabangsa
Langkawi (Pindaan) 2005

(Halaman 62)

Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) 2005

(Halaman 77)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 19 Julai, 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

CUTI KEPADA AHLI - KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah perkara 52(2), Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad dari 18 Julai hingga 26 Julai 2005.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datin Paduka Jaya Partiban minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada proses pemilihan ahli-ahli sukan berdasarkan yang disediakan oleh kementerian bagi mereka yang kurang mampu membeli segala keperluan termasuk makanan seimbang dan vitamin.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara memang mempunyai prosedur proses pemilihan atlet yang standard bagi memastikan atlet-atlet yang dipilih mewakili negara boleh bersaing dan mampu memenangi pingat kejohanan-kejohanan antarabangsa termasuk Sukan SEA, Asia, Komanwel dan Olimpik.

Proses pemilihan ini dilaksanakan tanpa mengambil kira latar belakang seseorang atlet itu sama ada daripada golongan yang mampu atau kurang mampu membeli segala keperluan termasuk makanan seimbang dan vitamin. Apabila seseorang atlet telah dikenal pasti mengikut program latihan di bawah Program Majlis Sukan Negara segala keperluan asas akan disediakan termasuklah dari segi penyediaan makanan yang seimbang dan makanan tambahan.

Selain itu, bagi atlet-atlet yang kurang mampu pihak Majlis Sukan Negara juga memberikan elaun, latihan sepenuh masa sepanjang mula berada di dalam program latihan atlet. Terima kasih.

Datin Paduka Jaya Partiban: Soalan tambahan saya. Adakah pemilihan itu dibuat berdasarkan meritokrasi? Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, proses pemilihan atlet berlaku secara meritokrasi dalam dua keadaan. Pemilihan pertama, pemilihan atlet bagi mengikuti program latihan tertentu, khususnya program latihan jangka panjang, kebiasaannya atlet-atlet yang dipilih mengikuti program seperti ini tidak menggunakan atas berasaskan meritokrasi kerana pemilihan berasaskan kepada objektif matlamat program tersebut.

Atlet-atlet ini akan dikenali sebagai *training squad* dan kebiasaannya adalah atlet-atlet yang muda. Pelapis yang dilatih sebagai pelaburan negara bagi menghadapi kejohanan sasaran dalam jangka masa yang lebih panjang. Walau bagaimanapun, pemilihan dibuat secara bersama dengan persatuan-persatuan sukan kebangsaan. Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, pemilihan atlet bagi menyertai pertandingan di mana kebiasaannya pemilihan atlet untuk menyertai kejohanan-kejohanan utama seperti Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel, Sukan Olimpik dan kejohanan-kejohanan bertaraf dunia adalah berlandaskan meritokrasi di mana atlet-atlet terbaik negara akan dipilih mewakili negara sama ada atlet tersebut merupakan atlet dalam *training squad* mahupun atlet di luar tumpuan atlet *training squad* tersebut.

Di samping itu, kita juga meletakkan syarat-syarat kejayaan minimum untuk seseorang atlet ini terpilih mewakili negara di kejohanan-kejohanan utama tersebut. Justeru itu, mereka mungkin terbaik di dalam negara tetapi ianya tidak memadai untuk kelayakan mereka terpilih sekiranya mereka tidak melepasi syarat kelayakan yang ditetapkan. Ini bertujuan menentukan hanya atlet yang berkualiti mewakili negara. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Saya berminat tentang Program Majlis Sukan Negara. Saya ingin tahu berapakah jumlah peruntukan dalam mengendalikan Majlis Sukan Negara dan ke manakah pendapatan hasil daripada penajaan utama sukan negara seperti iklan

rokok, judi, arak? Ke manakah sebenarnya perbelanjaan ini digunakan dalam memajukan sukan negara? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bahagian kedua soalan adalah terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Sa. Vigneswaran: Ya. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan memang terkeluar daripada soalan pokok. Saya meminta notis supaya saya boleh memberi jawapan tersebut secara bertulis. Terima kasih.

2. Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta Perdana Menteri menyatakan bagi menentukan produk Halal tidak diragui, adakah kementerian bercadang untuk mensyaratkan supaya setiap kilang dan pusat pengeluaran melantik seorang pegawai khas berkelulusan agama. Berapa banyak kilang produk Halal dan berapa banyak jawatan tersebut telah diwujudkan setakat ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan bahagian pertama, dimaklumkan bahawa kilang pusat pengeluaran dan industri ada tiga jenis iaitu kilang yang besar atau multinasional, industri kecil sederhana (IKS) dan industri kecil.

Pihak kerajaan tidak mensyaratkan setiap kilang mempunyai seorang pegawai khas berkelulusan agama tetapi menggalakkan bagi syarikat-syarikat yang besar sahaja untuk mempunyai seorang pegawai khas berkelulusan agama secara *in house*. Tetapi bagi industri kecil sederhana dan industri kecil hanya disyaratkan mempunyai minimum dua pekerja Islam yang berjawatan tetap dan warganegara Malaysia di bahagian pengeluaran.

Sehingga 30 Jun 2005, sebanyak 671 buah syarikat telah diberikan sijil Halal oleh JAKIM. Daripada jumlah tersebut hanya lapan buah syarikat yang telah mewujudkan Jawatankuasa Audit Halal Dalaman dan hanya sebanyak empat buah syarikat yang telah mempunyai Eksekutif Hal Ehwal Islam. Amalan bagi mensyaratkan syarikat-syarikat mempunyai seorang pegawai khas berkelulusan agama akan diterapkan kepada semua syarikat yang ingin memohon sijil Halal secara beransur-ansur sehingga terlaksana sepenuhnya. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Okey. Soalan tambahan saya, daripada apa yang kita lihat dalam pasaran, cop sijil halal ini tidak semua yang ada lambang JAKIM. Jadi, saya ingin tahu penjelasan pihak kementerian, berapakah jenis cop halal dan manakah yang sebenarnya yang diiktiraf oleh kerajaan?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Sebenarnya, lambang halal ini boleh dikeluarkan oleh pihak JAKIM ataupun Majlis Agama Islam Negeri dan kerajaan tidak mewajibkan seseorang itu untuk memohon untuk mendapatkan sijil halal. Kalau sekiranya satu-satu syarikat tersebut, dia menulis sahaja misalnya *Bismillahir Rahmanir Rahim* dan digantung di kedai dia, dia telah dianggap seolah-olah mengisytiharkan bahawa kedai itu adalah kedai yang halal. Tetapi, dia tidak memohon daripada pihak kerajaan mahupun Majlis Agama Islam Negeri. Walau bagaimanapun, dengan menggantung misalnya perkataan-perkataan yang boleh memberi makna bahawa dia halal seperti *Bismillahir Rahmanir Rahim* ataupun menulis perkataan Allah dalam bahasa Jawi misalnya, dengan automatik, syarikat berkenaan bertanggungjawab mengeluarkan produk-produk yang halal. Sekiranya diperiksa, didapati syarikat tersebut tidak sebenarnya mengeluarkan halal seperti yang diiklankan, maka dia boleh dikenakan tindakan.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk menanyakan soalan tambahan. Tetapi sekiranya, pertanyaan saya ini meleset sedikit, saya harap Yang Berhormat dapat memaafkannya.

Tuan Yang di-Pertua: Itu keputusan saya. *[Ketawa]*

Datuk Haji Karim Ghani: Baru-baru ini, setelah kembali dari lawatan ke Jepun, Kerajaan Negeri Sabah mengumumkan untuk mengadakan industri memelihara *coby beef* yang menggunakan teknologi Jepun. Setahu saya, *coby beef* ini, cara memeliharanya hari-hari diberi minum bir dan di *massage* dan diurut dengan bir. Adakah *coby beef* ini halal untuk bagi orang-orang Islam?

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan soalan itu walaupun hendak menjawabnya sukar sikit itu.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya perlu membuat semakan dahulu tentang *coby beef*

ini tetapi secara dasarnya, apa-apa sahaja produk yang menggunakan barang yang haram dimakan oleh orang Islam, terutamanya seperti arak, memang haram untuk digunakan oleh orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Manusia minum arak tidak boleh, lembu minum arak, manusia makan lembu, belum tentu. *[Ketawa]*

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kementerian sedar bahawa banyak perwujudan hotel-hotel di serata negara kita hari ini dan ingin saya nyatakan bahawa di kawasan bandar besar seperti Johor Bahru sendiri, dalam banyak hotel, hanya satu sahaja hotel yang dijamin halal kerana mempunyai logo halal. Selainnya tidak ada. Apakah tindakan kementerian dengan mewujudkan hanya satu pegawai sahaja bolehkah ianya mengawal selia di setiap tempat? Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju bahawa pegawai yang sedikit tidak mungkin akan dapat menyelia. Tetapi apa yang perlu kita lakukan di sini ialah memberi kesedaran kepada setiap masyarakat. Bukan membanyakkan atau melebihi pegawai. Setiap orang Islam harus sedar bahawa ada tempat yang halal dan ada yang tidak halal. Jadi, kita kata kesedaran diri dalam masyarakat sendiri itu perlu diwujudkan. Dia boleh memilih tempat yang halal dan tidak halal. Terima kasih.

3. **Puan Ooi Siew Kim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah peruntukan yang telah diberi kepada 452 buah kampung baru untuk pembangunan lima tahun kebelakangan ini. Adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan tadika tajaan Bahagian Kemajuan Kampung Baru seperti KEMAS di setiap kampung baru seluruh pelosok negara.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2000 hingga 2005, kementerian saya telah memperuntukkan sebanyak RM326.55 juta untuk pembangunan di 450 kampung baru di seluruh Semenanjung Malaysia. Ini termasuk RM291.18 juta peruntukan yang diberi di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Peruntukan tersebut kebanyakannya digunakan untuk menaik taraf jalan, longkang, dewan, balai raya, taman rekreasi dan kemudahan lain. Buat masa ini, kementerian belum ada cadangan untuk mewujudkan

tadika khas tajaan kementerian di kampung-kampung baru memandangkan ianya melibatkan urusan operasi dan pada masa ini, telah terdapat tadika di sebilangan besar kampung-kampung baru yang dikendalikan oleh pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua: Menghormati kehadiran Yang Berhormat Menteri, saya benarkan tiga soalan tambahan. Puan Ooi Siew Kim, selepas itu Dato' Haji Abdul Raman.

Puan Ooi Siew Kim: Terima kasih atas jawapan yang sangat jelas diberi oleh Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, adakah projek-projek besar dicadang dibangunkan di kampung baru di seluruh pelosok negara? Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya telah merangka, telah buat satu kajian Pelan Induk Kampung Baru dalam dua, tiga tahun yang lalu ini, di mana satu *survey* yang menyeluruh telah dibuat. Dengan kajian itu, kementerian sedang merancang pembangunan yang lebih teratur, lebih elok bagi kampung-kampung baru.

Oleh yang demikian, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, dijangka selain daripada infrastruktur, kemudahan asas dan kemudahan sosioekonomi akan diterus dan dipertingkatkan. Kementerian juga akan memastikan kampung baru tidak ketinggalan dengan juga memberi perhatian kepada usaha untuk mengurangkan jurang digital, *digital divide* dengan izin, latihan-latihan kepimpinan bagi pemimpin-pemimpin, katalah Ahli JKK dan mereka yang bertanggungjawab supaya kampung-kampung baru akan dijaga dengan lebih baik, lebih mengikut aliran semasa, arus pembangunan semasa. Jadi, saya nampak dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, harapan yang lebih baik juga akan kita nampak di kampung-kampung baru.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menyatakan bahawa Pelan Induk Kampung Baru yang lebih baik. Kita tahu bahawa sejarah kampung baru, kita semua tahu sebab kenapa ada kampung baru. Tetapi, dari segi pelan induk yang baru ini, adakah kementerian bercadang untuk memastikan bahawa imej kampung baru adalah imej Malaysia, iaitu imej masyarakat majmuk. Ia boleh dilakukan saya rasa, kalau kita tempatkan di sekeliling kampung baru itu, orang Melayu, orang Asli, orang India dan

sebagainya. Ini akan menggambarkan bahawa kampung baru adalah Kampung Baru Malaysia, ala baru. Adakah dalam pelan yang baru ini, Yang Berhormat ada memasukkan perkara-perkara seperti ini?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang ada hasrat kerajaan supaya kita dapat memupuk perpaduan kaum melalui integrasi dan seboleh-bolehnya kita merancang supaya bandar-bandar ataupun taman-taman perumahan baru yang akan datang, dapat satu gambaran yang lebih seimbang supaya ada pelbagai kaum. Bagi kampung-kampung baru ini, kalau kita tahu sejarahnya, di kampung baru telah wujud sebelum merdeka lagi.

Pada masa zaman darurat lebih 50 tahun. Masa itu, mereka dipindah masuk ke satu tempat dan lagipun tapak-tapak yang diperuntukkan itu pun tidak teratur dan begitu padat. Masa itu, kemudahan pun kurang. Jadi, dengan kampung baru yang sedia ada, kalau kita hendak pindah masuk kaum yang lain, saya rasa ia tidak beretika. Tidak ada siapa pun hendak masuk dalam keadaan macam itu. Apa yang kita boleh buat ialah, apabila kerajaan merancang taman-taman perumahan yang baru, katalah di sekeliling atau dekat dengan kampung-kampung baru, kebetulan di antara Kampung Melayu, Kampung Baru Cina, estet dan sebagainya. Maka, taman-taman perumahan yang baru ini dapat kita membentuk cara di mana pelbagai kaum boleh sama-sama duduk. Saya rasa itu akan jadi lebih praktikal.

Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan di sini, sebenarnya orang kampung termasuk kampung baru sekarang, mereka tidak kurang peluangnya untuk bercampur gaul dengan kaum yang lain. Sebab, saya adalah seorang anak lahir di Kampung Baru dan bersebelahan dengan Kampung Baru adalah kampung Melayu, estet dan saya telah dapat bercampur gaul dengan kawan Melayu, India sejak kecil lagi. Jadi, saya tidak nampak kampung baru ini jadi satu masalah. Cuma, saya setuju hala tuju yang akan datang, jika kita bentuk bandar baru, pekan baru bolehlah kita ambil kira faktor-faktor perpaduan ini.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu adakah tanah-tanah di dalam kawasan Kampung Baru ini telah diberikan geran mengikut lot-lot yang telah ditentukan oleh kerajaan-kerajaan negeri?

Tuan Yang di-Pertua: Tuntutan hak milik, ya?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ya.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang adalah menjadi hasrat kementerian saya untuk membantu orang-orang kampung terutamanya Kampung Baru supaya mereka dapat memiliki hak milik tanah yang mereka duduki, telah pun begitu lama, lebih daripada 50 tahun, telah pun dua atau tiga generasi.

Maka, oleh kerana kuasa memberi hak milik ini adalah di bawah kerajaan negeri, saya sendiri telah mempengerusikan beberapa mesyuarat yang melibatkan exco-exco kerajaan tempatan dan exco yang menjaga Kampung Baru, yang mewakili negeri masing-masing.

Saya dapat laporan kebanyakan negeri telah pun memberi wang kepada mereka untuk memiliki hak milik sama ada 60 tahun ataupun 99 tahun, terpulang kepada orang kampung, hendaklah tidak dia bayar sijil premium untuk dapatkan tanah itu. Pada keseluruhannya, saya rasa perkara ini telah pun dapat perhatian kerajaan secara bersama, antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri.

4. **Datin Naomi Chong Set Mui** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada tindakan serta-merta akan diambil untuk menyelesaikan masalah penumpang-penumpang kapal terbang yang tidak dapat menempah tiket sah (*confirmed ticket*) tetapi kemudian mendapat tahu bahawa terdapat banyak kerusi kosong di dalam penerbangan berkenaan. Masalah ini begitu ketara dihadapi oleh MAS dan menyebabkan kerugian kepada MAS.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua perlu memberi laluan kepada Yang Berhormat tadi. Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian tidak menafikan terdapat situasi di mana penumpang-penumpang sukar mendapat tempahan bagi perkhidmatan penerbangan Malaysia kerana sesuatu penerbangan telah penuh. Walau bagaimanapun, penumpang berkenaan mungkin berjaya mendapat pengesahan tempat duduk pada saat-saat terakhir. Apabila menaiki pesawat, beliau mendapati bahawa terdapat beberapa tempat duduk yang masih kosong. Untuk mengatasi masalah ini, MAS telah pun melaksanakan beberapa langkah iaitu:

- (i) pelaksanaan 'HERMEK'. Sistem ini berupaya untuk membuat ramalan jumlah penumpang, pembatalan tempahan dan 'no show' bagi setiap penerbangan;
- (ii) mengenakan *cancellation fee* kepada penumpang-penumpang perjalanan domestik yang telah memberi tiket tetapi membatalkan perjalanan kurang dari 24 jam sebelum waktu penerbangan akan dikenakan *cancellation fee* sebanyak 2.5% daripada tambang atau bayaran maksimum RM50;
- (iii) melaksanakan tempoh pembelian tiket ataupun *ticketing time limit*;
- (iv) mengamalkan *pre-flighting*. *Pre-flighting* ini adalah proses penelitian setiap tempahan yang dibuat memastikan ketulenan tempahan-tempahan tersebut;
- (v) mengadakan audit penempahan. MAS akan menjalankan audit terhadap semua tempahan. Matlamatnya adalah untuk memastikan tidak ada sebarang penyelewengan. Kalau ada bukti penyelewengan, tindakan tatatertib dan tindakan yang tegas akan diambil kepada kakitangan MAS dan juga ejen-ejen yang menjual tiket. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah kita diberitahu, bilakah cadangan-cadangan yang disebutkan itu akan dilaksanakan dan sama ada itu ialah untuk satu tempoh kajian akan terus dilaksanakan?

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Semua tindakan yang saya sebutkan langkah-langkah tadi adalah sedang dijalankan dan sedang juga diperbaiki. Jadi kalau kita nampak angka-angka bagi 'no show' ini, adalah pada bulan April, Mei dan Jun. Nampaknya, peratusannya konsisten kepada 7% iaitu pada bulan April 2005 ada 95,000 misalnya 'no show' dan dari itu 50% adalah untuk laluan Peninsular Malaysia, Sabah, Sarawak. Peninsular Sabah dan Sarawak ertinya di laluan tempatan. Jadi, kita harap angka-angka ini dapat dikurangkan sehingga 5% yang mana piawai antarabangsa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apabila penumpang lewat menaiki pesawat,

masalahnya dia lewat pukul 4.00, dia naik pukul 5.00, dikenakan denda. Tetapi apabila pesawat sendiri berjam-jam lewat, bolehkah penumpang menuntut ganti rugi. *[Ketawa]*

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Yang pertama, kalau pesawat berlepas pukul 4.00 kita tidak boleh naik pesawat pukul 5.00 kerana pesawat itu telah berlepas. Jadi memang kementerian sedar bahawa masalah yang timbul apabila sesuatu penerbangan itu lewat. Tetapi kadang-kadang masalah kelewatan pelepasan kapal terbang ini tidak dapat dielakkan kerana beberapa perkara termasuk perkara teknikal. Apabila kapal terbang itu belum sesuai atau *not fit to fly* nasihat saya minta penumpang sabar. *It is better to wait than to fly* dengan kapal terbang yang mungkin ada masalah yang mengakibatkan lebih lagi masalah dalam perjalanan.

5. Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan jumlah tahanan tanpa bicara di bawah Undang-undang Langkah-langkah Pencegahan Khas (LLPK) yang ditahan di Simpang Renggam bagi tahun 2000 hingga 2005.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jumlah tahanan tanpa bicara di bawah Undang-undang Akta Dadah Berbahaya Langkah-langkah Pencegahan Khas 1985 yang ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam bagi tahun 2000 sehingga bulan Jun 2005 adalah sebanyak 5,967 orang di mana jumlah ini termasuk 3,034 orang jumlah kemasukan baru. Seseorang yang ditahan di bawah undang-undang ini akan menjalani proses pemulihan sekurang-kurangnya dua tahun dan akan disambung sekiranya tahap pemulihannya tidak memuaskan.

Tuan Haji Hassan bin Shukri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah jenis-jenis latihan dan kursus-kursus yang bertujuan untuk membina semula sahsiah tahanan-tahanan tersebut dan sejauh manakah kejayaan-kejayaan yang dapat dikenal pasti jika sekiranya latihan-latihan dan kursus-kursus pendidikan tersebut telah diadakan. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahanan-tahanan yang dimasukkan di pusat pemulihan ini adalah orang-orang yang dipercayai terlibat dalam pengedaran dadah dan di mana ia atas ketenteraman awam perlu

ditahan. Oleh itu dalam masa mereka dimasukkan ke pusat pemulihan ini maka kaunseling diberi kepada mereka oleh pegawai-pegawai untuk memberi kesedaran bahayanya dadah dan masalah-masalah yang timbul akibat daripada dadah di antara kaunseling yang diberi kepada tahanan-tahanan di pusat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kesannya Yang Berhormat. Yang Berhormat tadi tanya tentang kesannya.

Tuan Hassan bin Shukri: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan. Minta maaf, saya mohon kalau ada latihan-latihan, kaunseling itu lain. Latihan-latihan yang bertujuan kalau dua tahun tidak ada apa-apa maknanya sekadar kaunseling sahaja mereka tidak akan dapat disedarkan. Kalau ada, kalau tidak ada tidak mengapalah. Jawab tidak ada itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ingin tahu selain daripada kaunseling sama ada program-program khusus melatih mereka dan kesannya.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Setakat ini saya tidak ada maklumat berkaitan dengan ini. Saya mohon notis supaya memberi jawapan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

6. Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah kakitangan Badan Pencegah Rasuah (BPR) di seluruh negara dan berapa ramaikah yang mempunyai kemahiran khusus di dalam bidang-bidang tertentu yang diperlukan dalam menjalankan tugas penyiasatan dunia pendakwaan dengan berkesan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, daripada 1,734 jawatan yang telah diluluskan untuk Badan Pencegah Rasuah sejumlah 1,204 jawatan iaitu kira-kira 69.4% telah diisi manakala pengisian bagi baki 530 jawatan iaitu 30.6% sedang giat diusahakan. Bilangan perjawatan yang telah diisi ini melibatkan 808 jawatan Pegawai Badan iaitu 67.1% dan 396 jawatan Pegawai Guna sama iaitu 32.9%.

Untuk melaksanakan tugasnya dengan efektif selaras dengan keperluan semasa BPR pada ketika dianggotai seramai 20 Pegawai Badan yang mempunyai latar belakang undang-undang. 31 orang Pegawai Badan berlatar belakang bidang perakaunan, 38

orang Pegawai Badan yang berlatar belakang kejuruteraan dan 545 orang Pegawai Badan dari lain-lain jurusan.

BPR sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kepakaran pegawai-pegawainya dalam bidang-bidang teknikal yang khusus seperti forensik perakaunan, forensik kejuruteraan dan forensik komputer untuk memudahkan mereka menjalankan siasatan dan mengesan kesalahan seterusnya, dapat menghasilkan kertas-kertas siasatan yang berkualiti untuk tujuan pendakwaan.

Kursus-kursus dalam bidang forensik kejuruteraan, perakaunan dan komputer kini diadakan dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi MARA. Kursus-kursus dalam perkhidmatan juga diadakan secara berkala meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai-pegawai BPR dalam melaksanakan tugas mereka. Selain daripada latihan yang dikendalikan oleh BPR sendiri, pegawai BPR turut dihantar ke pusat-pusat latihan tempatan seperti Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan serta agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang di luar negara.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, setelah siasatan dibuat oleh pihak BPR adakah BPR memberikan cadangan untuk satu-satu kes itu dibawa dan didakwa oleh Peguam Negara dan apakah kriteria-kriteria yang diguna pakai? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, BPR bidang kuasanya hanyalah untuk menyasiat dan mengumpul segala maklumat dan hasil daripada siasatan itu ia akan dihantar kepada *Attorney-General* tanpa apa-apa pandangan daripada BPR ...

Tuan Yang di-Pertua: Sepanjang ingatan saya, Yang Berhormat telah pun menggariskan garis pemisahan di antara penyiasat pendakwa.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, ingatan macam gajah. Memang saya cakap begitu. Jadi pejabat Peguam Negara sahaja yang akan mengambil keputusan sama ada mendakwa ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan kekosongan yang telah disebutkan tadi 530 dalam badan ini. Adakah pihak kerajaan

bercadang supaya meminjam pegawai-pegawai dari polis atau badan-badan lain yang sesuai untuk bertugas dalam BPR supaya kekosongan ini dapat diisikan dengan serta merta. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya daripada 530 jawatan yang kosong ini ia disabitkan oleh kerana BPR telah mendapat pertambahan sebanyak 410 jawatan baru yang berkuat kuasa pada 1 Mei 2005, jadi kalau tolak 530 tolak 410 bermakna yang betul-betul kosong daripada dahulu ialah hanya 120. Berkenaan dengan jawatan daripada polis semua ini sebenarnya mereka termasuk kadang-kadang di bawah pegawai guna sama bermakna kita guna samalah iaitu mungkin kadangkala digunakan juga untuk BPR.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi kalau benar ada budaya tak mahu bagi dan tak mahu ambil itu pun sudah cukup untuk cegah rasuah.

7. **Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan berapakah jumlah keseluruhan pengusaha ikan hiasan yang terdapat di Malaysia dan apakah strategi pihak kementerian supaya graduan-graduan yang menganggur dapat melibatkan diri dalam sektor ini memandangkan permintaan yang begitu tinggi dari luar negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]: Tuan Yang di-Pertua, ikan hiasan dikenal pasti sebagai salah satu komoditi akuakultur yang utama di bawah dasar pertanian negara ketiga. Kementerian Pertanian Industri Asas Tani telah menetapkan sasaran pengeluaran sebanyak 900 juta ikan hiasan bernilai RM190 juta dalam tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat kira-kira 420 orang pengusaha ternakan ikan hiasan di negara ini. Pihak kementerian mengalu-alukan dan menggalakkan semua pihak termasuk graduan yang menganggur untuk menceburi bidang ini memandangkan permintaan pasaran yang tinggi dari luar negara. Di antara strategi dan program untuk menggalakkan mereka yang berminat termasuk graduan yang menganggur memasuki sektor ini ialah:

- (i) Jabatan Perikanan menganjurkan kursus ternakan ikan hiasan yang secara percuma. Kursus formal selama dua minggu ini merangkumi teknik pembiakan dan pemeliharaan ikan hiasan.

- Program kursus juga melibatkan kerja praktis di dalam kolam dan lawatan projek ikan hiasan yang berjaya,
- (ii) latihan sangkut di pusat-pusat pengembangan akuakultur Jabatan Perikanan,
 - (iii) program inkubator ikan hiasan selama dua tahun di premis Jabatan Perikanan,
 - (iv) kemudahan insentif seperti pengecualian cukai pendapatan,
 - (v) penyertaan dalam persatuan ikan hiasan untuk memudahkan mereka mendapat maklumat mengenai teknologi dan pasaran.
- Pada masa ini terdapat 10 Persatuan Ikan Hiasan.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, memandangkan industri akuakultur adalah satu industri yang berpotensi dan masih belum dieksploitasi sepenuhnya maka saya ingin tahu kepada pihak kementerian sejauh manakah komitmen dan kemampuan kementerian dalam melaksanakan program memperkasakan semangat dan penambahan pendapatan di kalangan petani-petani di kawasan luar bandar seperti mana yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita?. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu semalam sudah menjadi soalan utama. Transformasi sektor pertanian melalui *the exercise of political will*. Diulangi semula soalan itu saya serahkanlah kepada Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Senator Chun mengenai langkah-langkah yang diambil

Tuan Yang di-Pertua: Senator Chun atau senator yang “cun”, serupalah.
[Ketawa]

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Dua-dua sama. Mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pertanian untuk mentransformasikan sektor pertanian dalam negara kita jadikan sektor pertanian sebagai sektor yang ketiga penting di samping sektor pembuatan dan perkhidmatan. Jadi yang pertamanya Kementerian Pertanian telah pun mengambil langkah-langkah mungkin semalam telah pun

disebutkan terutamanya kita hendak mewujudkan yang kita namakan satu kerjasama di antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mewakili Kerajaan Pusat. Yang kedua, kerajaan-kerajaan negeri dan yang ketiga, melibatkan sektor swasta. Tiga pihak perlu terlibat dalam kita menjayakan hasrat jadikan sektor pertanian sebagai sektor yang ketiga terpenting dalam negara. Jadi, kementerian dari segi Kementerian Pertanian kita akan memberi kemudahan-kemudahan dan kita minta kerajaan negeri bagi menyediakan tapak tanah sebab kalau tidak ada tanah bagaimana kita hendak tanam, bagaimana kita hendak jalankan aktiviti ternakan. Begitu juga dengan pemprosesan dan sebagainya.

Dan, yang ketiganya, di samping penglibatan kumpulan sasar yang sedia ada, bukan makna kita abaikan tugas dan tanggungjawab kementerian untuk membangunkan, meningkatkan lagi pendapatan kumpulan sasar, tetapi kita sangat-sangat mengalu-alukan penyertaan pihak swasta ...[Disampuk].....langkah yang diatur oleh Kementerian Pertanian untuk kita memajukan sektor pertanian, memperkasakan sektor pertanian di Malaysia.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sasaran kementerian pada tahun 2010 adalah besar iaitu hampir satu bilion dari segi ikan hiasan ini. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, jenis-jenis ikan hiasan ini banyak. Yang manakah yang paling popular sekali supaya dari segi perancangannya peminat-peminat ikan hiasan ini dapat menjurus ke arah membangunkan ternakan ikan hiasan ini? Yang kedua, dari segi negara-negara manakah yang banyak mengimport ikan hiasan daripada negara kita?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman. Ikan hiasan ini kita punya matlamatnya ialah untuk pasaran global. Jadi, dalam kita menjalankan aktiviti ikan hiasan ini, kita perlu mengetahui jenis-jenis ikan hiasan yang mendapat permintaan tinggi. Kita ada, dia kata ada nama *Malaysian top*, dengan izin, "*Malaysian top thirty export of ornamental fish*". Ada 30 jenis tetapi saya tidak boleh hendak baca sampai 30, saya boleh bagi kepada Yang Berhormat Senator kalau Yang Berhormat hendak dapat sampai 30 itu? Saya baca..

Tuan Yang di-Pertua: Lima cukuplah.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Ya!.

Tuan Yang di-Pertua: Lima, lima.

Dato' Seri Shariff bin Omar: Lima sahaja, yang pertamanya Oskar, yang keduanya *Fighting fish*, ini semua dalam bahasa Inggeris, saya kena cakap dalam bahasa Inggeris. Ikan belaga kot [*Ketawa*]. *Fighting fish*, kemudian itu ikan Mas, *gold fish*, kemudian *molly* yang ada janggut panjang itu, *guppy*, *angelfish* dan *discus* ini lima yang apa, popular. Kemudian negara-negara yang kita eksport ialah ke Eropah, ke Jepun dan ke Singapura.

Pada tahun hadapan Malaysia akan menganjurkan satu pameran yang bertaraf antarabangsa, bertaraf dunia di Kuala Lumpur yang kita akan namakan sebagai *Malaysian Aqua Fair 2006*, yang akan melibatkan satu *fair* mengenai dengan ikan hiasan. Ini salah satu langkah yang dibuat oleh Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pertanian untuk memperhebatkan lagi aktiviti akuakultur dalam bidang ikan hiasan dan juga untuk menarik lebih banyak permintaan daripada negara-negara di dunia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat cukuplah, saya nak teruskan soalan supaya tidak pudar semangat Yang Berhormat Menteri, datang untuk jawab soalan.

8. **Tuan Tan Cheng Tee** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada premium yang dikenakan untuk Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan adalah sama untuk semua rakyat atau mengikut kemampuan mereka dan syarikat mana yang akan mengelolakan skim ini.

Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Chua Soi Lek]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan memang prihatin dan menyedari akan perlunya diwujudkan mekanisme pembayaran negara yang bersesuaian. Lanjutan daripada itu kerajaan menerusi Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan sedang mengkaji pelaksanaan mengujudkan mekanisme pembiayaan kesihatan berkenaan.

Mekanisme pembiayaan kesihatan negara tersebut akan berasaskan kepada konsep Insurans Kesihatan Nasional, yang akan memberi faedah dan manfaat kepada kerajaan dan rakyat. Insurans Kesihatan Nasional ini bercirikan *community-riddled*, dengan izinnya, di mana kadar caruman ada sama bagi individu yang berkemampuan

serta tidak akan membebankan bagi golongan miskin, warga tua dan golongan kurang upaya dan pesara kerajaan, mereka akan terus dibiayai oleh kerajaan.

Konsep Insurans Kesihatan Nasional yang dicadangkan adalah berdasarkan subsidi silang di mana golongan yang sihat membantu golongan yang sakit, golongan pekerja membantu yang tidak bekerja, golongan yang kaya membantu yang miskin dan yang muda membantu yang tua dan sebagainya. Peruntukan akan terus diberikan oleh kerajaan kepada Kementerian Kesihatan untuk pembangunan kesihatan, khususnya dalam soal prasarana, kawalan pencegahan penyakit, latihan, penyelidikan dan penguatkuasaan undang-undang. Berikutan dari itu *the National Health Care Financing Authority* selaku badan gabenor untuk menyegera dunia menguruskan mekanisme pembiayaan kesihatan negara akan diwujudkan oleh kerajaan.

Badan ini akan beroperasi sebagai satu badan berkanun di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia yang berfungsi sebagai sebuah perbadanan dan tanpa, dengan izinnya, bukan untuk keuntungan tanpa *profit* dan Kementerian Kesihatan tidak bercadang ia diswastakan. Sehingga kini aspek terperinci mengenai cadangan ini masih belum dimuktamadkan lagi dan kerajaan bersedia untuk mendengar pandangan dari semua pihak termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat supaya mekanisme yang bakal diwujudkan kelak akan memberi manfaat kepada semua golongan rakyat di negara kita keseluruhannya. Kementerian Kesihatan memberi jaminan bahawa pelaksanaan skim ini akan dibuat secara berperingkat dengan teliti dan berhati-hati supaya dapat berjalan dengan lancar tanpa menimbulkan kekeliruan dan tidak menjejaskan kualiti, kesaksamaan dan kekuatan yang sedia ada pada sistem sekarang.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah bila agaknya walau pun ianya belum muktamad, bila agaknya insurans ini akan berkuat kuasa dan adakah skim ini merangkumi ataupun melindungi penyakit yang dicari seperti penagihan dadah dan juga AIDS dan HIV. Terima kasih.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator....

Tuan Yang di-Pertua: Sekali lagi terpaksa saya betulkan Yang Berhormat, kadang-kadang HIV itu bukan dicari, kanak-kanak yang tak berdosa dapat HIV kerana mewarisi penyakit itu, jadi, tak adil kalau kata semua HIV itu dicari.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Majoritinya, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Chua Soi Lek: Sebenarnya pihak kami tidak dapat menentukan tarikh untuk pelaksanaan skim ini kerana kita masih menunggu, menunggu perakuan daripada pakar perunding. Pakar perunding ini diupah oleh EPU, supaya mereka nak mengkaji secara mendalam soal mekanisme kutipan caruman, kadar dan syarat untuk caruman dan mekanisme pembayaran kepada klinik dan hospital dan juga kadar pembayaran yang diperlukan oleh kerajaan.

Sebab itu kita masih kena menunggu apabila kajian ini disempurnakan dan diperakukan kepada EPU dan Kementerian Kesihatan, pihak kami masih memerlukan masa sekurang-kurangnya setahun hingga dua tahun dan memang tidak dapat dinafikan bahawa pelaksanaan ini akan menimbulkan sedikit sebanyak soal implikasi politik. Sebab itu kita kena berhati-hati dalam pelaksanaan mekanisme ini dan dari soal, adakah sistem ini merangkumi rawatan kepada penagih dadah termasuklah kepada HIV dan sebagainya. Itu bergantung kepada *packages* yang terkandung dalam insurans itu yang juga merupakan antara yang akan diperakukan oleh pakar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat atas jawapan yang komprehensif, tepat dan terang.

9. Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan setakat ini berapakah peruntukan yang telah diagihkan kementerian ke negeri Kelantan dan mengapakah biarpun dengan bantuan Kerajaan Pusat rakyat negeri Kelantan masih gagal menikmati pembangunan pesat seperti yang berlaku di negeri-negeri lain.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawa Kerajaan Pusat tidak pernah mengabaikan pembangunan di negeri Kelantan walaupun ianya diperintah oleh parti pembangkang.

Komitmen Kerajaan Pusat dalam membawa pembangunan ke negeri Kelantan khususnya di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah membuktikan melalui penyediaan peruntukan pembangunan yang besar, iaitu sejumlah RM650 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Ini jauh lebih besar daripada peruntukan

yang diberikan kepada negeri-negeri lain seperti Terengganu, Johor, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang dan Perlis.

Tentang mengapa rakyat negeri Kelantan masih gagal menikmati kehidupan seperti di negeri-negeri lain, pertamanya kerana Kelantan masih berada di bawah pemerintahan parti pembangkang dan kelihatan tidak mampu menjana kegiatan ekonomi negeri untuk dinikmati oleh rakyat.

Keduanya, kerajaan negeri tidak mampu menarik pelabur-pelabur dari luar untuk melabur di Kelantan seolah-olah tidak ada keyakinan pelabur untuk melabur di sana.

Ketiganya, keadaan kemiskinan di Kelantan agak meluas dan mendalam sehingga ia perlu usaha yang lebih gigih dan berpanjangan untuk mengatasi masalah tersebut. Terima kasih.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua juga saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai jawapan tadi.

Soalan tambahan saya, memandangkan negeri Kelantan mempunyai golongan termiskin yang ramai, apakah peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Pusat untuk memperbaiki keadaan mereka. Adakah mencukupi? Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya sebelum menjawab soalan tambahan ini untuk mengalu-alukan kehadiran Wanita UMNO Bahagian Batu Pahat ke Dewan yang mulia. *[Tepuk]*

Memang negeri Kelantan mempunyai ketua isi rumah termiskin yang teramai iaitu 12,674 isi rumah, yang hampir 30 peratus daripada jumlah isi rumah termiskin di negara kita. Bagi peruntukan untuk golongan termiskin di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) atau PPRT sebelumnya, peruntukan untuk negeri Kelantan adalah sebanyak RM55.6 juta, iaitu yang paling tinggi di Semenanjung Malaysia.

Hanya Sarawak dan Sabah sahaja yang mendapat peruntukan yang lebih tinggi iaitu RM58 juta bagi Sarawak dan RM77 juta bagi Sabah. Kalaupun peruntukan untuk golongan termiskin masih tidak mencukupi, ia akan terus dibuat oleh Kerajaan Pusat setiap tahun sehingga kemiskinan tegar dijangka dapat diatasi sepenuhnya dalam jangka masa lima tahun akan datang. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan soalan tambahan saya, saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan mengapakah peruntukan pembangunan untuk negeri Kelantan disalurkan melalui JPP, tetapi tidak melalui kerajaan negeri sedangkan melalui tugas yang sama atau fungsi yang sama dan apakah perkara ini meliputi negeri-negeri yang lain? Adakah pemantauan dibuat oleh kementerian dari segi tahap pembangunan 10 tahun Kelantan di bawah pentadbiran PAS dengan 10 tahun Kelantan di bawah pentadbiran UMNO? Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Peruntukan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat semestinya perlu dipantau dan disalurkan melalui jentera Kerajaan Pusat kerana kita mahu memastikan segala peruntukan ini menepati sasaran yang layak untuk mendapatnya. Kita tidak begitu yakin dengan kemampuan kerajaan negeri kerana kepentingan politik mungkin yang kita tidak mahu melihat peruntukan-peruntukan ini dipersiapkan.

Keduanya, kita tidak perlu kepada satu bukti yang lebih nyata daripada keadaan sekarang yang kita lihat bahawa negeri Kelantan adalah merupakan negeri yang termundur dan termiskin di Semenanjung ini. Kalau kita lihat perubahan semenjak 10 tahun atau 15 tahun di bawah pemerintahan pembangkang, kita lihat tidak ada satu pun projek yang besar yang boleh dibanggakan oleh rakyat Kelantan. Manakala segala yang ada adalah dibuat semasa pemerintahan UMNO dan Barisan Nasional.

Umpamanya pada suatu masa di bawah pemerintahan parti Barisan Nasional, pusat pertumbuhan pelaburan di Kelantan iaitu di Pangkalan Chepa dapat dilihat meningkat dari segi sambutan pelabur, tetapi semenjak akhir-akhir ini bukan sahaja pelabur baru tidak masuk tetapi yang ada pun sudah beransur-ansur keluar dari Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab itu dari sumbangan, Yang Berhormat tidak sebut mungkin Kerajaan Persekutuan begitu bersungguh hingga melantik orang Kelantan menjadi Timbalan Menteri.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah mengikut kenyataan Yang Berhormat tadi, semua saluran

Persekutuan disalurkan melalui JPP, maka adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa JKPPlah kalau begitu yang menentukan sama ada Kelantan itu maju ataupun mundur.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dipantau oleh JPP adalah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat dan JPP telah berjaya memastikan peruntukan ini dibelanjakan sebaik mungkin dan menepati sasaran.

Soal status pembangunan dan kemunduran negeri Kelantan tidak bergantung kepada pelaksanaan semata-mata. Ia bergantung kepada jumlah perbelanjaan. Kerajaan Pusat sudah pun menjalankan tanggungjawabnya sehingga membelanjakan di antara yang tertinggi di kalangan negeri-negeri yang saya sebutkan tadi, walaupun negeri-negeri lain berada di bawah Barisan Nasional masih lagi diperuntukkan jumlah yang kurang berbanding dengan negeri Kelantan.

Adalah juga menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk menjana pertumbuhan kegiatan ekonomi untuk mengutip hasil, untuk menjalankan kegiatan-kegiatan pembangunan di negeri ini. Tidak ada gunanya satu-satu pemerintah untuk mengharapkan bantuan daripada Kerajaan Pusat semata-mata. Kalau kerajaan negeri tidak mampu, maka ini adalah satu penganiayaan kepada rakyat Kelantan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya orang luar semua tidak campur, yang tanya pun Kelantan, yang jawab pun Kelantan, yang soalan tambahan pun Kelantan.

10. Tuan Lee Sing Chooi minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian Malaysia atas setiap reformasi yang dicadangkan untuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Lee Sing Chooi pada hari ini dan soalan dari Yang Berhormat Senator Puan Hajah Shamsiah binti Samsudin pada esok hari dengan secara serentak memandangkan kedua-dua soalan tersebut adalah saling berkait.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Malaysia menyokong penuh usaha pembaharuan PBB berdasarkan prinsip bahawa pembaharuan yang dijalankan perlu bertunjangkan kepada pembaharuan yang komprehensif ke arah menjadikan PBB lebih demokratik dan mewakili masyarakat dunia secara menyeluruh ataupun dengan izin, *representative*.

Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini memandangkan Setiausaha Agung PBB melalui laporannya telah mengemukakan sebanyak 101 cadangan, tentu sekali masa tidak mengizinkan saya menyatakan pendirian Malaysia bagi setiap satu cadangan tersebut. Saya rangkumkan kesemuanya dalam nada untuk menyatakan bahawa Malaysia berpendapat bahawa pembaharuan yang digerakkan haruslah bersifat menyeluruh dan tidak hanya tertumpu ke arah pembaharuan Majlis Keselamatan PBB sahaja. Tumpuan yang seimbang perlu diberi ke atas isu-isu PBB yang lain seperti soal pembangunan alam dan pembasmian kemiskinan, isu keamanan dan keselamatan, hak asasi manusia, pemuliharaan alam sekitar dan isu-isu penting yang lain.

Justeru itu pembaharuan yang dicadangkan perlu dilaksanakan terhadap kesemua organ PBB seperti Majlis Ekonomi dan Sosial (ECOSOC), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (CHR) dan juga sekretariat yang menggerakkan PBB itu sendiri. Di samping itu peranan Perhimpunan Agung PBB juga perlu dipertingkatkan dengan diberi mandat yang lebih luas memandangkan organ tersebut merupakan satu wadah dan diwakili oleh kesemua 191 negara anggota PBB.

Pada akhir jawapan saya ingin menyatakan Malaysia memperakui bahawa pembaharuan ke atas Majlis Keselamatan adalah antara pembaharuan yang paling penting dalam usaha membawa reformasi kepada PBB. Malaysia menyokong keanggotaan Majlis Keselamatan diperluaskan bagi kedua-dua jenis keahlian iaitu ahli tetap dan juga ahli tidak tetap.

Walau bagaimanapun, penyusunan semula Majlis Keselamatan perlu meliputi isu-isu yang lebih komprehensif iaitu isu cara kerja, dengan izin, *working methods* majlis tersebut itu sendiri. Penyusunan semula Majlis Keselamatan harus membawa kepada satu badan yang lebih bersifat demokratik dan mempunyai sifat bertanggungjawab dengan izin, *accountability* terhadap keahlian PBB secara amnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Lee Sing Chooi kemudian Datuk Dr. Chin Fook Weng dan Tuan Hassan Haji Shukri.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, untuk memberi perseimbangan, perspektif dalam pembaharuan PBB, Malaysia sebagai Pengerusi NAM dan juga OIC, adakah dan apakah cadangan-cadangan yang diketengahkan untuk pembaharuan PBB atas kepentingan negara-negara NAM dan OIC.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan. Saya mohon sedikit masa Tuan Yang di-Pertua, untuk menyatakan bahawa setakat ini terdapat tiga resolusi yang dibawa oleh pelbagai anggota untuk mendapatkan cadangan penstrukturan semula PBB ini. Cadangan pertama datang daripada negara G4 yang mengandungi negara-negara Germany, India dan Japan. Ia di *sponsor* oleh 29 buah negara dan mereka meminta supaya enam anggota tetap ditambah dan empat anggota tidak tetap ditambah. Mereka minta supaya kuasa veto ini diketepikan.

Kumpulan kedua pula adalah kumpulan yang menyokong resolusi *Uniting For Consensus* (UFC) termasuk Itali, Pakistan, Mexico, Argentina, Korea dan Spain. Mereka tidak bersetuju ditambah anggota tetap PBB. Cuma mereka bersetuju supaya sepuluh anggota tidak tetap diberi.

Kumpulan yang ketiga pula dinamakan kumpulan daripada negara-negara Afrika. Mereka ini bersetuju dengan 'Consensus eusol winning' yang minta supaya anggota tetap ditambah kepada 26 dan Afrika meminta empat daripada 26 tersebut.

Malaysia sebagai Pengerusi NAM lebih berkeyakinan bahawa anggota itu sendiri tidak merupakan satu yang penting tetapi *methods* ataupun cara-cara memperbaharui struktur itu sendiri lebih penting dan Malaysia percaya kemungkinan dipersetujukan semua negara secara *consensus* adalah terlalu *remote* ataupun kecil kerana tiap-tiap negara mempunyai pandangan yang berbeza, tidak ambil kira lagi lima anggota tetap Amerika, Russia, China, France dan UK yang juga mempunyai pandangan yang berbeza.

Jadi pada bulan September ini di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu akan diputuskan secara langsung atau tidak langsung bagaimana keanggotaan dan penstrukturan semula PBB.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkas, ya, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah spesifik tentang satu daripada cadangan tersebut iaitu negara Jepun. Apakah pendirian Malaysia terhadap permohonan daripada negara Jepun memandangkan kita adalah sahabat baik mereka, kita banyak perniagaan dengan mereka dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, PBB ini ditubuhkan pada tahun 1945 iaitu 60 tahun dahulu yang pada masa itu cuma ada 48 anggota pertubuhan tersebut dan sekarang sudah jadi 191 anggota.

Jadi, untuk meluluskan usul pemindaan kepada penstrukturan PBB ini memerlukan 123 daripada 161 anggota iaitu 2/3 majoriti. Jepun termasuk India, Jerman dan Brazil membawa resolusi G4 kerana Malaysia secara prinsipnya bersetuju tentang keanggotaan Jepun menjadi anggota tetap PBB ini dan kita percaya bahawa Jepun sebagai negara berdaulat mempunyai hak untuk mencalonkan negaranya untuk mengisi mana-mana jawatan kosong di PBB dan Jepun sebagai negara berdaulat juga mempunyai hak untuk melobi sokongan daripada negara lain untuk pencalonannya.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu apakah pada pandangan Malaysia jika sekiranya kuasa-kuasa ataupun ahli tetap Bangsa-Bangsa Bersatu ini masih diteruskan, maka kuasa veto yang biasanya mereka lakukan itu akan dapat diatasi oleh negara-negara yang diambil tindakan atas dasar kuasa itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Selain dari yang dimaksudkan oleh perubahan kaedah dan prosedur, dan *methods* itu tadi.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Yang Berhormat, saya percaya seperti yang saya jawab tadi bahawa *working methods* tentang Majlis Keselamatan PBB dan keseluruhan penstrukturan PBB itu kalau dapat dipersetujui dalam Mesyuarat Agung PBB pada September ini akan membawa satu perubahan yang mendadak kepada dunia

kalau semua negara boleh bersetuju. Tetapi yang lebih penting PBB (*United Nations*) itu sendiri perlu diberi peranan lebih penting, lebih substantif untuk menjadi badan yang dapat menjadi payung kepada semua isu yang boleh saya rangkumkan dalam bahasa Inggerisnya, *serves as a conscience of the world on the burning issues of our time*. Terima kasih.

11. **Tuan Chiam Yong Tee** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk membendung unsur fitnah, lucah dan ugutan menerusi Sistem Pesanan Ringkas (SMS).

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menjawab bersekali soalan pada hari ini bersama-sama dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam pada 20 Julai 2005 mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan memberi perhatian kepada penyalahgunaan alat komunikasi mudah alih yang boleh membawa kesan-kesan negatif kepada aspirasi negara. Seksyen 233(1) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 membolehkan pihak SKMM untuk mendakwa orang yang menggunakan mana-mana kemudahan atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi untuk membuat atau menghantar apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiaya, mengugut atau mengganggu orang lain. Jika disabitkan kesalahan pesalah boleh didenda sehingga RM50,000 atau dipenjarakan untuk tempoh tidak lebih dari satu tahun atau kedua-duanya.

Selain daripada itu kesalahan di atas juga boleh didakwa di bawah akta-akta yang lain seperti Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957 dan Kanun Keseksaan Seksyen 292 dan Seksyen 293. Akta Penapisan Filem 2002 Seksyen 5(1) juga membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan terhadap pemilik bahan-bahan lucah yang berbentuk filem. Langkah-langkah lain yang telah dan sedang diambil oleh kementerian

ini bersama beberapa kementerian untuk membendung ancaman ini terutama di internet ialah:

- (i) menganjurkan program kesedaran dan pendidikan mengenai penggunaan internet dan alat komunikasi mudah alih secara positif;
- (ii) menyediakan pusat aduan di forum kandungan di bawah selia SKMM; dan
- (iii) pihak SKMM kini berada di peringkat mengemukakan hasil kajian untuk memastikan pendaftaran pengguna-pengguna telefon bimbit yang menggunakan kad prabayar sebagai langkah kawalan data.

Walau bagaimanapun, tindakan undang-undang hanya boleh diambil jika pihak menerima kandungan yang berunsur fitnah, lucah dan ugutan membuat aduan kepada kementerian atau pusat aduan, forum kandungan atau Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Terima kasih.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah.....

Tuan Yang di-Pertua: Biasanya Yang Berhormat yang dapat keutamaan tetapi.....

Datuk Jins Shamsudin: Saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Kerana Dewan menghormati Yang Berhormat. Silakan.

Datuk Jins Shamsudin: Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan sedar sistem pesanan ringkas telah merubah sistem pemilihan yang menggunakan penjurian kepada pemilihan secara popular dan ini khususnya dalam bidang seni atau bidang hiburan. Dan, ia telah merubah sistem ini, apakah kita ingin melahirkan yang popular atau yang terbaik? Jadi, kalau mengikut kehendak Perdana Menteri, kita harus melahirkan *towering personalities*, dengan izin. Dan, unsur-unsur SMS juga ada mengandungi unsur-unsur perjudian. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita ketahui sistem pesanan ringkas ini merupakan satu alat, sebagai alat perhubungan sahaja. Dari segi keputusan, menentukan kepopularan mana-mana pertandingan bukanlah terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Terima kasih.

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah tindakan diambil terhadap mereka yang menyalahgunakan perkhidmatan sms dan jika ada sila nyatakan kes-kes yang telah dihadapkan ke mahkamah.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebagaimana yang saya katakan tadi pihak kementerian ataupun Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia hanya boleh mengambil tindakan sekiranya terdapat aduan ataupun rungutan orang ramai secara nyata kepada pihak forum kandungan ataupun Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Dan, untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini saya tidak ada maklumat terperinci tentang berapakah laporan yang telah diterima oleh pihak suruhanjaya. Saya juga ingin menjawab semula jawapan soalan daripada Yang Berhormat Dato' Jins tadi berhubung dengan permainan dari segi perjudian. Untuk pengetahuan adalah tidak dibenarkan mana-mana syarikat Telco, Celco untuk membenarkan mana-mana syarikat menggunakan network mereka untuk tujuan perjudian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi jawab lisan telah pun cukup.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AGENSI PEKERJAAN SWASTA (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." ***[18 Julai 2004]***

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila sambung. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bercadang untuk habiskan penggulungan ini sebelum kita rehat berhenti tengah hari.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:

Begitulah kira-kiranya.

Tuan Yang di-Pertua: Okay.

11.14 pg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung kembali mengenai dengan perbahasan Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2005. Secara kesimpulannya bidang tugas Agensi Pekerjaan Swasta:

- (i) adalah untuk menempatkan pekerja-pekerja dalam negara ini sendiri;
- (ii) untuk menempatkan pekerja-pekerja ke luar negara; dan
- (iii) menguruskan soal pembantu rumah. Itu pun mesti diizinkan oleh pihak imigresen di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pada hari ini, saya ingin menjurus kepada beberapa persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan. Yang pertama daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan juga daripada Puan Wan Ubaidah binti Omar serta beberapa Yang Berhormat yang lain. Mereka bertanya mengenai dengan insentif ataupun menggalakkan pakar-pakar Malaysia yang berada di luar negara untuk kembali bekerja di Malaysia setelah lama berkhidmat di negara-negara luar. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa pihak kerajaan memang menggalakkan pekerja-pekerja Malaysia yang berada di luar daripada Malaysia kembali dengan memberikan beberapa insentif. Di antaranya:

- (i) semua barang persendirian seperti perabot dan sebagainya yang dibawa balik akan dikecualikan daripada cukai;
- (ii) dua buah kereta yang dibawa balik dikecuali daripada duti import ataupun duti eksais. Jika pemohon tidak membawa balik kenderaan, mereka dibenarkan membeli dua buah kereta yang dipasang di Malaysia dan ini dikecualikan daripada duti eksais;
- (iii) anak dan isteri ataupun suami pemohon akan diberi taraf penduduk tetap dalam tempoh enam bulan selepas pulang ke Malaysia;

- (iv) anak pemohon dibenarkan belajar ataupun bersekolah di sekolah-sekolah antarabangsa di Malaysia.

Semua galakan ini telah dinyatakan kepada pakar-pakar Malaysia yang berada di luar negara dengan harapan mereka itu akan segera kembali. Namun demikian, daripada sejumlah kira-kira 30,000 orang pakar-pakar Malaysia yang berada di luar negara, sambutannya masih dingin. Sehingga ke hari ini, yang memohon tidak lebih daripada 700 orang dan yang kembali menyahut seruan ini tidak sampai pun 300 orang. Oleh hal yang demikian, pihak Kementerian Sumber Manusia dan juga kementerian yang lain sedang memikirkan satu kaedah bagaimana untuk membawa pulang pakar-pakar Malaysia ini ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, baru-baru ini di dalam akhbar ada disebutkan Air Asia telah berjaya membawa balik begitu banyak juruterbang, bagaimana pula?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ini yang saya hendak sampaikan, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang menjadi masalah kepada pihak kerajaan dan juga pihak majikan iaitu mereka yang bekerja di luar negara ini lazimnya diberikan gaji yang jauh lebih mahal daripada gaji yang akan diterima di Malaysia. Bukan dua kali ganda, bukan tiga kali ganda, setengah itu ada tujuh, lapan kali ganda.

Ini menyebabkan mereka itu tawar hati kerana keadaan ataupun kedudukan gaji yang ditawarkan rendah, khususnya jika dibanding dengan gaji yang mereka perolehi dari negara-negara Barat dan juga dari Amerika Syarikat. Ini satu perkara yang begitu sukar untuk dilakukan. Berbalik kepada keupayaan Air Asia tadi, Tuan Yang di-Pertua.....

Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih. Semasa saya membahaskan perkara ini, cadangan saya ialah supaya menggunakan perkhidmatan firma-firma yang dilesenkan itu untuk membantu kerajaan. Bolehkah kita diberitahu setakat ini berapa yang berjaya balik itu diperakukan oleh firma berkenaan atau mereka hanya terus memohon kepada kerajaan dan kerajaan sendiri menguruskan perkara ini. Terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Pohon laluan sebab berkaitan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Saya ingin tahu adakah firma-firma *online* seperti Job Street adalah juga di bawah pemantauan kementerian?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sebenarnya mereka yang pulang yang saya sebutkan tadi tidak lebih daripada 300 orang adalah mereka yang telah diperakui oleh firma-firma yang telah dilesenkan. Itu tidak menimbulkan masalah. Memang Job Street di bawah agensi pekerjaan swasta dan banyak lagi syarikat yang lain.

Berbalik kepada keadaan ini kita juga menghadapi bukan sahaja masalah penawaran gaji yang rendah tetapi juga suasana pekerjaan yang berbeza, iklim yang berbeza dan sebagainya. Namun demikian, disebabkan dasar kerajaan begitu demokratik dan juga bersifat liberal, kita tidak dapat menghalang pekerja-pekerja Malaysia pergi ke luar negara. Ini satu perkara yang tidak boleh kita paksa mereka. Oleh hal yang demikian, ataupun namun demikian, pihak kerajaan sedang berusaha untuk memberi insentif-insentif baru ataupun tawaran-tawaran baru yang difikirkan dapat menarik balik pakar-pakar keluar negara. Tetapi jangan kita bimbang kerana walaupun pakar-pakar Malaysia ini banyak juga yang berada di luar negara, tetapi kerajaan sedang melatih ataupun membimbing orang-orang tempatan, anak-anak muda tempatan sekarang untuk memenuhi ruang-ruang keperluan khususnya bidang kemahiran di negara ini sendiri.

Saya juga hendak sebut mengenai dengan perkara yang lain, iaitu mengenai dengan statistik pemilikan ekuiti APS di antara kedudukan bumiputera dan juga bukan bumiputera yang ditanya oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman.

- (i) bumiputera – 100% sebanyak 238 APS;
- (ii) bukan bumiputera – 100% sebanyak 652 APS;
- (iii) majoriti bumiputera yang lebih 51% di dalam penggabungan sesebuah syarikat ialah 158 APS; dan
- (iv) majoriti bukan bumiputera lebih 51% di dalam sesebuah syarikat yang bergabung antara bumiputera dan bukan bumiputera sebanyak 115 APS.

Itulah kedudukan statistik pemilikan ekuiti APS antara bumi dan bukan bumi. Sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menggambarkan bahawa APS bumiputera begitu juga gabungan yang melebihi 51% adalah jauh lebih rendah ataupun dapat saya kata, tersangatlah rendah dari segi pemilikannya. Jadi, apakah langkah-langkah kementerian untuk memberi jaminan atau memastikan bahawa pemilikan ini boleh dipertingkatkan. Pertama.

Yang kedua, apakah jaminan daripada kementerian bahawa syarikat-syarikat yang pemilikan bukan bumiputera pun sebenarnya adalah digunakan sebagai alasan untuk mendapat lesen sahaja?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, memang kita sedar tentang perbezaan yang ketara ini. Oleh hal yang demikian, pelbagai usaha telah dibuat. Pertamanya, kita menggalakkan lagi dari segi pengiklanan dan juga maklumat untuk menjadi ataupun menubuhkan syarikat agensi pekerjaan swasta ini di kalangan bumiputera.

Yang keduanya, kita memberikan sokongan-sokongan latihan, moral dan juga keilmuan kepada syarikat-syarikat yang baru. Sebenarnya kalau dilihat pada awal APS dilahirkan dahulu bumiputera begitu rendah kedudukannya. Ketika itu tidak sampai pun 30%, hari ini telah meningkat kepada 49% dalam setengah gabungan dan juga 50% dalam keadaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah saya ganggu Yang Berhormat sebentar...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: ... untuk kita sama-sama mengalu-alukan delegasi dari Parlimen Fiji. Sila beri tepukan. [*Tepuk*] Sila teruskan Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Jadi, dalam soal ini tentang bukan bumiputera, memang usaha-usaha telah lama dibuat supaya wujudnya penggabungan. Kerana untuk menubuhkan satu APS ia juga memerlukan modal sekurang-kurangnya ada RM25,000 modal berbayar kepada mana-mana syarikat di samping mempunyai premis-premis, di samping juga mempunyai tenaga-tenaga mahir, terlatih yang mencukupi. Oleh itu, soal penggabungan di antara bukan bumi dengan bumi memang dialu-alukan dan digalakkan apabila memohon lesen untuk mewujudkan APS itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya percaya rombongan delegasi Parlimen Fiji pun berminat soal bumiputera dan bukan bumiputera ini.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Bumiputera. *[Ketawa] Fijian Parliamentarians, you are welcome to Dewan Negara, House of Parliament of Malaysia.*

Tuan Yang di-Pertua: Mereka pun ada masalah bumiputera dengan bukan bumiputera ini.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: *[Ketawa] Yes, I know that.* Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir menyebut tentang keutamaan pekerjaan kepada pekerja tempatan. Semacam ada satu rasa tidak puas hati mengenai dengan kehadiran begitu ramai pekerja asing ke negara ini terutama beliau menyentuh tentang pekerja-pekerja Pakistan.

Saya hendak sebutkan di sini bahawa tentang kehadiran pekerja-pekerja asing sebagaimana yang telah saya sebutkan semalam, ini adalah untuk memenuhi ruang ataupun bidang-bidang yang dianggap 3D – *dirty, dangerous and difficult*. Inilah yang diwarnai dan juga banyak dimonopoli oleh pekerja-pekerja asing ini sendiri.

Memang kerajaan tidak bercadang untuk terus mengekalkan begitu ramai pekerja-pekerja asing. Menjelang 2010 kerajaan berhasrat untuk mengurangkan bilangan pekerja asing yang berjumlah sekarang ini 1.54 juta pekerja asing yang sah, yang berdaftar kepada setengah juta sahaja.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: *[Masuk ke Dewan]*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dato' Musa dah masuk mengambil tempat. *[Ketawa]* Mengenai dengan Pakistan, saya hendak sebutkan di sini di antara kelebihan pekerja-pekerja Pakistan ini mereka lebih berpengalaman, berkebolehan, berkemahiran terutamanya dalam bidang-bidang pertanian dan juga buruh am yang lain.

Saya juga hendak sebutkan di sini bahawa kita juga rasa terhutang budi kepada pihak Kerajaan Pakistan kerana Pakistan hari ini mempunyai perdagangan antara Malaysia dengan begitu baik sekali tetapi tidak seimbang. Kerajaan Pakistan lebih banyak membeli barangan daripada Malaysia daripada Kerajaan Malaysia membeli barangan yang banyak daripada Pakistan.

Sebagai contohnya, sehingga December 2004 kita mengeksport barangan daripada Malaysia berjumlah RM2,664.93 juta. Itu yang kita beli, yang kita hantar ke Pakistan. Manakala Pakistan membeli barangan daripada Malaysia hanya RM206 juta sahaja membawa perbezaan kepada RM2,458.93 juta.

Dato' Omar bin Faudzar: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sedikit sahaja, saya hendak habis, selepas ini saya beri laluan. Bagi Januari sehingga April 2005 juga tidak seimbang. Jumlah dagangan RM909.92 juta dan daripada jumlah itu kita mengeksport ke negara Pakistan sejumlah RM838.32 juta, manakala importnya berjumlah RM70.8 juta, perbezaannya RM76.7 juta. Itulah di antara perkara yang juga diambil kira dalam membawa pekerja asing daripada Pakistan untuk ke mari. Sila Yang Berhormat.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa tiga fakta, 3D, iaitu *difficult*, *dirty* dan...

Tuan Pengerusi: *Dangerous*.

Dato' Omar bin Faudzar: *Dangerous*. Yang menyebabkan pekerja-pekerja kita ini tidak hendak bekerja di kawasan-kawasan tertentu. Tetapi kita imbas kembali sejarah kita. Kalau dahulu orang-orang Melayu kita banyak yang kerja di....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, boleh saya ganggu sebentar. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peraturan mesyuarat 6(3) dengan ini saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara selanjutnya, terima kasih.

[Datuk Haji Karim Ghani ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih, Yang Berhormat. Teruskan.

Dato' Omar bin Faudzar: Berbalik kepada 3 D tadi, ya. *Difficult*, *dangerous* dan *dirty*. Sejarah, kalau dahulu orang-orang kampung kita bekerja di bendang, di sawah, kerja di kawasan kelapa sawit dan juga menoreh getah. Ini satu kerja yang saya rasa kalau hendak kotor, memang kotorlah. Kalau getah itu memang berbau busuk, *dirty*. Tetapi dia sanggup bekerja di situ. Sama juga pada satu ketika dahulu kita ramai kontrak pekerja-pekerja Melayu yang bekerja sebagai *labourers* dalam industri

pembangunan. Ramai. Itu satu kerja yang *dangerous* dan *difficult*, tetapi mereka sanggup kerja. Sebab pada ketika itu gaji yang mereka dapat adalah lumayan.

Tetapi setelah dasar kerajaan hendak membandarkan orang-orang luar bandar yang bekerja di kawasan perladangan, di kawasan-kawasan pertanian dan sebagainya, maka dibawa orang-orang ini ke kawasan bandar, bekerja di kilang-kilang untuk mendapatkan pendapatan yang lebih lumayan. Daripada situ kita tengok ramai orang-orang dari Kedah, dari Kelantan dari negeri-negeri yang tidak membangun datang ke Pulau Pinang, datang ke Kuala Lumpur dan ke Johor Bahru untuk mendapat pendapatan yang lebih lumayan.

Jadi kita tengok ramai orang luar bandar datang ke kawasan-kawasan bandar untuk mendapatkan pendapatan yang lebih lumayan. Jadi masalah, *difficult* itu tidak timbul. Yang timbul ialah berapa saya dapat *at the end of the day*? Jadi, sekarang ini apabila kita sudah membandarkan orang-orang ini, mendapat pendapatan yang lebih daripada yang dia orang dapat dahulu semasa kerja di kawasan-kawasan luar bandar. Yang menjadi persoalan sekarang, di manakah dia orang ini sekarang yang bekerja di kilang-kilang ini, adakah mereka ini telah keluar ataupun mendapat pendapatan yang lebih di kawasan-kawasan lain ataupun mereka ini dibuang kerja oleh kilang-kilang kerana kilang-kilang ini merasakan bahawa mereka ini lebih menguntungkan sekiranya kita mengambil pekerja-pekerja daripada pekerja-pekerja asing ataupun mereka ini dianaktirikan dalam kilang ini dengan pemberi tumpuan kepada pekerja-pekerja asing.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sebenarnya kalau bercakap tentang pekerjaan ini, bukan semua rakyat Malaysia tidak mahu terlibat dalam sektor yang dianggap kotor, yang dianggap berat, dianggap sukar ini. Yang sebenarnya ia berlaku di kalangan generasi muda dan juga berpendidikan serta berkelulusan. Ini yang cuba dipinggirkan oleh pencari-pencari kerja di kalangan anak-anak muda sekarang. Jadi, ini berlaku apabila tawaran-tawaran pekerjaan dalam empat sektor yang saya sebutkan semalam berkehendakkan lebih daripada 400 ribu orang pekerja masih tidak dapat dipenuhi, maka terpaksa kita mengambil daripada negara-negara sumber ataupun asing yang lain.

Walau bagaimanapun, ingin saya jelaskan di sini bahawa usaha-usaha sedang dijalankan bagi menerangkan pada rakyat Malaysia bahawa sumber pendapatan,

khususnya pada mereka yang tidak berpendidikan dan juga tidak berkemahiran berkeilmuan yang tinggi, untuk menceburkan diri dalam sektor-sektor ini. Yang lainnya saya ingin jelaskan juga bahawa sebenarnya di Malaysia pilihan kerja begitu luas, begitu besar sekali. Mereka mungkin tidak bekerja di sektor-sektor yang dianggap 3D ini tetapi mereka bekerja di sektor-sektor yang lain.

Saya juga mengakui hakikat yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Omar tadi bahawa imigrasi dari luar bandar ke bandar juga merupakan faktor untuk dipinggirkan kerja-kerja yang dianggap lebih baik jika dibandingkan dengan sektor-sektor yang ada. Jadi, ini merupakan keadaan-keadaan ataupun senario yang sedang dihadapi oleh negara sekarang yang berkehendakkan kerajaan mencari jalan bagaimana untuk mengurangkan pekerja-pekerja asing ini. Tetapi perlu saya tegaskan di sini bahawa negara-negara yang membangun dalam dunia pada hari ini semuanya mempunyai pekerja asing.

Sebagai contoh, Amerika Syarikat yang mempunyai penduduk seramai 245 juta orang, pekerja asing dia ada 38 juta. Begitu juga setengah-setengah negara Eropah yang lain. Tidak ada negara yang membangun yang tidak mempunyai pekerja asing. Kita Malaysia dianggap sebagai sebuah syurga, sebuah negara yang menjadi rezeki kepada banyak orang, khususnya negara-negara miskin, tetapi mempunyai tenaga insan yang begitu banyak sekali.

Oleh hal yang demikian, mereka datang ke mari. Saya juga hendak sebutkan di sini bahawa kadar pengangguran negara bukanlah besar. Kadar pengangguran negara berada pada tahap 3.5% sahaja dan diramalkan pada tahun ini kadar pengangguran negara hanya berada pada tahap 3.4%. Malah jika dibandingkan dengan negara-negara maju, seperti Jerman. Jerman mempunyai kadar pengangguran 12%.

Negara-negara Eropah, saya dua bulan lepas pergi ke Australia, saya pergi ke Hungary, saya juga pergi ke Spain iaitu di Sepanyol. Kadar pengangguran negara-negara ini lebih daripada 10%. Malah kalau kita lihat, jiran kita iaitu Indonesia, kadar pengangguran dia lebih daripada 15%, Thailand lebih daripada 10%, Filipina juga demikian juga. Oleh hal yang demikian, kita melihat kadar pengangguran yang rendah ini membayangkan kepada kita bahawa peluang-peluang pekerjaan memang besar dan banyak. Jadi, saya ingat jelas kepada jawapan yang telah saya berikan.

Dato' Haji Abdul Rahman Suliman: [*Bangun*]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sila, Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya yakin bahawa kawan-kawan saya yang bertanya dalam Dewan ini bukan maksudnya tidak mahu menerima pekerja-pekerja daripada luar atas keperluan negara kita. Tetapi, jika ada satu sahaja kriteria pekerja asing iaitu D – *dangerous*, di kalangan pekerja-pekerja yang kita import itu. Ini akan menyebabkan keadaan ataupun suasana keselamatan dalam negara kita. Jadi ini yang kita hendak tahu daripada kerajaan.

Sewaktu kita mengambil pekerja-pekerja asing ini, apakah sekuriti *vetting* yang dibuat, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua kepada pekerja-pekerja asing yang diambil. *Maids* itu boleh tahanlah, tetapi pekerja-pekerja lain yang begitu ramai terutamanya macam kata Yang Berhormat Dato' Musa dari Pakistan, bukan masalah Shah Rukh Khan, tetapi perangai, *character* yang kita tengok seperti yang berlaku di London baru ini dikaitkan dengan orang dari Pakistan. Jadi, apakah tapisan keselamatan yang dibuat sewaktu pengambilan pekerja-pekerja ini. Saya faham, saya maklum, tidak ada tapisan langsung dibuat. Mereka pergi *interview* sahaja, bawa masuk ramai-ramai. Jadi, apakah jaminan bahawa mereka yang dibawa masuk ini beramai-ramai dari segi keselamatannya boleh kita kawal. Itu maksud rakan-rakan saya, saya rasa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat.....

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya jawab ini dahulu boleh?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Hendak sambung sedikit sahaja.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: [*Ketawa*] Sila, sila.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya lihat jawapan Yang Berhormat tadi, sebenarnya saya setuju dengan rakan saya tadi. Memang kita Ahli Dewan, bukan kita mahu kerajaan menyekat bawa masuk pekerja-pekerja asing.

Tapi kita mahu iaitu agensi-agensi yang dilantik ini supaya bertanggungjawab. Macam saya setuju tadi kalau kita bawa masuk orang yang kita tak temu duga latar belakang dia, tidak tahu siapakah mereka, ini bawa datang jadi masalah di negara kita.

Dan yang kedua Yang Berhormat, kita tidak mahu kita memberi permit ini kepada pekerja asing, kepada syarikat-syarikat ini sewenang-wenangnya. Padahal pekerja kita

katakanlah kosong 1,000 orang, kita bawa masuk 2,000 orang, padahal sekarang kita lihat untuk pengetahuan Yang Berhormat sendiri bahawa ada syarikat yang memohon tidak dapat. Tapi kalau dia bawa kepada agensi pekerjaan swasta dia dapat, kalau dia terpaksa kena pergi ke agensi swasta, kenapa perkara ini berlaku? Ini yang kita takut.

Dan yang ketiga Yang Berhormat, iaitu tentang diskriminasi. Kita lihat ada kilang 80% pekerja-pekerja asing, 20% pekerja tempatan kerana gaji yang dibayar kepada pekerja asing begitu rendah kalau dibandingkan dengan pekerja tempatan. Sebab itu dia tidak mahu mengambil pekerja-pekerja daripada anak tempatan. Ini yang kita takut sebab itu kita mahu supaya Kementerian mengawasi agensi pekerjaan ini. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Rahman dan juga Yang Berhormat Dato' Musa merupakan soalan yang begitu baik sekali. Saya ingin membuat penjelasan di sini bahawa terdapat kriteria-kriteria yang tertentu yang dibuat sebelum membawa pekerja asing ini masuk.

Saya nak rujuk kepada pekerja Pakistan sebagaimana yang ditanya tadi, pekerja-pekerja Pakistan yang dibawa ke mari, dibawa masuk melalui sistem yang begitu baik, begitu canggih sekali bagi memastikan bahawa mereka yang dibawa masuk tidak menggugat keselamatan negara. Mereka dipantau, dikawal selia melalui sistem yang dikenali sebagai sistem *Personnel Identification Secure Comparison and Evaluation System (PISCES)* dan mereka ini dilihat dalam banyak aspek dari segi latar belakangnya, dari segi kesihatannya, dari segi kebolehannya, dari segi keilmuannya.

Begitu juga terdapat lagi satu sistem yang dikenali sebagai *Biometrics System* di mana mereka ini dilihat dari sudut matanya pertama, dari mukanya, dari hidungnya dan mereka ini juga dijejaki melalui identitinya, I/C nya tentang ibunya, bapanya, adik-beradiknya yang lain dan ia tidak sama dengan sistem yang ada pada kad pengenalan di negara kita.

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Hassan ingin mohon laluan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: [Bangun]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya nak sikit lagi Yang Berhormat. Jadi ini akan memastikan bahawa mereka ini bukan orang jahat, bukan pengganas tetapi mereka ini betul-betul orang yang berkemampuan, yang berkelayakan untuk datang

bekerja di Malaysia. Saya berada bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, bersama dengan Perdana Menteri Pakistan, Saukhat Aziz dalam satu majlis dan perkara ini telah ditekankan dalam perbincangan kami bahawa kehadiran mereka itu dikenal pasti dengan cara yang baik, dengan cara yang teratur dan mereka memberi jaminan bahawa mereka ini bukan penganas, bukan *extremists*, bukan agen-agen *Al-Qaeda* dan sebagainya.

Jadi berdasarkan kepada itu, berdasarkan kepada kebolehan, keupayaan, pengalaman kepadaimbangan dagangan dan keadaan rekod-rekod mereka yang baik, orang Pakistan ini yang bekerja di Timur Tengah pada pengalaman-pengalaman mereka yang lalu, maka tidak ada sebab kita nak beza-bezakan kehadiran orang Pakistan dengan orang-orang yang lain. Cuma kadang-kadang kita banyak menaruh kebimbangan dan juga syak wasangka, ini boleh kita lihat pada kehadiran mereka melalui rekod-rekod yang akan kita pantau dari masa ke semasa.

Sebenarnya ini semua tugas yang dikhususkan di dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tapi bagi menjawab tentang soal ini saya juga turut membenarkan diri saya untuk menjawab kerana ia banyak menyentuh tentang pekerja asing. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya nak mohon penjelasan ialah sebenarnya apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri ketika mengakhiri ataupun menangguhkan penggulungan tadi iaitu tentang apakah bentuk kerjasama yang telah dibuat oleh agensi pekerjaan swasta ini dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Di mana ia mempunyai kaitan walau apa pun sistem yang kita gunakan mereka yang nak masuk ke negara kita ini mesti dengan kebenaran pihak imigresen. Jadi oleh yang demikian itu kita melihat bahawa sesungguhnya kerjasama ini sangat penting. Dari segi kita hendak bawa pekerja-pekerja asing, saya ingin menjelaskan di sini bukan pekerja asing, sejak lama dahulu kita pernah bincangkan. Saya pernah berbincang satu ketika dahululah dengan Al-Marhum Tun Razak ketika beliau menjadi Perdana Menteri atas hasrat beliau hendak membawa masuk berapa ramai rakyat negara luar dijadikan rakyat Malaysia.

Kami memberi pandangan begini, agensi ini kadang-kadang yang memainkan peranan ialah agensi yang ada di dalam negara asing itu kemudian dimainkan juga peranan itu oleh agensi yang ada di dalam negara kita. Jadi saya ingin melihat ataupun mendapat penjelasan, kita bimbang bahawa agensi-agensi ini memainkan peranan yang lebih daripada apa yang dikehendaki oleh pihak kerajaan sendiri, maka dengan sebab itulah, saya tidak juga menghalang maknanya tidaklah saya hendak bantah kita membawa masuk seberapa banyak yang mungkin pekerja asing sekadar yang diperlukan.

Walau bagaimanapun sahabat-sahabat, Yang Berhormat telah menyatakan bahawa kita juga hendaklah mengambil perhatian terhadap rakyat negara kita ini terutama sekali pada waktu-waktu kebelakangan ini yang kita lihat banyak pelajar-pelajar yang lulus SPM dan STPM yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi, saya rasa ini perlu digembleng juga oleh agensi pekerjaan swasta ini kerana asalnya ialah untuk menggembleng rakyat negara kita ini kemudian kerana tidak ada barulah kita bawa yang di luar itu.

Jadi saya mohon penjelasan itu, kerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk apa bentuk yang telah dilakukan oleh agensi ini? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih, sebenarnya mana-mana syarikat swasta yang ingin mengambil pekerja asing mereka disyaratkan terlebih dahulu untuk menawarkan pekerjaan, secara mengiklankan, mencari pekerja masuk ke desa-desa, sekurang-kurangnya tiga bulan. Kalau mereka juga tidak dapat pekerja-pekerja tempatan barulah mereka itu dibenarkan untuk mengambil pekerja-pekerja asing. Ertinya mereka ini tidak diberikan '*semblerono*' - sembarangan, pakai-pakai ikut sedap dia tapi mereka ini dikenakan syarat terlebih dahulu supaya mengutamakan pekerja tempatan.

Apabila mereka ini tidak boleh - kecewa mendapatkan pekerja tempatan, barulah mereka mencari pekerja-pekerja di luar negara. Itu pun mesti berdasarkan syarat-syarat tertentu, ia tidak ada loyar buruk ataupun saja-saja hendak ambil. Ia kena tunjuk keperluannya, orangnya, bidangnya, gajinya, tempatnya, tangga gajinya, bonusnya, kesihatannya, macam-macam lagi Yang Berhormat bukan senang.

Ini perkara-perkara yang mesti dilalui dan ditemu duga, dipanggil mereka ini untuk memastikan mereka tidak menyalahgunakan keadaan dan kedudukan. Ini berlaku kerana masa-masa dulu mereka mudah mendapatkan permit untuk mendapatkan pekerja asing ini. Oleh hal yang demikian, kerajaan pada hari ini khususnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mula memperketatkan syarat-syarat ini. Kerjasama yang kita lakukan di antara pihak Kementerian Sumber Manusia dan juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri banyak. Di antara yang terpenting iaitu kita telah memperakui satu keadaan iaitu di mana pekerja-pekerja asing yang datang ini kadangkala dia banyak bawa masalah, dia tak faham tentang undang-undang kita, dia tak faham tentang bahasa kita, tak faham tentang budaya kita dan sebagainya.

Oleh hal yang demikian, pihak Kementerian Sumber Manusia telah memperkenalkan suatu kursus yang kita kenali sebagai Kursus Induksi (*Induction Course*). Diperkenal dan diwajibkan pada masa akan datang dengan mana-mana negara sumber untuk membawa balik. Kandungan induksi itu pertamanya mereka mesti tahu bahasa Malaysia ataupun bahasa Inggeris.

Kedua, mereka mesti tahu tentang undang-undang negara kita, mengetahui, menghormati undang-undang negara kita.

Yang ketiga, mereka mesti mengetahui budaya kita, kepelbagaian budaya etnik di negara ini.

Yang keempat, mereka mesti lulus *medical check-up* ataupun perubatan dan mereka ini ditanya sekurang-kurangnya 500 soalan dengan memberikan tumpuan dalam sesuatu bidang selama 20 jam pengajaran dan Insya-Allah pada masa terdekat ini kita akan *implementkan* di dua buah negara iaitu satu di Thailand satu lagi di Vietnam dan juga akan di guna pakai di negara-negara lain. Ini buat masa terdekat kita hanya mengecualikan pemakaian induksi ini hanya kepada negara bernama Indonesia. Kerana Indonesia ini telah kita beri peluang balik kepada pendatang asing tanpa izin ataupun PATI dan PATI ini memang dia sudah tahu dari segi budaya, bahasa, undang-undang dan sebagainya. Jadi ini antara bentuk kerjasama di samping itu juga kita sedang merangka dengan teliti dasar-dasar perburuhan dengan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga dengan kerjasama pihak Pengerusi Jawatankuasa Pekerja Asing di

bawah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Datuk Najib bin Tun Razak, jadi ini yang sedang kita buat, kita laksanakan.

Berbalik kepada perkara yang telah ditimbulkan oleh Dato' Musa bin Sheikh Fadzir tadi, saya juga hendak sebutkan dalam Dewan yang mulia ini pendatang-pendatang asing ini juga memberi sumbangan yang banyak kepada Keluaran Negara Kasar Negara.

Setiap tahun mereka memberikan sumbangan, rekod 2004 sumbangan yang telah diberi oleh pekerja-pekerja asing ini ialah sebanyak 5.1 peratus daripada Keluaran Negara Kasar yang membawa jumlah kalau diukur dalam bentuk wang ringgit sebanyak RM17 bilion. Kita tidak dapat nafikan juga bahawa pekerja-pekerja asing ini juga membawa wang itu balik ke negara mereka, tetapi bawa pulang itu kalau ikut rekod kita sekadar di antara 5 hingga 6 bilion sahaja. Orang meniaga takkanlah semua kita hendak untung kan? Ada *win-win situation* tetapi hakikatnya kita lebih banyak untung daripada kita rugi. Walau bagaimanapun sebagaimana yang saya sebutkan tadi memang kita sedang merangka banyak perkara termasuklah latihan dan sebagainya untuk mengambil tempat kepada pekerja-pekerja tempatan itu sendiri.

Saya hendak sebut yang keduanya mengenai dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Siti Zailah. Yang Berhormat Siti sebut, lepas ini boleh mencelah, 'kera di hutan disusukan, anak di buaian ditinggalkan.' Setakat hari ini tidak ada kera-kera kita susukan tidak ada, tidak ada anak di buaian kita tinggalkan, saya sudah faham maksud pepatah itu bermakna kita tidak adalah menzalimi orang sendiri, orang tempatan malah saya hendak sebut di sini bahawa memang kita galak dan kita tingkatkan orang tempatan ini jadi tidak ada satu perkara yang hendak utamakan orang luar. Jadi ini saya hendak jelaskan.

Kemudian dia tanya juga kepada saya berapa yang daftar dengan pihak KSM? Graduan-graduan hari ini yang mendaftar dengan pihak Kementerian Sumber Manusia sebanyak 12,200 orang lebih dan kita juga ada perangkaan-perangkaan lain yang didaftarkan dengan pihak-pihak kementerian yang lain.

Kemudian beliau juga bertanya tentang kriteria-kriteria untuk jadi APS, semalam saya sudah jawab dan terakhirnya beliau bertanya mengenai dengan kepada Setiausaha Parlimen ada sebelah saya ini, Yang Berhormat Mashitah, dia berkata

apakah dalam keadaan terdesak pelacur ini dihalalkan begitu ya? Angguk dua kali betullah itu. Saya hendak beri tahu bahawa saya telah berbual dengan Yang Berhormat Mashitah bercakap dengan beliau bahawa pelacur ini tidak ada dihalal, mana boleh halal, cuma satu insiden dalam ruangan pembaca.

Disebut seorang ibu tunggal, dia terdesak lepas itu dia jadi pelacur, jadi bagaimana? Jadi jawab Yang Berhormat Mashitah yang sebelah saya ini dalam keadaan terdesak, darurat boleh dimaafkan. Tetapi saya tanya beliau apa maksud boleh dimaafkan? Boleh minta maaf daripada Allah s.w.t, terpulanglah kepada Allah s.w.t hendak maafkah, tidak hendak maafkah tetapi dalam Islam dia ada taubat-taubat termasuk taubat nasuha di mana apa yang berlaku bukan sahaja pelacuran tetapi maksiat-maksiat yang lain, pintu taubat itu terbuka. Maksud dimaafkan itu bukanlah ertinya hendak galak, melacur maaf, melacur maaf, melacur maaf bukan begitu Yang Berhormat tetapi yang terdesak, yang terlanjur dia minta ampunlah dengan Tuhan dan dia boleh minta maaf pada Tuhan.

Tetapi orang telah mengeksploitasi isu ini dengan cara potong keratan-keratan ini letak di mana-mana lorong, di mana-mana tempat, kebanyakan orang PAS buat begininya, kalau salah minta maaf. *[Ketawa]* Jadi benda-benda yang macam ini saya tidak hendaklah satu publisiti murahan dibuat dan juga dianiayai pada Yang Berhormat Mashitah yang kita sanjungi dan sayangi ini. Jadi saya ingat penjelasan yang saya beri ini cukup jelas.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: *[Bangun]*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Datuk Haji Karim Ghani: Sebelum Yang Berhormat bertanya, apakah boleh pekerja-pekerja daripada Pakistan ini bila datang boleh dibenarkan membawa isterinya supaya mengurangkan gejala apa yang diperkatakan tadi? Yang Berhormat Siti Zailah teruskan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas jawapan persoalan yang saya bangkitkan dalam perbahasan semalam. Saya ingin penjelasan dalam kaedah Islam darurat ini, kalau kita lihat kes darurat ini tidak ada satu pun yang melibatkan masalah-masalah seks, ia hanya melibatkan makanan sekiranya seorang itu terdesak dalam keadaan tidak

ada makanan dihukum syarak membolehkan seseorang itu makan daging khinzir, itu pun hanya sekadar untuk menyelamatkan nyawa tidak boleh untuk mengenyangkan.

Jadi dalam kaedah ini saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, mungkin selepas ini saya akan berbahas lagi dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen daripada nas manakah nas ini diambil? Dan kenapa kenyataan ini tidak diberi penjelasan balik dalam media? Perkara ini mengelirukan dan saya dapat maklumat bagaimana kenyataan ini telah digunakan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab untuk menghalalkan pekerjaan mereka yang negatif ini, minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sebenarnya yang tidak bertanggungjawab itu termasuklah orang PAS, orang parti lain dan sebagainya. Yang Berhormat sebelah ini dia ada jawapan dia secara bertulis panjang, kalau saya hendak baca tiga muka surat ini saya tidak jadi bahas agensi pekerjaan swasta. Tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua yang saya kasihi, tahniahlah baru duduk dekat situ itu, kalau memberi izin kepada Yang Berhormat Mashitah boleh tidak dia jawab sendiri? Lagi bagus nas manakah apa manakah cakaplah, boleh ya?

Datuk Haji Karim Ghani: Kalau secara ringkas bolehlah.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Jawablah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Siti Zailah, saya lihat bahawa kenyataan ini sengaja diputar belitkan atau dipolitikkan. Tidak pernah terkeluar, saya rasa Yang Berhormat Siti Zailah mungkin tidak baca teks itu secara jelas yang disiarkan, yang mana teks itu tidak langsung menyebut jika terdesak pelacuran boleh dihalalkan ataupun mengatakan melacur itu harus jika terdesak, tidak sedikit pun menyebut.

Ini terang-terang adalah satu fitnah, tetapi persoalan yang kita bincang ialah tentang orang yang sudah, penanya ini bukan bertanya tentang dirinya dia bertanya tentang kisah wanita, kisah wanita pula itu dibaca dalam akhbar, bagaimana wanita atau ibu tunggal itu terpaksa untuk melacur demi menyelamatkan nyawa anak-anak dia. Jadi di sini kes saya cuba membawa perspektif bahawa jangan mudah menghukum orang. Sebab itu perspektif yang ingin saya bawa di sini ialah sebelum daripada kita boleh menghukum hendaklah kita terlebih dahulu menyemak dan menyelidiki kedudukan

perkara atau hal sebenar wanita tersebut, sebab dia berkata dia nampak orang. Seumpama orang datang tanya “ada orang tidak solat apa hukumnya?” Jawapan yang mudah ialah berdosa, tetapi jawapan yang memerlukan kita untuk berfikir ialah kita kena tanya dahulu, kenapa dia tidak solat? Adakah dia tidak solat sebab dia uzur? Adakah dia tidak solat sebab dia solat jamak dalam solat musafir misalnya.

Jadi hal-hal ini yang saya cuba hendak bawa tidak mudah menghukum. Sebab itu istilah ‘terpaksa’ juga digunakan sendiri oleh yang bertanya, bukan saya yang membawa jawapan terpaksa. Dan untuk pengetahuan Yang Berhormat Siti Zailah dalam tiga keadaan iaitu, terpaksa, tertidur, terlupa tidak ada dosa yang dikenakan di dalam Islam. Jadi istilah yang digunakan di sini ialah terpaksa sebab itu saya katakan dimaafkan, dan ada beza apabila saya menyebut di dalam jawapan itu sebagai dimaafkan dan kenyataan itu yang diputar belitkan yang macam mana yang Yang Berhormat Siti Zailah sebut dihalalkan. Halal, maaf, harus tiga istilah yang perlu kita faham bahawa ada perbezaan yang sangat ketara. Justeru saya minta daripada semua pihak terutama pihak pembangkang supaya tidak memutar belitkan isu ini kerana memfitnah orang pun satu dosa Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih, teruskan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kita tutup kes itu ya. Terima kasih jelas. Terima kasih, minta poster-poster yang ada itu pergi buanglah merata tempat, tidak baik buat macam itu.

Saya ingin menjawab sedikit mengenai dengan Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir yang bertanya tentang bilangan pengambilan pekerja mengikut bangsa dan juga negara. Setakat ini pekerja asing yang berada di Malaysia, Indonesia - 1.1 juta, Nepal - 159 ribu, India - 93 ribu, Vietnam - 72 ribu, Myanmar - 66 ribu, Bangladesh - 53 ribu, Filipina - 18,936, Thailand - 6 ribu lain-lain termasuklah Kemboja, China, Laos, Moroko, Pakistan, Korea, Uzbekistan, Taiwan, Mesir, Australia. Ini adalah keadaan atau kedudukan yang ada pada perangkaan yang saya sebutkan tadi.

Menjawab kepada pertanyaan Senator Puan Wan Ubaidah binti Omar iaitu tentang garis panduan untuk pekerja-pekerja, memang kita mempunyai garis panduan yang telah digubal begitu kemas sekali, tetapi beliau menimbulkan keraguan kerana dikatanya ada kes-kes penganiayaan seperti tidak bayar gaji, penderaan, diketipnya

kisah Nirmala Bonat, tidak boleh sembahyang, makan khinzir dan sebagainya. Sebenarnya kes-kes ini bukan kes-kes yang terdapat pada agensi pekerjaan swasta. Saya sudah bagi tahu bahawa yang disenaraihitamkan lesennya hanya dua sahaja. Itu tidak terlibat dalam perkara-perkara ini.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Minta laluan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Boleh saya habiskan sedikit dahulu, lepas itu... hendak tanya sekarangkah hendak tunggu saya jawab habis?

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Tidak apalah, jawab dahulu.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Jadi kes-kes yang disebutkan itu, kes-kes yang sangat kecil. Dalam agensi pekerjaan swasta tidak ada, yang *complain* hanya 20 sahaja, itu pun tidak ada yang melibatkan ini. Kalau ada pun ini yang dibuat oleh individu-individu tertentu. Saya minta kalau kes-kes ini dapat dimaklum ataupun diketahui kepada kita, *report* sahaja kepada polis. Beritahu kepada pihak yang berkuasa dan saya memang menentang keras, kita semua tidak setuju mana-mana majikan yang mendesak supaya makan babi. Beritahulah mana-mana yang ada. Ini kerja biadab kalau berlaku. Kita tidak setuju dengan perkara ini, bukan sahaja tidak setuju, memang kita beritahu tegas kita akan senarai hitam mana-mana majikan yang berbuat demikian. Begitu juga kalau misal kata ada penderaan-penderaan yang kecil, kes Nirmala Bonat yang serupa dengan itu, tidak sampai pun 1%. Yang Berhormat tahu berapa ramai pekerja asing pembantu rumah dalam negara kita ini? Seramai 291 ribu. Pekerja Indonesia sahaja ada 240 ribu, Filipina sahaja ada 6 ribu. Lain-lain itu adalah Bangladesh, India dan sebagainya. Kes-kes itu sangatlah kecil dan ia bersifat terlalu terpinggir, bersifat terlalu peribadi. Dan ini kita dakwa. Majikan Nirmala Bonat didakwa sudah masuk mahkamah. Mana lagi. Sebutlah, saya ingat tidak sampai 10 kes. Yang saya tahu itulah 2, 3.

Bermakna majikan di Malaysia ini majikan yang bertanggungjawab. Hasil daripada pemantauan kementerian-kementerian. Hasil daripada dasar-dasar kerajaan yang begitu baik, yang begitu mengambil berat, walaupun kita marah mereka datang, tetapi datang lagi. Walaupun kita hantar pulang datang lagi sebab kerajaan baik, rakyat baik, majikan baik, upah baik dan keadaan kondisinya baik dan sebagainya. Jadi, perkara-perkara yang seperti ini tidak besar berlaku.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah yang membangkitkan perkara ini kerana mungkin beliau hendak tahu betapa seriusnyakah, betapa besarnya, jadi saya menjawabnya terlalu kecil, terlalu sedikit. Jadi jangan menaruh kebimbangan yang terlalu besar di atas perkara yang terlalu kecil, sila Yang Berhormat.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang saya hendak persoalkan ialah, memang agensi pekerjaan swasta tidak melakukan perkara-perkara penderaan dan sebagainya, yang melakukan ialah individu-individu, majikan-majikan.

Persoalan yang saya utarakan ialah, apakah tidak ada tanggungjawab di pihak agensi pekerjaan swasta setahun sekali mungkin untuk menelefon bertanya khabarkan pekerja-pekerja pembantu rumah yang dihantar ke tempat yang memang mereka sudah putus hubungan dengan keluarga mereka, hatta dengan agensi pekerjaan itu sendiri untuk mengetahui keadaan mereka yang sebenar. Dalam masa dua tahun. Hatta dalam masa setahun pun banyak perkara yang boleh berlaku kerana ini adalah daripada pengalaman saya sendiri, saya mengambil seorang pembantu rumah dan sudah hampir dua tahun, tidak ada pun suratkah, panggilanlah daripada agensi pekerjaan swasta untuk bertanya khabar, dan saya rasa perkara ini harus dijadikan sebagai satu peraturan, sebab kementerian hendak pantau semua memang tidak mungkin. Tetapi agensi pekerjaan swasta jika diberikan atau disyaratkan sebagai salah satu daripada tugas mereka, mungkin mereka boleh melakukan sesuatu. Memang ada dan banyak kes yang tidak dapat dilaporkan.

Mungkin kerana jirannya takut, jiran itu mungkin tahu kes penderaan, tetapi takut hendak melaporkan apatah lagi pekerja itu sendiri. Bagaimana dengan keadaan mereka berada di negeri yang memang putus hubungan. Bagaimana mereka itu hendak melaporkan kes-kes salah laku penderaan dan sebagainya. Maka, perlu sekurang-kurangnya kalau kementerian boleh pertimbangkan, sekurang-kurangnya setahun sekali, agensi yang menghantar pekerja-pekerja ke rumah majikan mereka, menelefon ataupun menulis surat, memantau bagaimana keadaan pekerja yang dihantar di atas dasar kemanusiaan. Kita memang sudah baik, tetapi kita tambah baik lagi perkhidmatan kita kerana kita tahu sekarang ini pembantu rumah Indonesia memang lebih suka pergi

ke negara-negara Asia Barat berbanding dengan negara kita sebab gajinya yang lebih lumayan, sekian terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, satu pandangan yang saya fikir boleh diambil kira, iaitu perlu majikan bertanya khabar menerima laporan sekurang-kurangnya setahun sekali kita akan ambil perhatian dan perjalanan itu, bagus. Cuma saya ingin jelaskan juga bahawa memang dalam syarat-syarat pengambilan itu diberikan nombor telefon, alamat sama ada keluarga ataupun majikan, hospital, polis dan sebagainya sekiranya ada penganiayaan dan sebagainya. Tetapi, pandangan yang ditimbulkan secara keduanya itu saya kira satu pandangan yang baik. Yang Berhormat Dato' Haji

Datuk Jins Shamsudin: Minta laluan....

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, Datuk Jins Shamsudin.

Datuk Jins Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tidaklah boleh diberikan syarat supaya pekerja-pekerja asing yang beragama Islam bekerja dengan majikan yang beragama Islam supaya tidak timbul perkara-perkara seperti memasak barang-barang yang tidak sepatutnya mereka lakukan. Apakah jaminan keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja dalam negara kita ini dan juga adakah akta yang bersangkutan dengan itu? Di samping itu apakah tindakan penguatkuasaan di dalam keselamatan pekerja-pekerja? Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak bagi tahu bahawa sehingga hari, tidak ada satu syarat ataupun peraturan untuk memberikan orang Islam bekerja dengan orang Islam, orang bukan Islam kepada bukan Islam, tidak ada. Sebab kerajaan memikirkan kalau ianya dibuat sedemikian rupa, akan membataskan ataupun menyempitkan ruang-ruang pekerjaan orang Islam yang hendak bekerja di mana-mana sektor ataupun mana-mana majikan.

Saya ingin memberi jaminan bahawa orang-orang bukan Islam di negara Malaysia ini adalah merupakan orang-orang yang terbaik di antara yang terbaik dalam dunia. Dalam *multi-racial country* di antara dunia. Cuma yang ada sedikit-sedikit yang perlu kita ajar ini, bukan sahaja pada orang bukan Islam, termasuk juga orang Islam yang tidak betul. Jadi saya fikir kes ini bukan satu kes yang serius. Kalau kita kekalkan orang Islam pada Islam, mungkin kita sedar pada hari ini bahawa bidang, ruang

pekerjaan khususnya majikan-majikan bukan Islam begitu banyak, jadi kita bataskan. Namun demikian, kalau ada apa-apa penganiayaan, penderaan dan sebagainya, boleh dibuat laporan (*report*) sama ada ke pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri ataupun kepada mana-mana pihak polis dan sebagainya. Saya juga hendak bagi tahu bahawa kes-kes....

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya sila.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk. Saya begitu tertarik dan *impressed* setelah mengikuti jawapan-jawapan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Datuk bagi pihak kementerian. Saya ucap syabas dan tahniah kerana begitu *well-versed* memberi penjelasan jawapan kepada persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, ini satu penghargaan Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat secara perbandingan sebagaimana Yang Berhormat telah nyatakan tadi di Amerika daripada penduduknya berjumlah 240 juta lebih. Tenaga kerjanya ialah 38 juta ribu, jadi di negara kita secara perbandingan dengan penduduknya sekitar 27 juta dengan tenaga kerja asingnya sekitar 1.5 juta, adakah kadar ini telah membimbangkan situasi tenaga kerja asing di negara kita ataupun sebagaimana yang Yang Berhormat nyatakan tadi mereka menyumbang dari segi KDNK negara sebanyak 17 bilion.

Dan, persoalan yang saya ingin bangkitkan di sini adakah situasi sekarang ini begitu menimbulkan suasana yang tidak sihat dari segi pertambahan tenaga asing ataupun kita masih memerlukan tenaga asing untuk menyumbang ke arah KDNK negara kita. Dan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin bangkitkan di sini mungkin terlewat sedikit saya ingin mempersoalkan tentang tenaga mahir yang berada di luar negara, rakyat negara kita yang bertugas di luar negara yang berjumlah 30,000 orang.

Adakah kita sampai ke satu tahap gagal apabila usaha-usaha untuk membawa mereka balik untuk berkhidmat di negara kita ataupun persoalan yang saya bangkitkan di sini soal ketaatan dan soal kesetiaan kepada negara boleh dipertikaikan kerana sebagai rakyat negara Malaysia kita amat memerlukan tenaga bakti mereka untuk

membangun negara. Dan, daripada jumlah 30,000 yang masih ada di seluruh dunia, sudah pasti ianya boleh menjejaskan sumber tenaga yang amat-amat kita perlukan dalam keadaan sekarang. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sebelum saya menjawab tentang soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob saya ingin menghabiskan jawapan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin. Sebenarnya pekerja-pekerja asing dilindungi di bawah Akta Pekerja 1955 dan juga pekerja-pekerja ini dilindungi di bawah insurans-insurans yang tertentu. Sekarang ini mereka ini di *cover* tidak kurang daripada 10 insurans-insurans yang ada di Malaysia ini. Malah bagi pekerja-pekerja asing bila dia sampai ke mari gaji dia sama sahaja dengan pekerja tempatan. Gaji pekerja tempatan sama sahaja kalau mereka mempunyai jawatan dan kedudukan kerja ataupun pekerjaan yang sama.

Malah pekerja-pekerja asing ini apabila dia meninggal pun dia dibayar diinsuranskan dan dihantar mayat dia dengan memberikan bayaran sebanyak RM4,800. Kalau mereka mendapat kemalangan, kemalangan itu bersifat kemalangan kekal mereka ini boleh dibayar pampasan. Hasil daripada caruman insurans sebanyak RM72.00 setahun, mereka boleh dibayarkan insurans sebanyak RM27,000, bergantung pada kekal. Kalau dia kekal banyak RM27,000 lah maksimum, kalau kurang, kurang lagi 20 ke 15 ke 5 ke dan sebagainya. Itu jelas, maknanya pekerja-pekerja asing ini tidak dianiayai.

Saya juga hendak sebut tentang Yang Berhormat Datuk Yaakob tadi, apakah kerajaan gagal. Sebenarnya kerajaan bukan gagal tetapi kita nampak majikan-majikan tidak dapat memberikan gaji yang sama, yang tinggi kepada golongan-golongan pekerja kita yang berada di luar negara kerana mereka ini bukan bersifat buruh macam tenaga asing yang berada di sini. Mereka ini ialah mereka yang berkelulusan, bersifat profesional, separuh profesional dan kemahiran yang terlalu tinggi. Jadi sudah tentulah mereka *enjoy* dia punya *benefit* dia, kelebihan, keistimewaan yang ada pada negara-negara berkenaan.

Tetapi saya fikir walaupun mereka berada di luar negeri sebagai mana yang telah saya jelaskan tadi tidak usah bimbanglah sebab kita bukan ertinya tidak melahirkan

yang baru. Yang pergi itu pergilah. Saya sebutkan tadi dasar kita begitu liberal, begitu demokratik. Tidak ada negara dalam dunia ini, saya hendak beritahu yang menyekat warga negaranya bekerja ke luar negara, termasuk negara-negara komunis. Mereka hendak bekerja ke mana negara pun dia pergilah, tidak ada masalah. Dan ini melibatkan juga sanjungan daripada negara-negara luar tentang kebolehan, keupayaan pekerja-pekerja Malaysia yang membantu negara ini, negara luar ini.

Saya pergi satu ketika dahulu ke Arab Saudi, ramai di antara rakyat Malaysia yang bekerja sebagai *engineer*, sebagai arkitek di kawasan-kawasan industri termasuk menyulingkan air laut menjadi air sejuk, air yang minum. Itu terdapat ramai *engineers* daripada Malaysia kita sendiri dan juga termasuklah negara-negara yang lain. Dan, secara perbandingan juga ditanya mengenai dengan nisbah. Nisbah ini tidaklah membimbangkan kalau difikirkan tentang 1.5 juta pekerja-pekerja legal yang berada di Malaysia.

Yang kita bimbang bukan masalah pekerja yang sah yang legal, yang kita bimbang ialah masalah pekerja-pekerja yang *illegal*, pekerja-pekerja haram ini, 1.3 juta ini. Mereka haram, cara dia masuk ada masuk cara haram betul, ada masuk cara halal tetapi tidak hendak keluar-keluar. Kerana apa? Kerana seronok duduk dekat Malaysia, termasuk pelajar-pelajar daripada luar negara, yang belajar, habis belajar, tamat tempoh, visa pun sudah habis, *college visa* pun tidak ada lagi, akhirnya mereka tidak mahu keluar. Ini pun dianggar dan diistilahkan sebagai pekerja-pekerja ataupun orang-orang asing yang bekerja secara tidak sah. Inilah yang sedang dibuat, yang sedang dilaksanakan.

Maka berkatalah, Yang Berhormat Datuk Haji Halim, yang ada dekat depan ini, bahawa apakah kita tidak boleh *legalizekan*, tidak boleh sahkan mereka menjadi pekerja yang sah. Pekerja tidak sah ini hendak disahkan, diberikan pasport dalam Malaysia. Saya fikir dan saya ingat, malah kerajaan menegaskan bahawa tidak boleh buat macam itu, kalau kita sahkan pekerja-pekerja *illegal* ini, pekerja yang tidak sah menjadi sah, ramailah lagi pekerja-pekerja dari luar negara ini datang. Datang, datang, datang secara haram lepas itu kita sah, sah, sah, sah, di sini, banjirlah tenggelamlah negara kita ini oleh pendatang-pendatang yang tidak sah ini, satu.

Yang kedua, katakan kalau dia ini ada pasport tiba-tiba pasport dia ini hendak mati lagi seminggu ataupun lagi sebulan, dia pun ambil pasport dia ini, dia hilangkan pasport dia ini. Kemudian dia kata, saya ini tidak sah, saya ini datang secara *illegal* kerana dia sedar bahawa dia ini disahkan dengan cara yang telah dicadangkan oleh Datuk Haji Halim tadi, maka ramailah orang campak pasport dibuang buang pasport, fasal apa? Dia ingat perkara ini boleh disahkan hasil daripada keputusan *legalize* mereka itu yang *illegal* itu. Itulah kadang-kadang yang telah kita fikirkan dan memang tidak sesuai hanya satu negara....ya sila Datuk.

Datuk Jins Shamsudin: [*Bangun*]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila Datuk

Datuk Jins Shamsudin: Yang Berhormat minta laluan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi, ada yang Yang Berhormat mengatakan bahawa kita membenarkan dan menggalakkan pekerja-pekerja kita, khususnya profesional bekerja di luar negara. Tidakkah dia memberi gambaran yang negatif terhadap organisasi yang dia berhenti, khususnya kalau saya beri satu contoh seperti juruterbang MAS. Banyak yang meninggalkan kerjanya sebagai juruterbang di Syarikat MAS tetapi bekerja dengan syarikat-syarikat penerbangan luar. Tidakkah ini memberi gambaran sesuatu yang tidak baik kepada syarikat yang demikian. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Memang kalau dikajikan memang tidak baiklah imej itu, imejnya agak merosot sedikitlah. Tetapi saya hendak beritahu juruterbang-juruterbang MAS ini, gaji dia di Malaysia lebih kurang RM21,000 sahaja tetapi kalau dia pergi bekerja sebagai *pilot* di Singapura gaji dia RM37,000. Sekarang ini, negara-negara Arab, khususnya Emirates ini, dia punya gaji, campur elaun, campur bonus RM87,000. Mana ada kita punya keupayaan MAS hendak bagi RM87,000 sebulan? Bankraplah MAS! Itu pun tidak bagi gaji tinggi pun sudah gini-gini sudah MAS sekarang ini. Jadi, itu keadaan yang kita sedang hadapilah, jadi soal imej itu soal kedualah tetapi yang lebih pokoknya, yang lebih terpenting soal kemampuan yang hakiki yang sebenar-benarnya mampu. Kalau kita hendak tanggung gaji sama dengan gaji luar ini saya ingat banyak syarikat-syarikat yang gulung tikar.

Berbalik kepada Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik mengenai dengan *have lost* yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan pada pekerja asing di klinik

kerajaan. Saya hendak jelaskan di sini bahawa kos rawatan yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan begitu banyak tetapi tidak apalah, sumbangan pekerja asing ini tinggi. Sebagai contoh, pada tahun 2003, untuk makluman, untuk merawat pekerja asing adalah sebanyak RM117 juta. Yang Berhormat Datuk Haji Roslan sudah masuk. *[Ketawa]*

Dan ini menyebabkan - baik juga. Mana ada orang yang tidak sakit, bukan sahaja pekerja asing, pekerja tempatan kita pun sakit, kita yang tidak bekerja pun sakit. Jadi tidak usah hairanlah, setiap manusia ada sakit, setiap manusia juga akan mati. Jadi tanggungan-tanggungan perubatan ini untuk kebaikan. Kalau dia kita tidak tanggung, kita tidak rawat dan sebagainya, jadi mungkin akan menyebabkan mereka ini terpaksa lagi sakit.

Tanggungan ini sebenarnya tanggungan yang ditanggung oleh majikan itu sendiri, bukan pekerja asing sakit kerajaan atau kementerian kena bayar kepada dia, tidak ada. Majikan itu sendirilah bayar ataupun daripada punca-punca yang lain yang difikirkan sesuai dan perlu.

Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam bercakap tentang banyak perkara dan perkara yang disebut iaitu mengenai dengan pemeriksaan perubatan pekerja asing di negara asal dan kemudian di Malaysia yang banyak membawa penyakit seperti penyakit tibi, batuk kering, hepatitis dan sebagainya. Saya memang akui dan saya berterima kasih banyak kepada Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam kerana prihatin tentang soal ini. Sebenarnya kita akui sendiri ramai pekerja asing yang datang ke sini, bukan sahaja membawa penyakit yang telah saya sebutkan tetapi juga penyakit-penyakit seperti HIV dan juga penyakit AIDS.

Jadi kita minta supaya doktor kita ini berada di negara-negara sumber kerana kita khuatir, kadang-kadang kita tidak percaya tentang kemampuan, tentang kejujuran, tentang keikhlasan doktor-doktor di negara sumber tentang pemeriksaan yang dilakukan kepada pekerja-pekerja mereka yang hendak dihantar ke mari. Ada kata kena belilah, ada kata tipulah, ada kata rasuallah dan macam-macam. Ada orang kata, bukan saya kata.

Jadi saya hendak sebutkan di sini kita pun minta supaya doktor kita ditempatkan di negara sumber. Masalahnya sekarang, tidak ada satu pun negara sumber dalam

dunia ini bersedia menerima doktor-doktor Malaysia untuk sama-sama mengesahkan kesihatan pekerja yang hendak dihantar ke Malaysia. Dia kata, alasannya seolah-olah tidak memperakui kebolehan doktor-doktor dia dan sekali gus merendahkan imej kebolehan doktor-doktor mereka. Betul juga bila kita fikir tentang perkara ini.

Jadi apa yang kita buat iaitu kerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan iaitu mereka bila disahkan masuk ke mari, dia perlu menjalani pemeriksaan kesihatan semula dalam tempoh satu bulan selepas tiba di Malaysia. Ini bagi memastikan mereka itu tidak berpenyakit. Kalau ada penyakit-penyakit yang tidak boleh diubati seperti HIV AIDS, kita hantar dia balik. Kalau penyakit-penyakit yang boleh diubati, kita buat. Kalau penyakit-penyakit teruk dan sebagainya, seperti yang saya sebutkan tadi itu, kita tidak terima dia. Jelas ya, Yang Berhormat Dato'. Angguk tiga, empat kali itu jelaslah itu.

Saya hendak kembali juga kepada perkara-perkara lain iaitu tentang kedudukan gaji minimum yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ismail bin Kasim mengenai dengan pekerja-pekerja asing, khususnya daripada Nepal. Buat masa sekarang, kerajaan tidak bercadang untuk menetapkan gaji minimum, ada orang kata, "Oh, you kena tetapkanlah RM1,000 ke, RM1,500 ke atau RM2,00 ke kepada pekerja-pekerja asing". Alasan kita tidak menetapkan gaji kepada pekerja-pekerja asing ini ataupun sesetengah pekerja di Malaysia juga kerana kita lebih suka ianya terbuka kepada permintaan dan juga penawaran, *supply* dan juga *demand* kerana kita sedar ada sesetengah majikan tidak berkeupayaan atau tidak berkemampuan untuk meletakkan gaji yang tertentu kerana ini boleh mengancamkan dia dan juga boleh membawa kepada bankrap ataupun sebagainya.

Namun demikian, apabila kita buka secara tidak menetapkan gaji ini, dia akan membuka ruang kepada persaingan yang lebih sihat dan di samping itu ketikanya walaupun gaji maksimum itu tidak ditetapkan, lazimnya pekerja-pekerja itu juga dikembalikan dengan insentif-insentif lain seperti cuti, rawatan, bonus dan sebagainya. Namun begitu terdapat tiga sektor yang kita cuba *apply*kan dalam penetapan gaji ini di kalangan tenaga buruh.

Pertama, sektor kargo, kedua sektor perhotelan dan ketiga, sektor restoran. Nampaknya ketiga-tiga sektor ini nampaknya begitu berhasil dan kalau perlu, memang ada keperluan di beberapa sektor lain, kita akan laksanakan. Inilah cara dan kaedah

kerajaan kita melaksanakan dengan cara berhati-hati dan juga bertahap-tahap untuk tidak menimbulkan banyak masalah kepada pekerja-pekerja dan juga kepada pihak majikan.

Tuan Yang di-Pertua, secara kesimpulannya, saya ingin merumuskan...

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Syed Mohamed: Minta laluan, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Syed Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi mendengar Yang Berhormat berkata mengenai laporan kesihatan yang ditanya oleh Dato' Dr. S. Vijayarajam itu sebulan selepas mereka datang ke mari. Kalau sekiranya penyakit ini penyakit yang berjangkit, macam tadi Yang Berhormat bagi contoh, HIV AIDS *and all that*, kalau sekiranya dia pembantu rumah, dia berinteraksi dengan anak-anak kecil dalam sebulan itu mungkin sudah menjadi masalah berat. So apa salahnya kalau kita di pintu masuk lagi, kita memeriksa kesihatan pekerja-pekerja asing ini untuk mengelakkan sekiranya ada penyakit-penyakit yang berjangkit.

Lagi satu, Yang Berhormat, saya ucap tahniahlah kepada pihak kementerian yang telah pun mensyaratkan banyak syarat dan juga *questionnaire* yang sebanyak 500 persoalan yang perlu dijawab sebelum kita mengambil mereka ini. Tetapi saya ingin bertanya selain daripada 500 soalan, apa yang dia jawab 500 soalan itu saya tidak tahulah tetapi dari segi berkahwin dengan rakyat kita, rakyat tempatan pasal saya dapati baik Bangla mahupun Pakistan, untuk mendapatkan PR status. *Permanent residence* ini, mereka suka berkahwin dengan rakyat tempatan dan bila sudah beranak-pinak, dapat sahaja kerakyatan, tinggal, pergi tempat lain dan tidak dapat hendak dicari dan dari segi ini banyak kita dapati ibu-ibu muda lagi sudah pun menjadi ibu tunggal.

Selain daripada itu, Yang Berhormat, tadi yang kata syak wasangka terhadap pendatang-pendatang dari segi menjadi penjenayah ini, saya rasa syak wasangka tidak timbul oleh kerana kalau kita tengok statistik yang ada dalam penjara dan juga lokap, *percentagenya* juga tinggi daripada pendatang-pendatang ini.

Lagi satu berkenaan dengan agensi yang suka beritahu kepada pembantu rumah, selepas tiga bulan cabut lari, datang balik, selepas itu dihantar kepada satu lagi

majikan dan selepas itu lari pula. Sekarang ini kerajaan mensyaratkan kalau sekiranya pembantu rumah lari, majikan pun akan didenda tetapi yang memainkan peranannya adalah agensi. Itu pun juga kita perlu mensyaratkan supaya kalau lari ini, majikan ini tidak payahlah dipertanggungjawabkan. Agensi ini perlu dipertanggungjawabkan dan berkenaan dengan pekerja yang kata tadi, 3D itu, saya nampak dalam majlis kerajaan tempatan, kalau kita tengok yang sapu parit, yang angkat sampah itu banyaknya daripada rakyat kita dan mereka ini juga kalau diberi kerja, hendak buat kerja-kerja itu tetapi malangnya bila diswastakan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan juga dari segi sampah dan lain-lain, majikan yang mendapat kontrak ini suka menggaji pekerja asing ini boleh oleh kerana gaji tadilah, murah dibayar kepada mereka ini.

Sekianlah Yang Berhormat, di atas beberapa soalan itu. Saya minta maaf terpaksa mencelah oleh kerana saya tahu saya juga kalau sedang bercakap, kalau orang mencelah, dia lari habis keluar. Tetapi hendak buat macam mana, kena mencelah-mencelahlah, minta maaf.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak apa Yang Berhormat, tidak lari keluar.
[Ketawa]

Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Bukanlah lari keluar dari Dewan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak sebut, kalau ada seorang pembantu rumah yang diambil melalui agensi pekerja asing ini, tiba-tiba dia cabut lari. Peraturan terbaru kita iaitu APS ini wajib diganti, kalau lari yang pertama. Lari kedua, tidak ada ganti, *nah!*, itu tidak boleh, itu mungkin salah majikan. Tetapi yang pertama, boleh diganti, itu yang terbaru.

Kemudian, saya juga hendak sebut tentang syak wasangka yang timbul ini, banyak kata peratus tinggi di lokap ini, sebenarnya yang sah, bukan yang *legal*, tetapi yang tidak sah, yang *illegal*, itu yang banyak di lokap sampai tidak muat. Saya tidak dapat terima kalau pemeriksaan kesihatan ini hendak dibuat di pintu-pintu masuk sebab pintu masuk ini terlalulah sesak. Kalau Yang Berhormat pergi ke pintu-pintu masuk, pergilah contohnya saya pergi di Pontian minggu lepas, sesak sangat, tidak boleh hendak masuk, terlalu ramai orang.

Di situ hendak cop pasport, di situ hendak periksa dokumen, di situ hendak tengok mata, di situ hendak tengok gigi, di situ hendak periksa kesihatan, hancurlah Yang Berhormat. Jadi kita buat di tempat lain, di tempat yang lebih sesuai dan munasabah. Saya fikir sebulan tempoh yang diberikan itu memang sesuai. Mereka ini kalau tanpa kelulusan kesihatan dalam tempoh sebulan walaupun dia telah dibenarkan masuk, dia tidak boleh kerja. Kalau tidak disahkan kembali dia punya perakuan kesihatan, memang dia tidak boleh bekerja, sahaja dia datang ke mari. Jadi, itu satu perkara yang saya hendak jelaskan. Dari segi soalan-soalan 500 yang saya sebutkan itu memang soalan-soalan yang tidak payah, soalan-soalan yang mudah dan ini memang standard dan diguna pakai juga oleh negara-negara lain yang membawa masuk pekerja-pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, secara kesimpulannya, ingin saya simpulkan perkara-perkara berikut; pertama, kita berhasrat untuk mengurangkan pekerja-pekerja asing ini dari tahun 2010, tidak lebih daripada setengah juta pekerja asing. Cara dan kaedahnya sedang disusun oleh pihak kerajaan dan oleh itu kita melatih ramai pekerja-pekerja tempatan dan kementerian saya sendiri melatih tidak kurang daripada 17,000 orang setahun dan akan ditingkatkan jadi 20,000 orang setahun pekerja-pekerja mahir di beberapa institusi kita iaitu di 20 institusi ILP; satu di bawah *Advance Technology Center (Adtech)*, kita juga ada Pusat Latihan Lanjutan Pengajaran dan Kemahiran (*CIAST*), kita juga melatih pekerja-pekerja kita di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad khususnya dalam perantisan di bawah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan dan juga yang terakhir, kita memberi latihan kepada siswazah yang menganggur ini di bawah Skim Latihan Graduan tidak kurang daripada 15,500 akan bermula pada Ogos ini.

Selain daripada itu, kita sentiasa bekerjasama dan memberi keyakinan penuh kepada Pengerusi Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak untuk memantau, mengemas kini dasar-dasar pengambilan pekerja asing dan dasar-dasar buruh yang turut bekerjasama dengan pelbagai kementerian yang lain termasuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Keselamatan, MITI, JKR dan pihak kementerian itu sendiri.

Selain daripada itu juga, kita juga mengadakan pendaftaran pekerja di bawah Jabatan Tenaga Kerja dengan Sistem *Elektronik Labour Exchange* di bawah *Sure Kerja*

dan akhirnya saya yakin dan percaya bahawa akta yang begitu lama ini dan memerlukan kelulusan segera, lebih daripada 600 permohonan dapat disokong oleh Ahli Dewan untuk mendapatkan tandatangan daripada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja. Kalau tidak ditukar, istilah Seksyen 3 untuk Pengarah Jabatan Tenaga Kerja maka tetap berada di bawah namanya Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Rakyat dan ini tidak dibolehkan untuk menandatangani yang ada itu.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Yang Berhormat, penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta semua, termasuklah pembangkang itu menyokong sama dengan usaha kita ya. Ha, angguk kuat itu. Ya, silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam jumlah yang dinyatakan tadi, peserta ataupun tenaga kerja yang telah dilatih oleh kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain, berapa peratuskah jumlah orang yang dilatih ini kembali ataupun masuk di dalam jurusan yang telah dilatih? Dan, di manakah orang-orang yang tidak memasuki di dalam memasuki jurusan yang telah dilatih ini, ke arah mana tujuannya kehidupan ataupun mata pencarian mereka?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Mereka yang dilatih di bawah pelbagai skim yang ada di bawah Kementerian Sumber Manusia lazimnya yang mendapat pekerjaan, tidak kurang daripada 85%, itu dibuat *survey* ataupun *study* dalam tempoh masa enam bulan dan memang kita mengambil graduan-graduan ataupun pelatih-pelatih yang mempunyai kelulusan akademik tetapi tidak mempunyai kemahiran dan mereka ini menganggur lazimnya yang kita ambil lebih daripada enam bulan. inilah *problem* yang dihadapi oleh negara – ramai lulusan ataupun ramai graduan tetapi mereka ini menganggur kerana tidak mempunyai kemahiran.

Saya hendak sebut bahawa sektor pekerjaan hari ini, pekerja kita ada 10.9 juta dalam negara. Yang kerja dalam sektor awam, bekerja dengan kerajaan dalam 1.2 juta. Bakinya 10.9 juta tolak dengan 1%, bakinya semua kerja swasta. Begitulah besarnya yang memerlukan pekerjaan.

Akhirnya saya mohon mencadangkan agar....

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Minta laluan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sedikit ya?

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh, mula-mula saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Yang Berhormat Datuk di atas jawapan beliau yang cukup luas, komprehensif tetapi luas dan saya mengagumi Yang Berhormat Datuk oleh kerana banyak perkara yang dibangkit bukan di bawah kementerian beliau tetapi juga di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Tetapi saya minta maaf Yang Berhormat Datuk, ada sedikit sahaja yang saya tanya Yang Berhormat tidak dapat jawab atau terlupa, iaitu apakah perlindungan, ini tentang pembantu-pembantu rumah. Pembantu-pembantu rumah yang lari selepas tiga bulan, cari barang majikan, memusnahkan barang majikan atau malas dan degil. Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua, selepas tiga bulan majikan tidak boleh buat apa, boleh hantar balik tetapi kena bayar *full fees* sekali lagi untuk mendapat seorang pembantu rumah baru.

Apakah pampasan di atas ganti rugi barang-barang yang dimusnahkan atau dicuri oleh pembantu rumah? Adakah dicadangkan satu skim insurans untuk melindungi pihak majikan oleh kerana kita nampak majikan yang orang Malaysia ini, so kerajaan harus memberi tumpuan di atas hak majikan, kerana pekerja itu orang asing. Saya minta sedikit penjelasan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Saya sudah sebutkan tadi bahawa di antara perlindungan terbaru yang telah diberikan oleh pihak Kementerian Sumber Manusia iaitu mana-mana majikan yang lari, ia boleh diganti dengan pembantu rumah yang baru. Kemudian, soal kecurian ini bukan sahaja sukar ataupun susah kita hendak jawab. Kecurian ini berlalu di mana-mana sahaja; bukan sahaja di rumah tetapi di pejabat, di *shopping mall*, di mana-mana sahaja, kereta tengah berjalan pun kena curi, duit yang tengah berjalan hendak dihantar ke satu bank ke satu bank, kena langgar dan kena curi.

Jadi kalau hendak dikatakan satu skim jaminan, ia berbeza sedikit kerana ianya perlu diinsuranskan baru dia dijamin, tetapi dalam soal pembantu rumah ini, dia tidak ada pembantu rumah kecurian itu boleh diinsuranskan, jadi ini mungkin tidak ada syarikat yang hendak insuranskan kecurian pembantu rumah, tetapi kalau kereta kena curi, dia ada insurans. Walau bagaimanapun pandangan yang diberikan ini kita tengoklah sejauh mana praktikalnya untuk kita laksanakan. Begitu juga soal majikan....

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sekejap, sekejap sedikit sahaja. Yang malas dan yang degil ini, sebenarnya ini kita boleh tukar dan kita boleh hantar pulang kepada yang malas, yang degil dan sebagainya dan ini memang ada perjanjian yang dibuat oleh pihak APS dengan majikan itu sendiri, ya sila.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Saya rasa Yang Berhormat tidak menjawab soalan yang berkenaan berkahwin dengan orang tempatan dan juga mendapat PR status ini, oleh sebab semalam saya rasa rakan saya Dato' Musa bertanya dan nampak gaya Yang Berhormat menggalakkan mereka ini berkahwin dengan tidak menjawab soalan itu, terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Sebelum Yang Berhormat menjawab, izinkan saya mengalu-alukan kehadiran Ahli-ahli Parlimen dari Itali yang diketuai oleh The Right Honourable Edouard Ballaman. *[Tepuk] Thank you for being present here sir, thank you. [Sambil memandang ke arah delegasi dari Itali]*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Okey, terima kasih. "Kahwin" ini saya ingat tidak ada orang berminat tetapi bila sebut pasal kahwin ini semua senyum belaka dan saya pun jawablah. Sebenarnya soal kahwin ini bukan tertakluk kepada pekerja asing sahaja. Orang yang tidak bekerja ataupun bukan pekerja asing pun kita semua boleh berkahwin dengan siapa sahaja yang kita suka, orang Sepanyolkah, orang Filipinakah, orang Rusiakah, tetapi bukan merupakan satu jaminan untuk mendapatkan hak mereka sebagai warganegara, itu jelas.

Jadi orang Pakistan ini ataupun mana-mana orang yang datang ke mari ini, kita tidak benarkan membawa isteri dengan cara untuk di sampingnya, tetapi kalau dia bawa isteri dia kerana isteri juga pekerja - itu boleh, tetapi kalau isterinya hendak datang juga saya ulang lagi sekali, sebagai pekerja tidak ada masalah, itu yang pertama.

Yang kedua, kalau dia berkahwin dengan rakyat tempatan bukan bermakna dia akan dapat kedudukannya sebagai warganegara. Dia boleh minta untuk menjadi *permanent resident* dan juga dia boleh minta untuk menjadi warganegara, itu dipertimbangkan. Tetapi yang jadi masalah sekarang ini, ada yang kahwin dia cabut lari dia tinggal macam orang Bangla, sebab itu sebelum kahwin itu kena tengok-tengok juga dan jangan tengok rupanya, badan dia sasa dan besar, tetapi.....

Puan Siw Chun a/p Eam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sekejap, sekejap. tetapi dia tidak mempunyai tanggungjawab. Jadi ini terpulang dan pandai-pandailah kepada yang hendak berkahwin itu tidak tertakluk di bawah agensi pekerjaan swasta, terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Sebut pasal kahwin saya berminat pula sudah .. [*Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa*]

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Minat hendak kahwinkah?

Puan Siw Chun a/p Eam: Berkahwin adalah bersangkutan-paut dengan pekerja warga asing. Di sini semalam saya ada dengar penerangan dan penjelasan dari pihak kementerian mengatakan bahawa kita masih perlukan 50,000 lagi pekerja dalam bidang perkhidmatan ataupun *service*.

Bolehkah Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk membincangkan dan buat satu *conclusion*, dengan izin supaya ibu-ibu tunggal ini boleh bekerja, terutamanya ibu tunggal ini selain daripada kematian suami atau ditinggalkan oleh suami, berlakunya perceraian untuk wanita tempatan tidak ada masalah apa, tetapi untuk isteri yang ditinggalkan ataupun diceraikan ataupun kematian suami ini, mereka ini warga asing dan mereka mempunyai anak di Malaysia. Apatah lagi apabila anak mereka masih belajar dan bersekolah di sini memang mereka hendak menetap di sini dan saya ada banyak masalah tentang isteri-isteri warga Thailand yang mengahwini jejaka di Malaysia. Jadi masalahnya mereka ini kalau hendak bekerja perlukan *temporary work permit*, iaitu permit bekerja sementara. Jadi mereka perlu bayar RM420 bagi tiga bulan. Jadi tiga bulan dibahagi dengan RM420, sebulan RM140 dan yuran untuk permit ini dibayar oleh dirinya sendiri. Katakanlah dia bekerja sebulan RM350 dan dia terpaksa potong gaji RM140 untuk permit bekerja. Tinggal RM210, bolehkah RM210 ini untuk menyara anak dan dirinya sendiri, itu saya minta pihak Kementerian Sumber Manusia kalau boleh bincang dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tentang perkara ini, kasihan mereka ini sudah jatuh ditimpa tangga. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Yang Berhormat yang begitu prihatin, jaguh ibu tunggal, saya akan membawa perbincangan ini kepada Kementerian

Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga perkara-perkara yang lain dan saya juga hendak sebutkan di sini, bahawa kita juga mengadakan program-program Sure Kerja yang kita sudah ada empat, lima tempat sekejap lagi kita hendak ke Johor pula dan saya hendak sebut program Sure Kerja ini juga diberikan peluang kepada ibu tunggal, warga emas, bekas banduan, bekas penagih dadah untuk mendapatkan pekerjaan di samping mereka yang dikatakan golongan pemegang SPM, Diploma dan juga Ijazah ataupun graduan. Jadi itu saya ingat terbuka kepada ibu-ibu tunggal.

Akhirnya, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang telah memberikan pandangan-pandangan yang baik, kesemuanya saya anggap cukup berharga, bererti dan juga bernas, saya cukup kagum dengan kesanggupan dan juga sambutan yang begitu ramai dan saya dapati lebih daripada 15 orang Ahli-ahli Dewan yang mengambil bahagian untuk memberikan sokongan dan pandangan dalam Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta khususnya yang melibatkan Seksyen 3 dan juga Seksyen 4 ini, oleh hal yang demikian saya mohon mencadangkan untuk diluluskan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Datuk Haji Karim Ghani *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN KAPAL LAYAR ANTARABANGSA
LANGKAWI (PINDAAN) 2005**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.50 tgh.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Pindaan Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa (Pindaan) 2005 bagi bacaan kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003. Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003 Akta 630 telah pun dikuatkuasakan pada 2 Oktober 2003 di mana ianya merupakan satu akta yang bermaksud penubuhan dan pendaftaran kapal layar (*yacht*) dengan izin di Pulau Langkawi. Pelabuhan pendaftaran tersebut dikenali sebagai *Langkawi International Yacht Registry* atau singkatnya LIYR.

LIYR adalah merupakan *one-stop centre* bagi pendaftaran dan aktiviti kapal layar bertujuan menarik pemilik kapal layar dari seluruh dunia untuk mendaftar kapal layar mereka di LIYR. Dengan adanya LIYR Pulau Langkawi akan menjadi *yachting destination* dengan izin yang utama dalam tahun ini dan setanding dengan *yachting centre* dengan izin yang wujud di negara-negara lain.

Walaupun LIYR baru ditubuhkan tindakan perlu diambil bagi memastikan LIYR tidak ketinggalan dari aspek memberi kemudahan pendaftaran kapal layar yang terbaik dan memenuhi kehendak semasa. Ini kerana beberapa buah pusat pendaftaran kapal di negara-negara lain seperti di Cayman Islands, Marshall Islands dan di Monaco telah pun membuat beberapa pengubahsuaian terhadap kemudahan pendaftaran kapal mereka bagi memastikan pusat pendaftaran kapal layar tersebut terus berdaya saing dan memenuhi kehendak industri kapal layar.

Justeru itu, tindakan perlu diambil bagi membuat pindaan kepada Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003. Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah bagi memperkemas dan memastikan akta tersebut memenuhi

kehendak semasa dan mempertingkatkan peruntukan yang sedia ada. Di antara fasal-fasal pindaan yang dicadangkan yang substantif adalah seperti berikut:-

- a) **Peruntukan mengenai pendaftaran sementara** - Memasukkan peruntukan bagi pendaftaran kapal layar secara *interim*. Ini merupakan kemudahan yang diberi kepada pemilik kapal layar yang hendak memindahkan pelabuhan pendaftaran dari luar Malaysia ke Pulau Langkawi. Dengan kemudahan ini kapal layar berkenan boleh didaftar di Pulau Langkawi walaupun terdapat beberapa perkara pemindahan pemilikan yang perlu selesai. Fasal yang terbabit ialah Fasal 5 Rang Undang-undang.
- b) **Memperkemaskan peruntukan mengenai pendaftaran *bareboat charter*** - Peruntukan berhubung dengan pendaftaran *bareboat charter yacht* dengan izin telah diperbaiki. Fasal terbabit ialah Fasal 16 Rang undang-undang di mana pengiktirafan diberi terhadap kapal layar yang disewa secara *bareboat* dengan izin dan didaftar di LIYR untuk dikenali sebagai *Langkawi Yacht*. Fasal ini juga merujuk kepada hak-hak pemilik asal kapal layar yang terbabit.
- c) **Peruntukan membolehkan orang perseorangan mendaftar kapal layar** - Pindaan dibuat kepada Seksyen 8 Akta Ibu melalui Fasal 4 Rang Undang-undang untuk membolehkan orang perseorangan yang bukan rakyat Malaysia mendaftar kapal layar. Pada ketika ini warga asing secara individu tidak boleh mendaftar kapal layar mereka di mana ianya hanya dapat dilakukan melalui memperbadankan sesebuah syarikat terlebih dahulu.

Pindaan-pindaan lain yang terdapat dalam Rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk memperkemaskan akta ini iaitu pertama membolehkan pendaftaran sebarang pengubahsuaian yang dibuat ke atas kapal layar seperti mana yang terdapat di Fasal 9 Rang Undang-undang ini.

Fasal 11 pula dimasukkan untuk membolehkan kaedah penghantaran dokumen dibuat secara elektronik.

Fasal 22 memperuntukkan kuasa mahkamah seperti mana untuk menghalang sebarang pengendalian dalam mana-mana kapal layar Langkawi.

Fasal 25 Rang undang-undang memberi perlindungan kepada industri kewangan yang memberi kemudahan pembiayaan kewangan untuk memperolehi kapal layar Langkawi sekiranya pemilik kapal layar berkenaan didapati bankrap.

Fasal 30 Rang undang-undang memperkemas peruntukan-peruntukan berhubung *crew* kapal layar Langkawi termasuk perkara-perkara seperti kontrak kerja, pembayaran gaji, dokumen, entiti *crew* dan sebagainya.

Fasal 40 Rang undang-undang memberi kuasa kepada Menteri Pengangkutan di mana didapati perlu untuk membuat pengubahsuaian kepada *fee* yang telah ditetapkan seperti mana.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi itu adalah perkara yang dipinda dalam Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi Pindaan (2005). Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Karim Ghani: Ada Menteri menyokong?

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul yang dibawa.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Dato' Dr. Chin Fook Weng.

12.58 tgh.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pindaan tahun 2005 yang dicadangkan kepada Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003 itu nampaknya ada banyak kebaikan. Tetapi dari segi pelaksanaan akta yang baru sahaja kita luluskan iaitu pada tahun 2003 dan saya pun ingat saya juga mengambil bahagian dalam perbahasan itu tetapi nampaknya begitu cepat sahaja sudah terdapat kelemahan-kelemahan yang memerlukan pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa dibentangkan rang undang-undang ini tadi kita tidak dengar data-data yang mendesak kerajaan supaya membuat pindaan-pindaan seperti yang dicadangkan itu. Mungkin dalam penggulungan nanti Menteri boleh

memberi kita sedikit maklumat tentang aspek yang telah dirasai tidak memadai atau ada kelemahan dan perlu diperkuatkan lagi dari segi pelaksanaan dan penguatkuasaan ataupun dari segi pengawalseliaan.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kita diberitahu sejak pelaksanaan ini berapa kapal layar atau *yacht* yang telah didaftarkan di Langkawi.

Datuk Haji Karim Ghani: Dato' Dr. Chin.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Berapa?

Datuk Haji Karim Ghani: Dato' Dr. Chin.....

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Oh, sudah cukup masa.

Datuk Haji Karim Ghani: Sekarang jam 1.00 tengah hari.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: So, saya sambung petang nanti.

Datuk Haji Karim Ghani: Sambung petang nanti. Terima kasih. Dengan ini saya tangguhkan persidangan sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***].

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, sila sambung ucapan.

2.31 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya telah menanya kenapa baru sahaja akta ini dikuatkuasakan dan sudah sampai masanya untuk membuat pindaan-pindaan seperti yang dicadangkan itu dan nampaknya itu bukan sedikit sahaja, tetapi merangkumi aspek-aspek yang besar dan juga begitu banyak perkara yang ingin dicadangkan dalam pindaan ini.

Dari segi pelaksanaan, kita luluskan ini pada tahun 2003. Selepas itu, satu tarikh ditetapkan oleh pihak Menteri untuk penguatkuasaan undang-undang berkenaan dan kita luluskannya pada tahun 2003. Pada pengiraan saya, selepas membuat persediaan dan sebagainya, mungkin sudah menjelang tahun 2004 baru dilaksanakan dan masa untuk

penguatkuasaan akta ini mungkin kurang daripada satu setengah tahun dan sudah dirasai bahawa akta ini ada kekurangan dan perlu dipinda.

Tadi, saya telah menanya tentang apakah masalah-masalah yang telah dijumpai semasa menguatkuasakan peruntukan-peruntukan dalam akta yang baru diluluskan ini dan juga saya ingin tahu, berapa kapal yang telah didaftarkan dalam daftar *Langkawi International Yacht Registry* (LIYR) itu kerana saya telah melawat Langkawi beberapa kali tetapi saya tidak nampak satu *yacht* pun yang didaftarkan di bawah pendaftaran ini dan juga di Pulau Pinang, banyak juga kapal layar itu mengunjungi kami.

Tetapi, saya pun tidak lihat ada kapal layar yang telah didaftarkan di Langkawi itu. Beberapa kawan saya juga mempunyai kapal layar dan saya pun tidak dengar sama ada mereka telah menyatakan kepada saya bahawa sekarang banyak pihak telah menggunakan kesempatan yang disediakan di bawah akta ini untuk mendaftarkan kapal-kapal layar. Jadi, saya ingin tahu dari segi ini, berapa telah didaftarkan sejak pelaksanaan akta yang kita luluskan ini.

Satu lagi aspek yang terdapat dalam pindaan ini ialah tentang kakitangan kapal layar itu atau krew serta kapten mereka. Satu aspek yang dibangkitkan oleh pindaan baru ialah tentang krew yang ditinggalkan di Langkawi atau di Malaysia. Saya ingin tahu berapa kapal layar yang telah didaftarkan di Langkawi ini telah menghadapi masalah, di mana krewnya atau kakitangannya telah ditinggalkan di Langkawi dan itu telah menjadi satu permasalahan yang besar kepada pihak kerajaan supaya menghantar balik anak kapal ini ke negara mereka, kerana mereka telah menderita tanpa gaji, tanpa apa kemudahan yang telah disediakan.

Adakah kita telah menghadapi banyak kes yang berlaku dalam situasi demikian di mana anak kapal itu telah ditinggalkan di Langkawi, oleh kerana tuan punya kapal layar itu menghadapi masalah kewangan dan sebagainya. Satu lagi aspek dalam pindaan yang dicadangkan ini ialah tentang kapal layar yang sedang dibina, dalam proses pembinaan dan mungkin tuan punya kapal layar itu menghadapi masalah kewangan dan tidak dapat membayar kos untuk pembinaan itu dan akibat daripada itu, mungkin kos itu dibawa ke mahkamah.

Di bawah undang-undang yang sedia ada, adakah kes-kes semacam ini tidak dapat diselesaikan di bawah undang-undang yang sedia ada di negara kita sehingga

kita terpaksa mengadakan seksyen-seksyen baru dalam pindaan ini yang mengambil kira perkara-perkara seperti pertikaian di antara tuan punya kapal layar dengan pihak yang sedang membina kapal itu sehingga kes itu dirujuk ke mahkamah dan tidak dapat mencapai satu penyelesaian. Oleh kerana itu, peruntukan dalam undang-undang ini, diperlukan untuk menyelesaikan permasalahan seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun dalam pindaan yang dicadangkan itu, saya nampak ada banyak aspek baru yang boleh membantu pihak-pihak yang telah menghadapi masalah, tetapi saya pun kurang yakin. Saya kurang yakin sama ada ini melibatkan peranan Kementerian Pengangkutan ataupun kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh seksyen baru 33A, seksyen baru 35, seksyen baru 36A, semua ini merangkumi masalah yang dihadapi semasa pembinaan kapal layar. Setakat kita melaksanakan ini dalam masa satu tahun lebih, adakah pesanan-pesanan untuk membina kapal di Langkawi telah dibuat? Ada berapa kes yang di mana kerja ini tidak dapat disiapkan, oleh kerana kegagalan membuat bayaran? Ada berapa kes yang telah dibawa ke mahkamah dan didapati mahkamah itu tidak dapat menyelesaikan itu, kerana peruntukan-peruntukan baru seperti yang saya sebutkan itu melibatkan aspek ini, di mana semasa pembinaan kapal layar itu sudah ada masalah dan ada pertikaian di antara pihak pembina dengan pihak tuan punya kapal layar.

Adakah berpatutan bagi kerajaan campur tangan? Pada sayalah, di atas satu perkara persendirian di antara sesuatu orang yang membeli kapal dengan sesuatu pihak yang membina kapal tersebut. Patutkah kerajaan campur tangan dalam hal ini? Kalau kita ada bahagian baru 33A, 35, 36A, semua ini memberi kita peruntukan undang-undang supaya campur tangan atau masuk campur dalam perkara ini. Patutkah, saya tanya Tuan Yang di-Pertua, patutkah kerajaan berbuat demikian kerana saya anggap ini sebagai satu perkara persendirian di antara kedua-dua pihak swasta. Apakah kebaikan kepada kerajaan kalau kita campur tangan dalam hal ini sehingga kita mungkin tidak mahu daftar sehingga kita mahu dikeluarkan dari daftar dan sebagainya. Saya anggap ini sebagai satu perkara campur tangan dalam hal-hal swasta, hal-hal persendirian.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi cadangan baru yang ada ialah berkenaan dengan seksyen baru 49A dan 49E. Ini berkenaan dengan anak kapal. Ini berkenaan dengan

kebijakan anak kapal iaitu tentang gaji, tentang upah dan sebagainya. Saya juga berpendapat ini adalah satu pertikaian buruh atau *labour dispute* di antara pihak majikan dengan pihak pekerja.

Dan adakah sesuai bagi kerajaan supaya masuk campur tangan dalam perkara ini. Bukankah kita ada undang-undang Buruh di negara kita yang dapat dipakai supaya menyelesaikan perkara-perkara semacam ini yang wujud dari masa ke semasa. Adakah ini sudah wujud semasa kita melaksanakan akta baru ini. Dan bagi saya kalau ini juga diambil berat oleh Kementerian Pengangkutan, bagaimana peranan Kementerian Sumber Manusia. Adakah Kementerian Pengangkutan campur tangan dalam hal yang patut di bawah bidang kuasa kementerian lain iaitu Kementerian Sumber Tenaga.

Baru-baru ini kita telah meluluskan, semalam kita telah meluluskan satu pindaan kepada akta di mana Pengarah Buruh diberi tugas khas untuk mengawasi hal-hal buruh antara pekerja dan majikan dan bukannya kalau kementerian ini mengambil alih tugas semata-mata untuk anak kapal sahaja, bukannya mereka tidak mempunyai kepakaran untuk menyelesaikan perkara-perkara rumit kerana bagi saya Tuan Yang di-Pertua selalunya masalah di antara majikan dengan pekerja itu adalah masalah rumit dan pihak yang paling sesuai bagi saya untuk menguruskannya Kementerian Sumber Tenaga kerana mereka mempunyai pegawai-pegawai yang cukup pengalaman dalam menyelesaikan perkara ini dan juga dalam memberikan nasihat dan juga menjaga kepentingan para pekerja yang terlibat dalam sebarang masalah itu. Saya pun kurang faham kenapa Kementerian Pengangkutan menganggap ini patut satu peranan yang dimainkan oleh mereka itu. Dan mungkin ada sebab-sebab tertentu yang saya tidak faham dan pun saya tidak rasa adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan itu.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan yang saya paling menyokong ialah di bawah pindaan kepada subseksyen 60(2) di mana ada beberapa para (k), (n), (o), (p), (q), dan (r) yang mana ia berkenaan dengan pengawal selia, hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan kod yang berkenaan dengan beberapa aspek yang tepat dan yang ada kaitan dengan kapal layar. Apa yang dicadangkan dalam pindaan kepada subseksyen 60(2) ialah berkenaan dengan keselamatan maritim, sekuriti maritim, perlindungan alam sekitar maritim dan perkara-perkara teknikal. Tuan Yang di-

Pertua, saya berpendapat ini amat sesuai dikawal selia supaya perkara-perkara yang tidak diingini itu tidak berlaku.

Sebagai contoh, sekuriti maritim ini adalah satu aspek yang kita selalu didedahkan oleh kerana kita selalu tahu bahawa laut kita begitu panjang dan bila-bila masa pendarang-pendarang yang tidak diingini boleh mendarat di negara kita dan kapal-kapal layar ini juga boleh membawa orang-orang semacam ini. Kalau pindaan itu dibuat kepada sekuriti maritim maka pada saya ini adalah sesuai supaya pihak ini juga tidak menyumbang. Kita tahu bahawa banyak daripada pendarang itu dibawa ke Malaysia oleh bot-bot kecil dan kita pun tidak tahu bahawa beribu-ribu sudah datang. Setiap kali kita ada satu *exercise* untuk membawa pihak ini balik dan semua pihak termasuk rakyat juga diminta memberi perhatian kepada perkara ini dan pihak RELA, polis, imigresen semuanya berusaha. Kalau kerajaan mengambil berat tentang sekuriti maritim ini dengan satu pengawalseliaan yang lebih ketat kepada kapal layar yang didaftarkan di Langkawi itu, pada pendapat saya itu sesuai dan harus diberi sokongan. Tetapi dari segi pelaksanaan mungkin kerana secara *detail* saya tidak nampak bagaimana ini dapat diuruskan. Mungkin dari segi pelaksanaan ini akan melalui arahan-arahan atau undang-undang lain untuk mengawal selia perkara ini.

Apabila itu dilaksanakan nanti saya berharap bahawa aspek penalti yang akan dikenakan kepada sebarang pihak yang menjalankan kegiatan seperti itu yang menjadi satu ancaman kepada keselamatan negara kita itu harus diambil berat dan pihak yang bersabit salah itu patut dijatuhkan hukuman yang berat termasuk dipenjarakan dan sebagainya kerana itu adalah satu aspek yang harus diberi keutamaan. Dari segi sekuriti juga mungkin kita harus mengawasi penyeludupan barangan masuk ke Malaysia tanpa membayar duti dan sebagainya. Setahu saya banyak daripada kapal layar ini tidak ada masalah untuk membawa masuk rokok, arak dan sebagainya.

Kalau kita mahu membuat pengawalseliaan kepada aspek ini kita juga harus memberi perhatian kepada sekuriti dari segi penyeludupan iaitu membawa masuk barangan yang tidak dibayar duti dan sebagainya. Mungkin kita harus melihat dari segi mereka yang bawa masuk senjata dalam kapal layar ini kerana kapal layar boleh ke mana-mana tempat dan apabila balik sahaja sama ada singgah di Langkawi atau di Pulau Pinang dan sebagainya, apakah kawalan kerajaan kita untuk memastikan bahawa

barangan seperti senjata dan sebagainya tidak dibawa masuk kerana itu juga menjadi satu ancaman yang besar kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, aspek yang lain ialah tentang perlindungan alam sekitar marin. Kita sekarang berbangga dengan pulau-pulau kita yang begitu cantik dan menarik perhatian pelancong sehingga mereka tidak peduli tentang risiko ke atas diri sendiri untuk melawat atau mengunjungi pulau-pulau seperti contoh Pulau Sipadan. Apabila kapal-kapal ini juga belayar ke sana ada kemungkinan besar mereka akan merosakkan alam sekitar marin yang terdapat di pulau-pulau indah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pengawalseliaan kita harus mengadakan undang-undang yang ketat yang melarang pihak ini dari merosakkan apa kehidupan-kehidupan marin yang ada di pulau-pulau indah kita itu. Sungguhpun ini satu masalah dari segi kawalan kerana banyak dari pulau ini juga jauh dari darat dan kalau kita memerlukan pengawalseliaan yang rapat kita perlukan banyak usaha dan banyak kemudahan yang mungkin kita tidak ada pada masa ini. Oleh kerana itu, saya berpendapat dari segi membuat arahan-arahan atau rang undang-undang tambahan kita patut memasukkan dalam rang undang-undang itu tentang bagaimana kita dapat mengenakan denda dan sebagainya terhadap pihak-pihak ini yang salah menggunakan kemudahan yang ada semasa kapal layar ini berada di sesuatu tempat dan ini memastikan mereka tidak merosakkan apa-apa kehidupan marin yang ada itu kerana kita juga mengharapkan kepada ikan-ikan yang ada untuk para nelayan kita.

Satu aspek berkenaan dengan memancing ikan. Ada pihak yang sekarang menggunakan racun untuk menangkap ikan dan mungkin menggunakan letupan-letupan bom untuk mendapat ikan. Kalau kapal layar yang didaftarkan di bawah Langkawi ini berbuat demikian adakah di bawah subseksyen 60(2) itu kita akan mengadakan undang-undang supaya mengambil tindakan tegas kepada kegiatan sedemikian. Kalau kita tidak mengawasi perkara-perkara seperti yang saya bangkitkan itu maka saya dapati pindaan yang dicadangkan kepada subseksyen 60(2) untuk diberi kuasa dari segi empat aspek itu tidak akan mencapai sasarannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap keselamatan marin (*maritime security*), sekuriti maritim, perlindungan alam sekitar marin dan perkara-perkara teknikal lain, mungkin dalam perkara-perkara teknikal lain itu termasuk bagaimana kita dapat

memastikan kapal layar itu betul-betul tidak ada masalah sehingga kita perlukan usaha untuk menyelamatkan mereka yang ada dalam kapal tersebut.

Apakah kawalan kita untuk memastikan semua peralatan yang ada di atas kapal itu boleh dioperasikan semua itu tidak bermasalah, dan mereka mencukupi kemudahan supaya tidak memerlukan bantuan dalam situasi-situasi biasa, kecualilah ada ribut dalam kawasan perairan itu di mana mereka menghadapi masalah. Tetapi pada kebiasaan saya dapati ada juga bot-bot yang keluar tetapi ada masalah jaket keselamatan pun mungkin tidak ada dan sebagainya. Ini adalah perkara-perkara teknikal yang harus diberi perhatian.

Saya tahu Tuan Yang di-Pertua bahawa ada bot-bot yang membawa pelancong. Kalau pada bila-bila masa katakan kita ke Langkawi atau ke Thailand, kita boleh naik satu kapal sebagai pelancong dan tuan punya kapal itu boleh membawa kita ke merata-rata tempat, dan dari segi keselamatan dalam kapal itu subseksyen 60(2) itu boleh memberi kita satu cara yang tepat supaya kita mengawasi perkara ini. Saya berharap apabila rang undang-undang itu diperakukan nanti untuk memberi penguatkuasaan kepada perkara-perkara di bawah subseksyen 60(2) itu, ini semua akan diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada aspek-aspek kebajikan anak kapal, kapten, selain daripada perkara pembinaan bot dan perkara-perkara yang saya bangkitkan ialah tentang kuasa-kuasa yang diperlukan untuk pengawalseliaan yang lebih rapat kepada kapal layar-kapal layar ini. Saya dapati pindaan-pindaan yang dicadangkan yang lain itu tidak begitu mustahak dan mungkin akan memperkukuhkan lagi pelaksanaan undang-undang ini dan itu saya juga menyokong.

Saya tidak ada alasan baru tentang aspek itu. Apa yang saya telah membangkitkan itu saya rasa Tuan Yang di-Pertua adalah yang paling penting dan saya berharap apabila semua aspek itu diambil kira nanti, maka kita ada satu akta yang tidak perlulah dipinda begitu rapat. Mungkin kita harus tengok, tinjau 10 tahun, 15 tahun.

Kalau ada masalah besar sahaja kita bawa dan setahu saya kita ada banyak undang-undang yang begitu lama khasnya undang-undang yang mendiskriminasikan kepada kaum wanita, itu pun belum sempat dipinda lagi dan masih dikuatkuasakan, tetapi baru sahaja ia diluluskan sekarang sudah hendak dipinda. Saya pun tidak tahu

pengaruh Kementerian Pengangkutan itu begitu kuat sehingga Peguam Negara pun bagi keutamaan kepada aspek ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah komen-komen saya dan dengan itu saya menyokong pindaan-pindaan yang dicadangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila jawab dan gulung.

3.06 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng yang telah bercakap hampir 40 minit. Nampaknya beliau adalah seorang pakar yang telah melihat dan mengkaji, meneliti rang undang-undang ini dan telah memberi komen yang akan membantu kementerian dalam kami menjalankan tugas selepas kelulusan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah seperti saya sentuh tadi apabila saya mula membentang petang tadi adalah untuk menambah baik Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003 dan langkah ini perlu kita merasakan kerana selepas ianya dilulus dan dikuatkuasakan pada 2003, kementerian mendapati masih ada banyak kelemahan.

Itulah sebab dalam masa yang singkat ada keperluan untuk meminda ini dan selepas rang undang-undang ini dikuatkuasakan pada 2003, kita mengambil perhatian bahawa masih ada perkara-perkara yang perlu kita perbaiki dari segi undang-undang supaya Langkawi dapat menarik ramai lagi pelanggan-pelanggan khasnya kapal-kapal layar untuk mendaftar.

Kerana industri kapal layar ini ataupun pusat-pusat pendaftaran kapal layar ini satu industri yang mempunyai persaingan yang begitu hebat sekali, maka adalah perlu bagi kita melihat berbagai-bagai aspek, kerana di dunia ini ada beberapa kawasan seperti di *Cayman Islands*, di *Marshall Islands*, yang pun sentiasa mencari jalan bagaimana ia dapat perbaiki perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada bakal-bakal pelanggan mereka supaya mereka dapat menarik minat tuan punya pelayar kepada tempat-tempat pendaftaran, pusat pendaftaran di negara-negara mereka. Inilah matlamat kita untuk mengadakan pindaan ini.....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya boleh.....

Datuk Douglas Uggah Embas: Tunggu sekejap ya, saya habiskan. Walaupun begitu singkat tetapi apabila perlu kementerian tetap terus akan.....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon penjelasan. Dalam akta yang belum dipinda bahawa kapal-kapal layar dimiliki oleh orang asing maknanya bukan rakyat Malaysia tidak didaftarkan di Pusat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi.

Apakah yang menyebabkan pindaan ini ialah kerana ada permohonan-permohonan daripada orang asing ataupun yang bukan rakyat Malaysia untuk mendaftarkan kapal-kapal layar mereka, itu yang pertama saya mohon penjelasan.

Yang kedua saya juga ingin mohon penjelasan dari segi undang-undang tentang pendaftaran sementara bagi pemilik-pemilik kapal layar ini yang apakah tujuan, maksudnya bahawa mereka belum mendaftarkan kemudian barulah mereka nak mendaftarkan maka ada setengahnya pendaftaran itu diberikan oleh pihak Pengarah Pendaftaran dengan pendaftaran sementara. Ataupun ia kerana pengubahsuaian kapal layar itu yang menyebabkan bahawa pihak Pengarah Pendaftaran itu boleh memberikan pendaftaran sementara kepada pemilik-pemilik kapal layar itu. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat meneliti Akta Induk mesti memahami bahawa pusat ini memang terbuka kepada tuan punya kapal layar orang tempatan dan orang asing. Jadi soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu tadi saya rasa apa yang masuk di sini ialah kita memasukkan orang perseorangan kerana syarikat-syarikat yang mendaftar oleh orang asing kalau orang asing mendaftar dengan kita, dengan pusat ini dia perlu membatalkan satu syarikat jadi dengan pindaan ini membolehkan orang perseorangan orang asing untuk mendaftar di pusat ini.

Yang kedua mengenai pendaftaran sementara, betul kata Yang Berhormat kita mengikut keadaan di mana kita perlu untuk memberi pendaftaran sementara kerana beberapa sebab kerana itulah kita memberi mohon dalam pindaan ini untuk meminta kuasa untuk mendaftar sementara. Mungkin ini dapat meningkatkan pendaftaran yang penting adalah kita akan memberi perkhidmatan yang terbaik dengan cukup efisien dan itulah kita mengemaskinikan Rang Undang-undang ini supaya segala birokrasi yang perlu dijalankan dapat dipendekkan dan ia dapat menarik perhatian oleh orang-orang

yang suka mendaftar dengan pusat pendaftaran kita dan pusat pendaftaran layar agar dapat menarik minat di seluruh dunia.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga bertanya berapa buah kapal yang telah didaftar semenjak kelulusan Akta yang dulu, Akta Induk pada tahun 2003. Kalau angka ini akan menunjukkan mengapa kita perlu mengadakan pindaan kerana pelbagai masalah yang didapati maka hingga sekarang kita sedang memproses satu permohonan dan kita sedang menerima 10 lagi permohonan dari pemilik perseorangan kepada pendaftar kapal layar mereka di Langkawi. Jadi oleh sebab respons yang agak lembap sedikit, itulah sebab kita memikirkan perlu ada syarat-syarat yang penting harus dimasukkan dalam Akta kita.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga bertanya mengenai kapal layar yang sedang dibina. Pindaan ini mencadangkan bagi membentuk untuk membantu pemilik kapal layar yang sedang dibina dan untuk mendapatkan kemudahan pembayaran kewangan. Angka ini juga akan mengelakkan pemilikan kapal layar dan pembinaan di Malaysia. Dan mengenai masalah mahkamah, masalah yang di bawah Seksyen 33A untuk menyediakan satu *legal framework* yang perlu bagi kenaikan sivil di antara pihak-pihak persendirian, kerajaan tidak campur tangan di dalam hal ini kecuali bagi melaksanakan arahan yang diputuskan oleh mahkamah.

Yang Berhormat Dato' juga menyentuh mengenai *crew members* yang telah ditinggalkan di Langkawi. Setakat ini kerana belum ada kapal layar.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Minta laluan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Kapal layar didaftarkan, tunggu sat ya. Kapal layar didaftarkan maka isu *crew members* yang ditinggalkan di Langkawi belum berbangkit.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Datuk. Seperti mana Yang Berhormat Datuk kata tadi ada banyak tempat-tempat di dunia di mana kapal layar *yacht* boleh didaftar macam *Cayman Islands*, *Monaco*, dan banyak lagi tempat di Caribbean.

Pertanyaan saya adalah adakah *Langkawi International Yacht Registry (LIYR)*, adakah berkomunikasi dengan tempat-tempat lain di mana kapal-kapal layar tersebut boleh didaftar. Oleh sebab adakah satu *blacklist* di mana mereka yang tidak dapat

daftar kapalnya di tempat-tempat lain yang sedia ada di atas sebab-sebab tertentu oleh kerana seperti barangkali mereka adalah penjenayah ataupun penyeludup *involving smuggling* dengan izin dan mereka cari di sini di Langkawi kita boleh berdaftar. Kerajaan harus berwaspada di atas perkara ini, adakah kawalan di atas perkara ini?

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat, memang itulah satu tugas pendaftar untuk menentukan kapal-kapal layar yang didaftar akan menjalankan aktiviti yang sihat dan tidak akan membuat amaran bahawa pusat pendaftaran kapal layar Langkawi ini akan menjadi satu tempat di mana penjenayah-penjenayah boleh lindung. Pasti pendaftar akan mempunyai pengetahuan mengenai latar belakang sesuatu kapal layar dan syarikat-syarikat yang hendak didaftar sehingga sejauh mana yang mereka dapat, mereka memang menentukan bahawa ia menjalankan aktiviti yang digalakkan oleh kita dan bukan aktiviti-aktiviti yang akan merosakkan nama negara kita.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga menyentuh mengenai Undang-undang Buruh, bukan tujuan undang-undang ini untuk mengambil alih tugas kementerian mengenai masalah buruh ini tetapi Akta ini merupakan undang-undang yang spesifik bagi mengawal dan menjaga kepentingan anak-anak kapal semasa dia berkhidmat di atas kapal layar. Kementerian merasakan ini perlu bagi kita menjamin bahawa kebajikan anak-anak kapal terjamin. Itu adalah selaras dengan kedudukan bagi kapal dagang yang telah lama beroperasi di Malaysia. Peruntukan ini yang dicadangkan ditentukan bahawa ia tidak bercanggah dengan dasar Kementerian Sumber Manusia.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga menyentuh mengenai penggunaan kod berhubung dengan kapal layar. Memang inilah tujuannya untuk memastikan bahawa aspek keselamatan kapal, keselamatan pelayaran sekuriti maka di sini juga perkara-perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Vijayaratnam tadi yang disentuh termasuk dalam kod-kod ini untuk menentukan kapal layar-kapal layar yang didaftar adalah menjalankan aktiviti yang sihat. Kod ini akan digubal berdasarkan kepada keperluan konvensyen dan ramalan antarabangsa di bawah LIYR 2003, pembatalan pendaftaran boleh dilakukan dan hukuman-hukuman lain akan dibawa dan di bawah undang-undang lain yang berkaitan.

Yang Berhormat Dato' juga menyentuh tentang kawalan pencemaran alam sekitar marin, ini juga memang ada undang-undang negara mengenai kualiti alam sekitar tapi kod yang bakal digubal nanti mungkin mengawal selia juga aspek pencemaran ini sebagai panduan kepada kapal-kapal layar dan mengenai aktiviti menangkap ikan dan perkara-perkara yang lain itu adalah di bawah kementerian lain.

Yang Berhormat Dato' juga menyentuh mengenai peralatan keselamatan di atas kapal layar. Memang kapal layar perlu menentukan kebolehan layaran, *seaworthiness* nya sentiasa dijaga oleh pemilik, pemeriksaan berkala akan dilaksanakan ke atas setiap kapal layar yang didaftarkan. Semua sijil keselamatan perlu dijaga dan hendaklah sentiasa sah. Pendaftar kapal akan menentukan bahawa semua kapal layar yang berdaftar di bawah LIYR adalah *seaworthy* dan kekal di bawah LIYR. Maka dengan itu, itulah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' yang kami sedia menjawab, kalau ada perkara-perkara yang tidak dijawab kita akan ambil perhatian. Sekali lagi diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Chin Fook Weng yang telah menyumbang kepada perbincangan rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSURANS (PINDAAN) 2005
Bacaan Bagi Kali Kedua dan Ketiga

3.24 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang bernama Akta Insurans Pindaan 2005 untuk meminda Akta Insurans 1996 [Akta 553] bagi memperkenalkan penasihat kewangan (*financial advisor*) sebagai satu kelas pemegang lesen yang baru di sektor insurans selaras dengan saranan di bawah pelan induk sektor kewangan. Rang undang-undang ini meminda peruntukan-peruntukan tertentu di bawah [Akta 553] bagi menyediakan suatu rangka kerja perundangan yang komprehensif dan kukuh bagi membolehkan Bank Negara Malaysia untuk melesen dan mengawal selia penasihat kewangan yang akan memberi nasihat mengenai produk insurans.

Tuan Yang di-Pertua, pelan induk yang dilancarkan pada 1 Mac 2001 menggariskan rancangan jangka masa 10 tahun untuk membina sektor kewangan yang cekap, berkesan, stabil dan dapat menyokong keperluan ekonomi dan matlamat sosioekonomi negara. Memandangkan insurans merupakan komponen penting dalam sistem kewangan, pelan induk mengandungi saranan-saranan tertentu bagi membina sektor insurans yang cekap, efektif dan stabil.

Cadangan untuk memperkenalkan penasihat kewangan merupakan salah satu saranan di bawah pelan induk bagi membolehkan pengguna di Malaysia mendapatkan nasihat profesional mengenai opsyen kewangan termasuk insurans yang dapat memenuhi keperluan kewangan mereka. Justeru itu, penasihat kewangan akan bertindak sebagai pusat setempat, *one-stop center* bagi perancangan kewangan pengguna. Di samping itu, penasihat kewangan boleh membantu meningkatkan penembusan pasaran insurans hayat di kalangan rakyat Malaysia menerusi pakej polisi insurans hayat dengan produk-produk kewangan lain serta boleh meningkatkan profesionalisme dalam jualan produk insurans hayat.

Industri perancangan kewangan akan dikawal selia berdasarkan pengawalan fungsian (*for functional regulation*) di mana penasihat kewangan yang memberi nasihat berkaitan produk insurans akan diletakkan di bawah skop [Akta 553] dengan Bank Negara Malaysia sebagai pengawal utama (*primary regulator*). Penasihat kewangan akan tertakluk kepada keperluan-keperluan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti hanya dalam aspek khidmat nasihat pelaburan (*investment advisory services*) sekiranya penasihat kewangan tersebut ingin memberikan khidmat tersebut. Pendekatan pengawalan fungsian ataupun (*functional regulation approach*) ini telah dipersetujui dalam mesyuarat dua hala di antara Bank Negara Malaysia dan *Securities Commission* bagi memastikan tiada jurang dan pertindihan pengawalseliaan di industri perancangan kewangan.

Pelesenan dan pengawalseliaan penasihat kewangan akan memberi keyakinan kepada pengguna bahawa nasihat kewangan yang mereka terima adalah daripada sebuah entiti yang dilesen dan dikawal selia. Memandangkan produk insurans meliputi produk yang melibatkan perlindungan, tabungan untuk pendidikan, pelaburan, perubatan dan kesihatan dan perancangan persaraan ataupun anuiti dan produk-produk insurans ini memainkan peranan yang penting dalam perancangan kewangan seseorang individu, maka adalah wajar penasihat kewangan yang memberi nasihat mengenai produk-produk insurans, berlesen dan dikawal selia dengan berkesan oleh suatu badan pengawal melalui sokongan suatu rangka kerja perundangan yang sesuai.

Antara aspek-aspek penting dalam rang undang-undang ini ialah:-

- (i) takrif-takrif baru penasihat kewangan, wakil penasihat kewangan dan perniagaan nasihat kewangan;
- (ii) pelesenan seseorang penasihat kewangan dan larangan ke atas mana-mana orang daripada menjalankan perniagaan nasihat kewangan tanpa lesen;
- (iii) larangan ke atas penggunaan perkataan penasihat kewangan dan pengecualian yang diberi kepada beberapa orang untuk mengguna perkataan tersebut; dan

- (iv) keperluan bahawa seseorang penasihat kewangan berlesen hanya menjalankan aktiviti berkaitan dengan perniagaan nasihat kewangan.

Dengan pengecualian bahawa sekatan ini tidak terpakai bagi seseorang penasihat kewangan yang juga seorang pemegang lesen di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 atau Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 berkenaan dengan aktiviti yang dilesenkan di bawah akta-akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mengandungi 26 Fasal bagi memberi Bank Negara Malaysia kuasa-kuasa *statute* yang jelas bagi melesenkan dan mengawal selia penasihat kewangan yang memberi nasihat mengenai produk-produk insurans. Secara terperinci fasal-fasal yang dicadangkan di dalam rang undang-undang ini adalah seperti berikut;

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan iaitu Akta Insurans (Pindaan) 2005.

Fasal 2, tujuan meminda tajuk panjang [Akta 553] untuk meliputi pelesenan dan pengawalseliaan perniagaan nasihat kewangan.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 2 [Akta 553] dengan memperkenalkan takrif 'penasihat kewangan, wakil penasihat kewangan dan perniagaan nasihat kewangan.'

Fasal 4 bertujuan untuk meminda Seksyen 9(1) Akta 553 untuk memperkenalkan perniagaan nasihat kewangan sebagai satu kelas perniagaan berlesen baru di bawah Akta 553 dan melarang seseorang daripada menjalankan perniagaan tersebut tanpa lesen. Subseksyen baru 9(3) memperuntukkan bahawa larangan ini tidak terpakai bagi orang yang disenaraikan di dalam perenggan 9 (3)(a) hingga (j).

Fasal 5 bertujuan untuk meminda Seksyen 10 Akta 553 untuk menjadikannya satu kesalahan bagi sesiapa yang mengemukakan dirinya sebagai penasihat kewangan melainkan dia dilesenkan di bawah Akta 553.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda Seksyen 11 Akta 553 dengan menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang selain pemegang lesen daripada menggunakan perkataan "insurans", "asurans" atau "pengunderait" dan mana-mana orang yang tidak dilesenkan di bawah Akta 553 untuk menjalankan perniagaan nasihat kewangan dengan

menggunakan perkataan “penasihat kewangan” atau apa-apa perkataan yang boleh ditafsirkan sebagai menjalankan mana-mana perniagaan berlesen tanpa kelulusan Bank Negara Malaysia. Subseksyen 11(2) yang baru memperuntukkan bahawa larangan tersebut tidak terpakai bagi seseorang agen Insurans berhubung dengan penggunaan perkataan “Insurans”, “*asurans*” atau “pengunderait” dan orang-orang yang tersebut dalam perenggan 9(3)(a) hingga (d) berhubung dengan penggunaan perkataan “penasihat kewangan”.

Fasal 7 bertujuan meminda subseksyen 13(2) Akta 553 dengan memperuntukkan Bank Negara Malaysia sebagai pihak berkuasa pelesenan bagi perniagaan nasihat kewangan.

Fasal 8 bertujuan meminda subseksyen 14(b) Akta 553 dengan memperuntukkan hanya suatu syarikat boleh menjadi pemohon lesen untuk menjalankan perniagaan nasihat kewangan.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda subseksyen 17(1) dan (2) Akta 553 dengan memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk mengeluarkan lesen perniagaan nasihat kewangan dan mengenakan syarat-syarat ke atas lesen tersebut.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda subseksyen 18(3) atau 553 dengan memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk menetapkan modal syer berbayar yang minimum untuk tidak terjejas oleh kerugian yang perlu dikekalkan oleh penasihat kewangan.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda Seksyen 23 Akta 553 dengan memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk mengenakan apa-apa syarat pelesenan dan meminda apa-apa syarat yang dikenakan ke atas sesuatu lesen penasihat kewangan.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda perenggan 24(2)(b) Akta 553 dengan peruntukan bahawa lesen penasihat kewangan akan dikeluarkan di bawah tanda tangan Gabenor Bank Negara Malaysia.

Fasal 13 bertujuan meminda Seksyen 26 Akta 553 dengan mengehendaki penasihat kewangan berlesen melekatkan atau mengecat di luar setiap pejabatnya perkataan “penasihat kewangan berlesen”.

Fasal 14 bertujuan untuk meminda Seksyen 28 Akta 553 bagi memastikan bahawa penasihat kewangan berlesen hanya menjalankan aktiviti berkaitan dengan

perniagaan yang dilesenkan. Subseksyen baru 28(2) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sekatan itu terpakai untuk penasihat kewangan berlesen yang juga seorang pemegang lesen di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1993 atau Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 berkenaan dengan aktivitinya yang dilesenkan di bawah akta-akta tersebut.

Fasal 15 bertujuan meminda subseksyen 21(1) Akta 553 bagi mengenakan ke atas penasihat kewangan berlesen hal keadaan yang sama yang dikenakan ke atas pemegang lesen yang lain bagi pembatalan lesen. Fasal ini juga bertujuan untuk meminda subseksyen 31(6) dan 31(8) Akta 553 untuk meluaskan peruntukan ini ke atas penasihat kewangan berlesen.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda subseksyen 32(2) Akta 553 dengan membenarkan penasihat kewangan berlesen merayu terhadap pembatalan lesennya kepada Menteri.

Fasal 17 bertujuan meminda subseksyen 33(1), (2) dan (3) Akta 553 dengan mengenakan ke atas penasihat kewangan berlesen komunikasi dan tanggungjawab yang sama seperti yang dikenakan ke atas pemegang lesen yang lain sekiranya lesen mereka dibatalkan.

Fasal 18 bertujuan untuk meminda subseksyen 67 (1) dan (3) atau 553 untuk menghendaki penasihat kewangan berlesen mendapatkan kelulusan bank Negara Malaysia sebelum memperoleh atau melupuskan syer-syer yang membawa kepada *aggregate* pemegang syer lebih daripada 5% dalam penasihat kewangan berlesen atau pengawalnya.

Fasal 19 bertujuan memperkenalkan subseksyen 70(1A) Akta 553 yang menghendaki penasihat kewangan berlesen untuk memperoleh kelulusan daripada Bank Negara Malaysia sebelum melantik seseorang wakil penasihat kewangan.

Fasal 20 bertujuan untuk meminda perenggan 71(2)(b) Akta 553 dengan membenarkan penasihat kewangan berlesen memohon kepada Bank Negara Malaysia bagi pengecualian daripada perenggan 71 (1)(e) Akta 553.

Fasal 21 bertujuan untuk memperkenalkan subseksyen 73(2) yang menghendaki penasihat kewangan berlesen memberitahu Bank Negara Malaysia secara bertulis apabila seseorang telah berhenti daripada menjadi wakil penasihat kewangan.

Fasal 22 bertujuan untuk meminda Seksyen 139 Akta 553 yang menghendaki penasihat kewangan berlesen untuk memperoleh kelulusan daripada Bank Negara Malaysia terlebih dahulu bagi pemindahan perniagaannya.

Fasal; 23 tujuan meminda subseksyen 150(4) dan perenggan 150(4)(c) Akta 553 dengan melarang penasihat berlesen atau wakil penasihat kewangan daripada mendorong seseorang memasuki kontrak insurans dengan cara yang tidak wajar.

Fasal 24 bertujuan meminda Seksyen 184 Akta 553 dengan memperkenalkan subseksyen 4 untuk melarang penasihat kewangan berlesen daripada perunding suatu kontrak insurans dengan penanggung insurans yang tidak dilesenkan di bawah Akta 553.

Fasal 25 bertujuan untuk meminda subseksyen 185(2) Akta 553 dengan melarang penasihat kewangan berlesen daripada membayar mana-mana orang yang bukan pekerjanya sesuatu fi atau komisen secara tunai atau berupa wang untuk *mensolicit* perniagaan penasihat kewangan bagi dirinya.

Fasal 26 bertujuan untuk meminda subseksyen 188(1) Akta 553 untuk mengehendaki pemulangan wang oleh seseorang yang menjalankan perniagaan nasihat kewangan tanpa lesen.

Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) 2005 ini menyediakan suatu rangka kerja perundangan yang komprehensif dan kukuh bagi membolehkan Bank Negara Malaysia untuk melesenkan dan mengawal selia penasihat kewangan yang memberi nasihat mengenai produk insurans. Rang undang-undang ini akan melindungi kepentingan pengguna dan menggalakkan industri pelancongan kewangan berkembang dengan teratur. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Insurans 1996 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dato' Dr. Chin Fook Weng.

3.59 ptg

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Pindaan-pindaan kepada Akta 553...

Tuan Pengerusi: Jika Yang Berhormat tidak mengambil bahagian, tidak ada orang hendak bahas, betullah orang kata Dewan Negara *rubber stamp*.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tetapi mungkin ada orang-orang juga yang ingin berbahas. Saya diberi peluang jadi saya sangat menghargai peluang ini.

Dan saya ingin mengambil kesempatan dalam perbahasan Rang Undang-undang Insurans (Pindaan) 2005 ini untuk memberi pendapat saya tentang beberapa aspek yang saya rasa adalah penting, dan mungkin ada beberapa perkara yang saya dapati ada sedikit kekurangan. Saya berharap dengan komen-komen yang saya akan buat itu juga dengan komen-komen rakan-rakan lain yang mereka akan buat itu, maka akan memperkukuhkan lagilah tujuan kerajaan supaya memperkenalkan satu lagi *instruments* untuk membantu rakyat kita.

Setahu saya Tuan Yang di-Pertua sudah ada banyak skim, sudah ada banyak cadangan yang telah dibuat untuk membuat satu pilihan yang lebih khusus kepada mereka yang ingin melabur, supaya pada akhir hari mereka boleh dapat pulangan yang lebih daripada memasukkan wang mereka ke dalam deposit tetap, deposit dalam bank atau FD Tuan Yang di-Pertua, kerana pada masa kini FD itu hanya membawa satu pulangan yang kecil sahaja.

Saya tahu banyak usaha telah dibuat bukan sahaja oleh syarikat-syarikat insurans, tetapi juga oleh syarikat-syarikat kewangan yang lain dan juga oleh pasaran ekuiti kita untuk memperkenalkan beberapa *instruments* baru sebagai bond, sebagai Unit Trust dan sebagainya untuk menggalakkan lebih ramai daripada pihak-pihak yang mempunyai simpanan wang, kerana mereka tidak menggunakannya pada ketika ini, tetapi mengharap pada masa hadapan mereka akan dapat satu peluang yang lebih dalam pelaburan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya telah membaca laporan dari Bank Negara sendiri tentang skim-skim Amanah Unit atau Unit Trust itu, yang mana pulangan yang diharapkan itu tidak terdapat dan banyak pihak yang telah melibatkan diri dalam

hal ini, mereka merasa bahawa mereka telah buat satu keputusan yang silap, lebih selamat simpan dalam bank kerana itu menentukan faedah-faedah tertentu. Sungguhpun ada peluang untuk mencari lebih keuntungan dalam pelaburan-pelaburan yang diperkenalkan itu, tetapi apa yang diharapkan itu tidak menjadi dan akhir hari mereka telah mengalami kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu bahawa banyak daripada syarikat insurans itu juga memperkenalkan sebagai contoh, mereka ada satu skim yang menjamin modal yang dipanggil *Capital Guarantee Scheme*, di mana mereka telah menjamin bahawa semua modal yang dilaburkan itu akan dipulangkan tanpa apa-apa kerugian, tetapi mungkin tanpa apa-apa keuntungan jua dan selepas tolak *fees* yang dikenakan masih menghadapi kerugian Tuan Yang di-Pertua. Dan ini diperkenalkan oleh syarikat-syarikat insurans masing-masing seperti contoh AIA, Prudential, semua ini ada skim-skim tersendiri, yang mana mereka membeli satu skim insurans nyawa dan kemudian sebahagian daripada pelaburan itu diguna untuk dilabur dalam ekuiti dividen skim atau di dalam seperti saya katakan *Capital Guarantee Scheme* dan sebagainya. Dengan harapan semasa nyawa mereka diberi perlindungan sebahagian daripada duit mereka juga boleh diguna untuk mencari satu keuntungan yang lebih dan banyak daripada skim ini setahu saya mengambil masa yang panjang, itu bukan masa yang singkat, ada skim-skim mungkin mengambil masa tiga tahun tetapi kebanyakan daripada skim ini memerlukan masa lapan tahun, sepuluh tahun baru kita boleh nampak ada keuntungan.

Dan sekarang kita lihat cadangan pindaan kepada akta ini supaya membolehkan lagi satu pihak memperakukan satu produk atau lebih daripada satu produk baru untuk mereka, dan pihak ini ialah satu pihak yang baru yang akan memberi perkhidmatan. Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini satu cadangan yang baik tetapi kepada mereka yang berpengalaman mungkin mereka boleh buat pilihan yang tepat dan mereka tidak akan menghadapi kerugian yang besar sekiranya mereka telah membuat kesilapan.

Saya juga diberitahu oleh kawan-kawan tertentu yang mengeluarkan duit KWSP mereka ini untuk melabur dalam skim-skim semacam ini, bahawa mereka telah mendapat kerugian, kalau kekal dalam KWSP itu lebih selamat. Itu memang berlaku lebih selamat kerana pada satu ketika KWSP ada akaun satu, akaun dua, akaun tiga

sekarang mungkin sampai akaun lima. Di mana satu daripada akaun itu boleh diguna untuk melabur dalam skim-skim seperti saya sebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita simpan dalam KWSP kita dapat lebih kurang 4.5% faedah. Tetapi banyak daripada skim itu modal pun kalau kita jual, maka modal pun kita tidak dapat pulangan dan mereka ini telah menghadapi masalah. Jadi apabila kita memperkenalkan satu skim yang baru ini Tuan Yang di-Pertua, kita mesti melihat mereka yang akan memberi nasihat ini kumpulan baru yang dinamakan penasihat-penasihat kewangan atau *advisor financial* ini mestilah satu kumpulan yang mempunyai kepakaran yang lebih, katakan saya atau siapalah boleh memperoleh kalau kita ke AIA, ke Prudential untuk membincangkan hal ini dengan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kita mempunyai kepastian dan keyakinan bahawa kita boleh wujudkan satu kumpulan semacam ini. Kalau kita lihat senario yang dicadangkan untuk mendapat lesen sebagai *financial advisor* (FA) atau penasihat kewangan, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya berminat mungkin saya kena menduduki satu peperiksaan atau satu ujian yang diaturkan oleh Lembaga Insurans Malaysia (LIAM) atau yang diaturkan oleh badan-badan tertentu.

Sekarang dalam cadangan undang-undang ini, saya masih tidak lihat *details* tentang kelayakan seseorang itu untuk dilantik sebagai FA atau dilesenkan sebagai FA tetapi kita mahu mewujudkan satu kumpulan orang yang baru dan kita memerlukan pihak ini melabur dalam satu pejabat, dia kena ada satu pejabatlah dan kemudian dia kena melantik pegawai-pegawai tertentu untuk membantu dia sebagai kerani atau setiausaha, mungkin telefonis dan pembantu pejabat dan sebagainya untuk menguruskan hal ini.

Kemudian orang ini juga kena melantik wakil, *representative financier* atau *advisor representative*, wakil penasihat kewangan ini dan semua ini memerlukan satu perbelanjaan dan mereka ini juga kena mengambil insurans *indemnity*. Pada ketika ini ada cadangan mungkin setiap orang daripada ini akan diperlukan mengambil satu insurans *indemnity* sebanyak RM200 ribu untuk memberi perlindungan sekiranya ada apa-apa masalah dan sebagainya yang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum dia mulakan dia sudah kena belanja satu amaun yang mungkin boleh dikatakan besar juga. Bagaimana orang ini dapat kumpul duit atau

perbelanjaannya untuk menguruskan *businessnya*. Tentu ia melalui *fee* yang akan dikenakan kepada pelanggan. Dia akan dikenakan *fee* dan *fee* itu menjadi mata pencarian bagi dia untuk menguruskan perkara ini. Mungkin pada masa ini kita tidak mahu membenarkan orang ini dapat komisen daripada syarikat insurans. Bagi saya ini adalah konflik kepentingan kalau dia dapat komisen daripada syarikat insurans.

Kalau dia dapat komisen daripada syarikat insurans, mungkin ia akan memperakukan produk dalam syarikat tersebut dan produk itu mungkin bukan yang terbaik tetapi oleh kerana komisen, dia akan memperakukan kepada si pelabur itu supaya membeli produk demikian.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau kita mengawal selia supaya ia tidak dibenarkan mendapat apa-apa komisen daripada pihak syarikat insurans, maka mata pencariannya mesti datang daripada *fee* yang diperolehi daripada pelanggan dia. Kalau demikian, Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bercadang supaya mengadakan satu skala *fee*, satu cadangan, macam kita jumpa seorang peguam atau kita jumpa seorang doktor, lembaga-lembaga mereka telah menentukan satu skala *fee* yang patut dikenakan kepada pelanggan-pelanggan ini.

Dalam perkara ini, dalam kumpulan baru ini, adakah juga kita mahu memperkenalkan satu skala *fee* atau satu jadual *fee* supaya ia harus menggunakan itu dia boleh caj kurang daripada skala yang telah diberikan tetapi tidak boleh melebihi skala yang dibenarkan itu. Kita mesti berbuat demikian kalau kita mahu syarikat yang baru dibuka untuk memberi perkhidmatan ini supaya tidak gulung tikar tetapi kita juga kena melindungi kepentingan pelanggan dia kerana orang ini datang untuk melabur dan membeli produk itu dengan berasaskan kepada perakuan yang diterima oleh orang ini daripada penasihat kewangan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan cadangkan kepada kerajaan untuk memikirkan sama ada sesuai atau tidak sekiranya saya membeli satu produk daripada syarikat insurans terus tanpa melalui penasihat ini seperti contoh saya mahu membeli ekuiti dalam *capital guarantee scheme*, katakan, saya akan dikenakan satu skala komisen untuk setiap ribu, katakan pelaburan berapa banyak RM1,000. So ada satu skala bayaran yang akan dikenakan termasuk *fee* yang akan dikenakan oleh syarikat insurans itu untuk menguruskan penglibatan saya dalam pembelian skim itu.

Jadi saya akan dikenakan satu caj, tetapi sekarang kalau saya memilih untuk mendapat produk ini daripada penasihat kewangan tetapi tidak melalui syarikat insurans, bolehkah kita memikirkan satu skala fee yang lebih rendah. Kalau saya perlu bayar RM50, kalau saya terus ke syarikat insurans, kalau saya melalui penasihat kewangan ini mungkin caj saya hanya RM40.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya ganggu sebentar? Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3) dengan ini saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara seterusnya. Terima kasih.

[Datuk Karim Ghani *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Haji Karim Ghani: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita ada.....

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Minta laluan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya dan yakin bahawa Dato' Dr. Chin Fook Weng akan bersetuju dan akhirnya akan menyokong usul yang dibawa oleh Kementerian Kewangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita tahu bahawa langkah untuk mewujudkan satu perbadanan wang deposit ini adalah merupakan satu langkah terpuji dan saya yakin dan percaya bahawa ramai di kalangan kita adalah merupakan mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam sistem perkhidmatan kewangan ini sama ada melabur di *unit trusts* ataupun berdagang dalam satu saham di Bursa Saham Kuala Lumpur yang mana kita pasti memerlukan penasihat-penasihat kewangan. Tetapi apa yang kita lalui dalam proses kita melibatkan diri, dalam mengambil bahagian dalam sektor perkhidmatan kewangan ini bahawa biasanya penasihat-penasihat kewangan ini walaupun pada masa sebelum wujudnya perbadanan ini, biasanya datang memasarkan produk-produk kewangan ini kepada kita dengan cerita-cerita yang bagus, kalau tidak kita tidak beli.

Apa yang berlaku akhir-akhir ini apabila kerajaan telah meliberalisasikan sektor ini untuk *fund managers* masuk berdagang dan diberi segala kelonggaran dan kita nampak lonjakan dalam bidang perniagaan tersebut walaupun ia bersifat sementara. Tetapi apa yang kita hendak sarankan di sini supaya apabila kita liberalisasikan sektor ini, kita mesti ada mempunyai program-program lanjut supaya kita dapat memastikan bahawa sektor ini dapat berkembang. Oleh sebab itu, sebagai seorang yang terlibat dari segi hendak melabur dalam *unit trusts* dan sebagainya, kita percaya dan yakin bahawa Kementerian Kewangan dan saya percaya, Dato' Dr. Chin Fook Weng pun bersetuju kalau boleh diperbanyakkan lagi produk-produk serta galakan supaya diwujudkan produk sama ada produk-produk insurans ataupun produk-produk *unit trusts* dan instrumen-instrumen baru harus dirangsang supaya keadaan pasaran terutamanya saham yang pada ketika itu sudah begitu melonjak supaya kita dapat kekalkan kelonjakan ini dan menjadi satu fenomena di mana seluruh masyarakat dunia akan memerhati bahawa sektor pelaburan kewangan di negara ini menjamin pulangan yang berbaloi, kata orang Perlis.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita minta supaya rangsangan ini dapat kita cipta supaya negara kita dapat menjadi satu sasaran mereka yang berminat untuk berniaga dalam sektor perkhidmatan kewangan. Saya percaya dan yakin bahawa Dato' Dr. Chin Fook Weng akan bersetuju apabila kita tingkatkan dan mempunyai penasihat kewangan ini yang terlatih dan melalui program-program bagi melayakkan mereka menjadi penasihat akan tercapai matlamat untuk kita sedikit sebanyak membangunkan dan membesarkan sektor perkhidmatan kewangan ini. Bagaimana Dato' Dr. Chin Fook Weng?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita memuji kerajaan dalam usaha kerajaan untuk membenarkan lebih lagi produk-produk kewangan memandangkan pada masa ini faedah yang kita perolehi daripada simpanan bank itu begitu rendah dan tentulah kalau kita ada skim-skim yang mana boleh mendatangkan keuntungan lebih lumayan, kita harus galakkan dan sebagainya.

Tetapi, dalam sektor ini Tuan Yang di-Pertua, kita perlukan kepakaran dan kita dinasihatkan supaya pakar itu wujud dalam KWSP. Di sana ada Panel Penasihat

Pelaburan dan sekarang mereka diberi kebenaran untuk melabur di luar Malaysia. Mereka mempunyai kepakaran, mereka mempunyai panel-panel yang khusus membantu dalam perkara ini dan oleh kerana itu, kerajaan ada keyakinan bahawa pihak-pihak ini dapat mencari pulangan yang lebih daripada, kalau saya meletakkan....

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Karim Ghani: Silakan.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya, Dato' Dr. Chin Fook Weng atas laluan. Saya tertarik di atas perbincangan Dato' Dr. Chin Fook Weng di mana beliau sebut KWSP sebagai satu badan yang mempunyai pakar-pakar pelaburan. Tetapi apa kata Dato' Dr. Chin Fook Weng, walaupun KWSP mempunyai satu lembaga pakar-pakar yang tugasnya memberi nasihat bagaimana KWSP akan melabur dana-dana yang begitu besar. Tetapi tahun demi tahun, dividen KWSP terus turun. Kalau tidak salah saya, pada tahun lepas, ia naik sedikit sahaja.

Pada tahun-tahun yang lepas, dividen dari KWSP dekat 8%, 9% turun kepada 4%, kadang-kadang kita percaya kepada kepakaran lembaga pakar-pakar kita pun terjaga juga. Apa pandangan Dato' Dr. Chin Fook Weng?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita tidak begitu berpuas hati dengan pemulangan daripada KWSP, adakah kita lebih puas hati dengan pemulangan kalau kita simpan dalam bank? Kalau saya ada RM10,000 dan saya mahu simpan dalam bank, simpanan tetap kita dapat 3% faedah. Tetapi kalau RM10,000 saya itu dikekalkan, saya tidak keluarkan daripada akaun itu, saya kekalkan, saya dapat 4.5%, mana lebih baik? Itu sahaja *arithmetic* yang mudah sahaja yang kita boleh lihat bahawa pemulangan daripada sana adalah lebih baik. Tetapi apabila kita lihat skim-skim macam ini, kita diberitahu boleh dapat 6%, boleh dapat 7%, boleh dapat 8%, itu sudah menarik. Wah, ini bagus! Jangan simpan dalam bank lagi, keluarkan dari bank dan beli ekuiti dalam skim ini – skim *capital guarantee*. *Capital guarantee* dia kena *guarantee* kalau you melabur RM10, RM10 akan dipulangkan, *guarantee*. Tetapi selepas dia tolak *fee*, dia tolak itu dan ini, RM10 sudah jadi kurang dan ini sudah menjadi satu masalah.

Akhirnya kalau pelaburannya tidak berjaya, mungkin kita dapat balik sembilan ringgit daripada pelaburan sepuluh ringgit tetapi sekurang-kurangnya dalam bank kita dapat balik sepuluh ringgit tiga puluh sen. Itu sekurang-kurangnya ada keuntungan kepada kita tetapi skim-skim yang diperkenalkan ini dan mengharapkan bahawa mereka akan membantu kita mendapat satu pemulangan mungkin enam peratus, tujuh peratus dan sebagainya. Kalau kita mahu risiko yang lebih tinggi kita beli saham, mungkin kita boleh dapat. Kalau kita beli saham katakan *fountain*, dahulu lima ringgit tetapi kalau kita silap beli sekarang 60 sen pun tidak cukup. Itu risiko-risiko yang panjang dan kaunter macam itu menyebabkan keyakinan kepada badan-badan pengawal selia kita sama ada memainkan peranan mereka atau tidak. Dan semalam sahaja kita tanya apakah telah berlaku sehingga Perdana Menteri sendiri juga mengarahkan Suruhanjaya Sekuriti supaya membuat penyiasatan dan telah menetapkan masa untuk mereka membuat penyiasatan dan akhirnya kita diberitahu oleh Yang Berhormat semalam bahawa dua orang telah didakwa dalam mahkamah akibat daripada kejadian itu. Jadi tiap-tiap skim itu ada risiko-risiko tertentu tetapi saya lihat sebagai satu usaha kerajaan untuk memperkenalkan satu skim baru.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin Tuan Yang di-Pertua masih ingat beberapa tahun yang lalu kita dan semua orang yang melabur itu berminat dalam perniagaan komoditi dan kita diberitahu beli kacang soya, beli beberapa tan kacang soya, hari ini beli dan esok boleh jual dan boleh dapat keuntungan. Atau beli minyak atau beli komoditi lain. Beli kapas (*cotton*), atau beli bijih jenis lain dan kemudian apa yang berlaku? Pada satu ketika kita lihat banyak firma-firma yang terlibat dalam perniagaan komoditi, tetapi sekarang siapa lagi cerita tentang perniagaan komoditi? Siapa yang terlibat? Tidak ada lagi kerana tiap-tiap yang masuk itu telah menghadapi kerugian. Kita pernah dengar satu firma Cayman Enterprise dan sekarang apa sudah terjadi?

Jadi oleh kerana kita mahu memperkenalkan satu skim baru, itu baik. Dari segi untuk memberi peluang kepada rakyat kita itu baik, tetapi dari segi pengawal seliaan, itu yang saya hendak tanya. Dari segi dikenakan caj-caj tertentu dan juga *fees* tertentu kita juga kena kawal. Kalau saya masuk duit saya dalam bank, sungguhpun saya dapat tiga peratus atau 3.2 atau 3.3 peratus setahun tetapi saya tidak dikenakan apa caj dan sebagainya kerana itu semua diuruskan oleh bank. Tetapi di sini, ada banyak kos-kos

terlindung atau *hidden costs* dan ini patut disebutkan dengan terus-terang kepada pelabur apabila sesuatu pihak itu mahu menyertai skim ini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya telah cadangkan tadi bahawa kalau kita menggunakan *service* atau perkhidmatan syarikat insurans itu, mungkin skala itu begitu

Tuan Ismail bin Kasim: Minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, sila.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Apabila Yang Berhormat menyebut tentang soal penipuan, kita lihat kebanyakan pelabur-pelabur ini tidak mendapat penjelasan yang jelas dan ada di kalangan pelabur kadang-kadang kurang memahami *contents of agreement* dan sebagainya dan kadang-kadang kita lihat banyak *agreements* dan juga insuran.

Puan Siw Chun a/p Eam: *Insurance policy*.

Tuan Ismail bin Kasim: *Insurance policy* ini dibuat dalam bahasa Inggeris dan kalau pun memahami kita kadang-kadang tiada masa untuk membaca seluruh isi kandungan perjanjian itu. Jadi kita lihat kalau andai kata berlaku apa-apa pun, apa jaminan kerajaan dan melalui akta ini kita dapat mengawal selia sebagai *check and balance* sekurang-kurangnya supaya penipuan dan kerugian kepada pelabur ini dapat dikawal menerusi akta yang dipinda pada hari ini. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya lihat kerajaan pun bijaksana dalam hal ini kerana ada peruntukkan tetapi peruntukkan-peruntukkan itu hanya untuk penyelewengan sekiranya orang yang memperakukan sesuatu produk itu tetapi tidak mendapat lesen. Dia buat secara palsu dan tidak mendapat lesen tetapi dia terlibat dengan urusan ini. Jadi ada peruntukkan di bawah pindaan yang dicadangkan itu supaya ia memulangkan pelaburan-pelaburan kepada si pelabur itu. Itu ada peruntukan.

Dalam situasi di mana orang berkenaan betul-betul memperkenalkan sesuatu produk, malangnya perakuannya tidak tepat dan mungkin dia bersungguh-sungguh memperkenalkan tetapi malangnya perlakuannya telah silap - tidak sengaja tetapi telah silap. Akibatnya ialah kita menghadapi kerugian. Dalam situasi sedemikian kita tidak

dapat menuntut apa kerugian kerana kita sendiri memilih skim itu dan di atas nasihat yang diberi dan kemudian kita buat keputusan tetapi akhirnya keputusan kita tidak betul dan kita menanggung kerugian. Dalam keadaan sedemikian siapalah yang kita mahu salahkan? Kita tidak boleh salahkan dia, jadi kita kena salahkan diri sendiri kerana buat pilihan yang kurang tepat. Untuk mengurangkan bebanan kepada pihak pelabur itu kita harus mengkaji sama ada sesuai atau tidak untuk memperkenalkan dua skala *fee*. Satu, kalau saya tidak melalui penasihat kewangan ini mungkin caj saya mahu melabur satu ribu ringgit, mungkin cajnya ialah lima puluh ringgit tetapi kalau saya melalui penasihat kerana penasihat ini juga ambil duit saya untuk membeli produk daripada firma insurans itu, bukan daripada pihak lain. Dia macam satu pihak yang menasihatkan kita dan selepas itu kita beli. Jadi kita tidak memerlukan perkhidmatan daripada syarikat insurans itu dalam memperkenalkan produk itu kepada saya. Dari segi kos syarikat insurans itu tidak tanggung apa kos kerana tidak beri nasihat kepada saya dan tidak hantar ejen ke rumah saya, saya tidak membazirkan masa dia, saya tidak perlu ke pejabatnya dan sebagainya. Dari segi kos saya tidak patut dikenakan apa-apa kos.

Jadi produk sedemikian kalau dibeli tanpa minta apa-apa nasihat dan sebagainya mungkin patut dijual dengan lebih murah daripada kalau saya ke sana, saya guna masa dia, saya panggil pegawai dia datang ke rumah untuk berunding dengan saya selama 3 hingga 5 jam supaya saya puas hati, bahawa produk ini adalah satu produk yang baik. Dari segi itu kita harus membezakan kos kepada pelanggan. Saya harap apabila kita mencadangkan *fee* itu, aspek ini akan diambil kira kerana sekarang tidak ada peruntukan. Saya lihat semua saya tidak dapat cari tentang *fee* yang akan atau boleh dikenakan oleh penasihat kewangan tersebut.

Saya difahamkan dalam peraturan nanti mungkin akan difikirkan ataupun tidak dikawal selia, terpulang kepada pihak ini. Jadi kita sudah ada satu pihak penasihat kewangan yang akan menanggung kos, kemudian kos itu akan dapat balik daripada pelabur. Sebelum melabur saya sudah menghadapi kerugian. Kalau saya terus ke syarikat insurans itu mungkin kos kepada saya adalah lebih rendah. Kalau demikian kenapa saya pilih penasihat kewangan ini untuk mendapatkan nasihat. Apa keuntungan kepada saya kerana orang ini, orang baru dan tidak ada kepakaran dan kalau caj dengan sini dua-dua sama, mengapa saya pilih ini tidak pilih terus ke syarikat insurans

itu, mungkin itu lebih selamat bagi saya. Akhirnya orang ini tidak ada pelanggan lalu dia akan gulung tikar, kerana selepas dibuka beberapa bulan tidak ada orang datang langsung. Jadi bagaimana boleh teruskan. Dan satu lagi skim kerajaan gagal.

Saya tidak mahu kawan saya dituduh tidak mengkaji dengan baik. Oleh kerana itu saya harap ini juga diberi pertimbangan supaya kita boleh melihat bagaimana kita boleh membantu kumpulan yang baru itu, kumpulan yang digelar penasihat kewangan supaya dapat memainkan peranan mereka dan mereka boleh cari makan, juga mereka tidak memperakukan produk-produk yang tidak bagus. Dari segi komisen kita mesti kawal. Pada pendapat saya ada konflik kalau kita benarkan dia dapat komisen daripada syarikat insurans, tentu dia akan memperakukan produk itu. Kalau syarikat A beli lebih kemudahan dia akan memperakukan produk daripada syarikat A.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato'. Saya amat bersetuju dengan Dato' cuma saya pohon ulasan ini dipanjangkan lagi kerana saya lihat tujuan pindaan Akta Insurans 1996 ini dibuat, iaitu Akta 553 ini adalah atas kesedaran. Kerajaan sebenarnya melihat supaya perkara ini ataupun jaminan kepada pelabur-pelabur yang membuat pelaburan supaya hasil daripada pelaburan ini lebih selamat juga terkawal dan sentiasa di dalam pengawasan pihak kerajaan. Sebab itulah kita lihat pindaan ini apabila soal pelesenan dan juga pengawalseliaan dibuat dengan begitu rapi dan bidang ini dijadikan jawatan Penasihat Kewangan itu sebagai jawatan yang profesional bagi memastikan sebarang *transaction* dapat berjalan dengan lebih lancar dan juga dengan lebih telus. Jadi apa pandangan Dato' berhubung dengan perkara ini?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju bahawa dalam segala hal, tindakan-tindakan sesuatu pihak itu amatlah penting sama ada skim ini akan berjaya atau tidak terpulanglah kepada kumpulan baru ini yang dinamakan Penasihat Kewangan.

Tujuan pindaan yang kita bahaskan hari ini ialah supaya membenarkan dan juga mengawasi dua perkara, membenarkan dan mengawasi perniagaan nasihat kewangan. Ini penting.

Kita jangan lupa bahawa ini adalah tujuan pindaan, iaitu yang pertama untuk membenarkan dan yang kedua untuk mengawasi. Jadi siapa yang mahu terlibat dalam

perniagaan ini mesti orang yang cukup kepakaran dan cukup jujur dalam menjalankan tugas supaya tidak memperakukan satu produk yang kurang baik. Kita tidak mahu itu berlaku.

Saya lihat saya sendiri sebagai satu *layman*, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahu apa tetapi saya ada duit mungkin saya baru pencen, saya keluarkan EPF so saya ada RM100 ribu. Kalau saya simpan dalam bank saya dapat 3%, sekarang datang seorang kata, "Saya boleh perakukan satu skim yang boleh dapat pemulangan 6%", saya sudah menarik kepada skim ini. "Apa itu skim?" Kerana sini 3% sana 6%, sudah *double*, dua kali ganda jadi, saya mahu. Tetapi kalau orang yang beri nasihat kepada saya itu ialah pihak yang kurang bijaksana mungkin dia mempunyai motif yang buruk atau yang busuk, maka saya sudah tertipu. Oleh kerana itu kerajaan rasa bahawa sebelum memperkenalkan skim ini, mesti ada pengawasan yang baik terhadap kumpulan ini. Dari segi pengawasan kita harus mencadangkan kepada kerajaan apa aspek yang boleh diambil kira.

Tiap-tiap kali seorang budak itu baru keluar dari sekolah dia datang jumpa saya dia kata, "Dato' mahu melabur dalam skim ini?" Saya tengok kadnya tertulis 'Penasihat Kewangan'. Itu budak baru keluar dari sekolah jadi sebagai Penasihat Kewangan. Saya kata, " Apa nasihat hendak bagi kepada saya?" Oh! Dia kata, " Skim ini bagus skim itu bagus". Saya kata, " Betul baguskah? Beri saya baca dahulu apa sumber yang menceritakan yang menyatakan skim ini bagus. Mana carta dan sebagai? Kerana saya seorang ahli sains so saya tanya mana ini semua, bagi saya tengok". Kadang-kadang dia tidak dapat menjawab soalan saya, tetapi dia minta saya datang dengan janji. Tengok dalam tiga tahun boleh dapat ini, dalam 6 tahun dapat ini dan sebagainya. Dan dia kata ini medium, ini rendah, ini tinggi. Tengok tinggi di mana bermakna pulangnya tinggi. Kalau saya harapkan nasihat sedemikian mungkin saya sudah tertipu. Sekarang pihak ini dilesenkan oleh kerajaan untuk terlibat dalam perniagaan ini, itu yang penting.

Tuan Hassan bin Shukri: Saya hanya ingin mendapatkan penjelasan tentang pindaan yang telah dikemukakan. Apakah pada pandangan Yang Berhormat misalnya tentang tarif ataupun tanggungjawab penasihat kewangan itu telah disebutkan dalam Pindaan Seksyen 2. Ada disebutkan dalam Pindaan Seksyen 2 ini iaitu "perniagaan

nasihat kewangan” ertinya mana-mana atau semua perkhidmatan yang berikut disebutkan a, b, c, d, dan e.

Apakah pada pandangan Yang Berhormat, tanggungjawab yang diberikan kepada penasihat kewangan ataupun syarikat perniagaan kewangan ini, maknanya perniagaan dia itu ada bersangkutan paut dengan insurans. Kalau sekiranya kita, pada pandangan Yang Berhormat, diletakkan halangan-halangan yang terlalu berat ataupun prasangka yang terlalu berat kepada penasihat kewangan ini, bagaimana mereka hendak menjalankan perniagaan.

Cuma saya hendak juga memohon pendapat daripada Yang Berhormat, yang saya bimbang di sini ialah tentang wakil kepada penasihat kewangan ini kerana wakil ini kadang-kadang tidak dikenali kecuali kalau dia nyatakan dengan tegas, jelas bahawa dia adalah wakil daripada penasihat kewangan, begitu juga dengan wakil insurans.

Biasanya yang menyebabkan kita keliru, terpedaya ialah melalui wakil-wakil ini bukan daripada badan induk itu sama ada penasihat kewangan atau pun wakil tetapi yang kita keliru dan kadang-kadang dikelirukan kerana kita ataupun orang-orang luar bandar misalnya tidak membaca akta-akta ini. Mereka apabila mendengar cerita yang sangat baik, keuntungan ini 3%, ini 10%, ini 7%, maka dia banding di situ sahaja. Tentulah kalau wakil-wakil ini menceritakan dia menyertai insurans ini, skim insurans ini, keuntungannya sampai 10% di banding dengan 3% tentulah mereka akan menyertai yang 10%.

Saya mohon pandangan, apakah peruntukkan yang dicadangkan oleh pindaan ini pada pandangan Yang Berhormat, masih tidak cukup lagi. Kalau tidak cukup kita harap kalau ada Yang Berhormat memberikan pandangan-pandangan supaya tanggungjawab penasihat kewangan ini ditambah lagi supaya di sana terdapat mungkin sekatan-sekatan ataupun keupayaan pihak yang berkuasa untuk membuat pemantauan kepada syarikat penasihat kewangan yang berlesen ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih. Saya juga setuju dengan pendapat sedemikian. Tujuan kita dalam perbahasan ini ialah supaya kita mahu kumpulan penasihat kewangan yang dicadangkan oleh kerajaan ini supaya berjaya dan supaya memainkan fungsi mereka termasuk wakil mereka; bukan mereka sahaja tetapi wakil. Wakil juga penting tetapi kita tidak boleh mengharap orang ini jumpa ramai orang

dan mungkin kita jemput dia datang ke rumah, dia datang ke rumah dan selepas itu tidak ada masa untuk jumpa pihak lain dan sebagainya.

Dia perlu wakil dan ada kawalan-kawalan terhadap wakil, yang pertama Bank Negara itu memerlukan wakil itu juga dapat lesen, ada lesen yang diberi kepada wakil. Kalau wakil ini tidak dilesenkan, maka pihak penasihat kewangan itu akan bersabit salah. Kalau dia lantik orang yang tidak berlesen menjadi wakilnya, maka dia sudah bersabit salah dan ada hukuman-hukuman tertentu dan sebagainya.

Tetapi kita mahu lihat dari segi kos. Saya tidak tahu - sungguhpun hari ini saya membahaskan Rang Undang-undang ini. Apabila diluluskan, apabila dilaksanakan lagi mungkin saya masih terus ke syarikat insurans kalau saya mahu membeli apa-apa produk dan saya tidak akan melalui penasihat kewangan ini kerana mungkin saya tidak ada keyakinan. Kepakaran saya dalam pasaran ekuiti sudah lebih 40 tahun. Mungkin saya rasa saya sendiri lebih pakar dalam hal ini dan orang yang baru lulus peperiksaan oleh Lembaga Insurans itu ataupun Bank Negara itu mungkin kurang kepakaran kalau dibandingkan dengan saya dan dengan firma-firma insurans yang besar, yang mana mereka telah mengkaji sesuatu produk yang baik dan selepas itu memperkenalkannya.

Oleh kerana itu kita mahu supaya perniagaan ini maju, berjaya tetapi kita sudah lihat apabila kerajaan membenarkan perniagaan komoditi, ada begitu banyak pihak yang telah melibatkan diri dalam sini dan menggalakkan kawan-kawan semua itu menyertai skim dan akhirnya hilang semua. Kita tidak mahu melihat keadaan semacam ini. Ini akan mewujudkan satu impak yang buruk kepada kerajaan dan nanti apabila memperkenalkan skim-skim baru pun orang sudah tidak ada keyakinan. Itu kita tidak mahu berlaku.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Mohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut berkongsi beberapa kebimbangan mengenai dengan *financial advisor* ataupun penasihat kewangan ini seperti mana disebutkan dalam Fasal 14. Maknanya ada beberapa jenis penasihat kewangan, ada penasihat kewangan seperti mana yang kita bincangkan di sini yang dikeluarkan oleh pihak insurans dan ada juga penasihat kewangan yang akan dikeluarkan oleh Suruhanjaya seperti penasihat kewangan daripada syarikat-syarikat amanah saham dan ada juga mungkin di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan.

Macam mana kita hendak membezakan penasihat-penasihat kewangan ini dan apa kriteria-kriteria yang membolehkan mereka memegang ataupun mempunyai lesen. Adakah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi? Adakah *fresh graduate* boleh terus menjadi seorang *financial advisor* atau penasihat kewangan? Adakah kriteria dari sudut umurnya? Dari sudut minimum *qualificationnya*? Pengalaman menjual produk-produk?

Adakah mereka ini tergolong daripada agen-agen yang sudah menjadi mungkin *super* agen yang akan *diupgradekan* untuk menjadi penasihat kewangan? Dan bagaimanakah Bank Negara akan memantau institusi-institusi yang berbeza yang akan mengeluarkan sijil-sijil sebab saya yakin mesti ada satu jenis peperiksaan yang akan dilalui oleh penasihat-penasihat kewangan? Adakah daripada syarikat amanah saham ataupun daripada syarikat insurans?

Semuanya mengeluarkan *Certified Financial Advisor* (CFA) dan ada pelbagai jenis institusi yang akan mengeluarkan peperiksaan ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa ini ada satu perkara yang harus diberi perhatian dan setahu saya sudah pun diberi perhatian oleh kerajaan kerana ia membezakan penasihat kewangan berlesen yang dilantik di bawah Akta Perindustrian Sekuriti Tahun 1983 iaitu Akta 280 dan pihak yang dilantik di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 iaitu Akta 499. Kumpulan baru ini dikehendaki mempamerkan nama mereka dalam premis: "*Saya ialah penasihat kewangan berlesen*" dan pameran nama itu.

Kumpulan yang lain iaitu di bawah Akta Perindustrian Sekuriti dan Perindustrian Niaga Hadapan itu mereka tidak diperlukan. Mungkin hanya cetak dalam kad tetapi di sini kalau kita melawat premis dia kena mempamerkan bahawa dia adalah penasihat kewangan yang berlesen. Itu satu aspeklah.

Dari segi kepakaran mereka yang boleh dibenarkan menyertai sama ada agen dan sebagainya, itu saya pun tak tahu apa cadangan kerajaan kerana saya difahamkan itu akan diambil kira semasa mereka peraturan-peraturan kerana apabila kita meluluskan undang-undang ini akan juga bersama dengan satu set peraturan yang di mana kawal seliaan terhadap pihak-pihak ini kepakaran sama ada kelulusan ijazah

kewangan, ekonomi, *accountancy* dan sebagainya, itu akan diambil kira sama ada memerlukan dia ada pengalaman sebagai peguam dan sebagainya, semua itu akan diambil kira dan sekarang terpulang jugalah kepada Ahli-ahli Dewan Negara ini supaya memberi input, memberi cadangan-cadangan kepada aspek ini kalau kita memikirkan ini adalah penting dari segi kawalan.

Jadi saya setuju bahawa kita harus mengawasi perkara ini dan oleh kerana itu satu daripada tujuan akta ini adalah supaya mengawasi dan bagaimana kita bersama-sama mengawasi. Kita mahu skim ini berjaya, kita mahu banyak pihak menggunakan perkhidmatan yang akan diberikan nanti oleh penasihat kewangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyentuh banyak tentang *fee* yang boleh dikenakan sama ada kita boleh membezakan kalau saya terus ke syarikat insurans atau saya melalui penasihat kewangan ini, mungkin saya tunggu satu respons atau satu maklum balas daripada kerajaan tentang aspek ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kita juga melihat bahawa orang yang terlibat sini kena mengambil insurans *indemnity* Tuan Yang di-Pertua. Insurans *indemnity* yang dicadangkan itu setahu saya ialah RM200 ribu, itu bermakna dia kena mengambil insurans ini sebanyak RM200 ribu.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat satu aspek lagi di mana ada peruntukan supaya pemulangan wang, kalau saya melabur RM1 juta melalui penasihat kewangan itu, ada peruntukan di bawah subseksyen 1881 supaya duit ini dipulangkan kepada saya kalau saya dapati orang ini telah menjalankan perniagaan, penasihat kewangan tanpa lesen. Dia kena pulangkan duit ini kepada saya kerana saya tidak tahu mungkin dia pameran "saya ada," mungkin saya tak cari sijil, saya tak akan tengok mana sijil atau mana lesen dari Bank Negara. So saya masuk pejabat saya sudah lihat lepas itu saya melabur RM1 juta.

Kalau dia ambil insurans *indemnity* sebanyak RM200 ribu sahaja bagaimana dia dapat memulangkan wang saya, ini satu perkara yang harus juga diberi perhatian kerana tidak ada had. Kalau dia ada beberapa pelanggan setiap melabur RM1 juta, dia sudah kutip beberapa juta. Dan kalau nanti ada masalah, tuntutan daripada *indemnity* hanya RM200 ribu sahaja. Bagaimana saya boleh dapat balik pelaburan saya

sungguhpun kerajaan ada mencadangkan bahawa subseksyen 1881 itu pihak ini menjalankan perniagaan tanpa lesen dan saya pun melihat di sini tidak ada disebutkan.

Kalau duit saya sudah berada dengan pihak ini selama setahun, dua tahun, juga ada termasuk faedah, tak ada mungkin saya dapat balik pokok sahaja. Dan mungkin pihak ini akan kata ada potongan *fee* ini kena bayar, bayar, bayar, selepas itu yang saya dapat balik mungkin kurang daripada apa yang saya melabur. Ini bukan satu keadilan kepada saya dan juga kerajaan harus mengambil kira bahawa ada mangsa-mangsa dan bagaimana kita memberi perlindungan kepada mangsa-mangsa ini. Sungguhpun ini adalah satu cadangan pindaan yang baik di mana mengehendaki pemulangan wang oleh seseorang itu yang menjalankan perniagaan nasihat kewangan tanpa lesen tetapi apakah aspek faedah duit saya, apakah aspek bolehkah dia memotong pelaburan saya untuk membayar *fee* dan sebagainya kerana sebenarnya saya sudah tertipu, saya tidak dapat apa faedah dan kemudian saya dapati pihak ini patut tidak menjalankan perniagaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk pindaan kepada subseksyen 185(2) tentang melarang seseorang penasihat kewangan berlesen daripada membayar mana-mana orang yang bukan pekerjanya sesuatu *fee* atau komisen untuk *solicit* perniagaan. Kalau peguam kita guna *ambulance-chasing*, Datuk Seri mungkin tahu *ambulance-chasing* ini mencari *clients* dan kemudian dari segi etika amalan seorang peguam itu merupakan satu kesalahan *ambulance-chasing* iaitu kejar ambulans lah.

Dan ada pihak-pihak yang merujuk kes-kes itu dan mendapat *fee* daripada pihak-pihak peguam ini untuk membicarakan kes-kes tersebut. Jadi di sini saya lihat dia juga ada kaitan melarang penasihat itu daripada membayar komisen kepada sesiapa pihak kerana ia telah meng*solicit* perniagaan itu. Dari segi pengawalseliaan perkara ini, saya berharap kerajaan akan mengkaji aspek yang ada dalam perundangan peguam-peguam kerana perkara ini sudah lama wujud di sana dan saya juga tahu bahawa beberapa kes peguam telah dirujuk kepada jawatankuasa disiplin dan kemudian kepada mahkamah di atas kesalahan sedemikian.

Bagi saya ini adalah satu pindaan yang baik dan harus diberi sokongan dan saya berharap Kementerian Kewangan boleh mendapat sedikit pengalaman daripada

Peguam Negara tentang aspek ini supaya ini dapat dikuatkuasakan dengan lebih efektif dengan lebih berkesan supaya kita tidak mahu perkara semacam itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua satu lagi aspek yang saya ingin sentuh ialah tentang pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 11 iaitu satu penalti ingkar atau *default penalty* Tuan Yang di-Pertua sebanyak RM500,000 iaitu kalau saya kata saya seorang Penasihat Kewangan saya bagi kad kepada Yang Berhormat Datuk Karim kata saya seorang Penasihat Kewangan sebenarnya saya bukan dan lepas itu diketahui oleh kementerian dan mereka memberi nasihat kepada saya atau arahan kepada saya jangan berbuat demikian pada masa akan datang dan mungkin beri saya satu amaran tapi saya ingkar, saya berterusan dan kalau bersabit kesalahan saya akan dikenakan satu penalti yang tidak melebihi RM500,000. Tetapi kalau saya yang mengikut nasihat ini telah ada kerugian, bagaimana kerajaan akan melindungi saya sebagai satu mangsa?

Kerajaan sekarang mengambil tindakan terhadap pihak ini, itu baiklah kerana dia menipu saya. Tetapi saya yang sudah tertipu, apakah *redress* saya dalam perkara ini? Apakah perlindungan yang akan diberi kepada saya kerana pihak kerajaan telah mengambil tindakan terhadap pihak ini tetapi adakah saya kena ke mahkamah untuk menuntut balik kerugian saya ambil *civil case* terhadap pihak ini ataupun kita boleh ada peruntukan kewangan supaya saya juga diberi perlindungan di mana satu mangsa atau lebih daripada seorang mangsa itu tertipu? Bolehkah kerajaan memikir bagaimana boleh beri perlindungan kepada pihak ini kerana secara ikhlas saya telah ikut mungkin dia sebut dalam kad itu dia berlesen dan sebagainya dan kemudian ada kes-kes yang mana saya telah kehilangan pelaburan saya kerana perkara ini?

Sungguh pun pindaan Seksyen 11 akan memberi kuasa kerajaan supaya mengenakan penalti ingkar tetapi itu hanya terhadap pihak yang melakukan kesalahan sahaja bagi pihak mangsa itu apakah bantuan yang boleh diberi oleh kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pindaan yang saya ingin menyentuh ialah pindaan kepada Seksyen 70 iaitu berkenaan dengan apa yang telah ditanya tadi oleh rakan saya iaitu pelantikan wakil penasihat kewangan dan pelantikan ini mesti mendapat kelulusan Bank Negara. Bolehkah kita diberitahu apakah kriteria yang akan di guna oleh Bank Negara untuk memberi kelulusan ini, apakah kriteria adakah berasaskan kepada

kelulusan akademik orang ini ataupun berasaskan kepada permohonan yang dibuat oleh saya kerana pihak ini mewakili saya, saya sudah ada lesen.

Saya ada lesen saya mahu melantik orang ini sebagai pekerja saya, sebagai wakil saya dan adakah kerajaan atau Bank Negara akan meluluskan permohonan itu sebaik sahaja menerima permohonan daripada saya ataupun mahu mengenakan syarat-syarat lain dan kalau akan mengenakan syarat-syarat lain bolehkah kita diberitahu apakah syarat itu? Adakah juga bergantung kepada kepakaran wakil saya atau siapa sahaja boleh menjadi wakil saya ataupun saya kena menjamin bahawa apa tindakan yang dilakukan oleh wakil saya, saya tanggung. Adakah saya diperlukan menanggung apa kegiatan wakil saya kerana dia mewakili saya dan dia menjual atau memperakukan produk itu berasaskan kepada nama saya, jadi di manakah tanggungan saya kerana saya memperakukan pelantikan wakil demikian.

Pindaan Seksyen 70 itu tidak ada disebutkan maklumat lebih lanjut tentang pelantikan wakil dan saya pun tidak faham apakah kriteria yang akan di guna untuk wakil ini. Saya juga melihat Pindaan kepada Seksyen 70 itu tidak ada sebarang penalti kepada saya kalau saya tidak minta kelulusan Bank Negara untuk melantik wakil. Tidak ada sebut kalau saya gagal berbuat demikian maka saya akan dikenakan penalti, saya akan di denda, saya akan dipenjarakan semua tidak ada sebutkan. Kalau saya mohon mungkin saya dapat persetujuan tetapi kalau saya tidak mohon apa akan terjadi kepada saya kerana saya lihat tidak ada peruntukan bagi penalti kepada tindakan saya kerana saya gagal berbuat demikian, saya gagal memohon kebenaran Bank Negara untuk melantik agen. Apakah risiko kepada saya?

Tuan Yang di-Pertua satu lagi seksyen yang dicadangkan pindaan kepada 184(4) Subseksyen 4 Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat berminat dalam perkara ini kerana ini melarang pihak Penasihat Kewangan ini merundingkan satu kontrak insurans dengan seseorang penanggung insurans yang tidak dilisenkan di bawah akta ini. Kalau saya dapati sebagai seorang Penasihat Kewangan Tuan Yang di-Pertua, kalau saya dapati bahawa ada satu produk di Indonesia yang sangat bagus, sangat lumayan dan ada pemulangan yang sangat baik tetapi ia adalah satu produk di Indonesia bukan di Malaysia di Indonesia atau di Amerika Syarikat atau di New Zealand atau di Australia katakan tapi di luar negara Malaysia ada satu produk yang nampaknya ada pemulangan

yang baik dan di tawarkan oleh satu syarikat yang besar di sana dan mungkin ramai penduduk di sana telah terlibat dalam skim ini.

Tapi di bawah pindaan kepada Seksyen 184(4) itu, saya tidak dibenarkan memperakukan produk ini kerana penanggung insurans berkenaan tidak dilesenkan di bawah akta ini.

Apabila menjalankan perniagaan di Malaysia saya difahamkan kena dilesenkan di bawah akta ini, sebarang syarikat yang menjalankan *business* insurans di Malaysia itu dia kena dapat kelulusan di bawah akta ini tetapi di negara dia sendiri, dia mungkin satu syarikat yang besar, berjaya dan mungkin dia ada cawangan-cawangan di dunia, tetapi di Malaysia kerana mungkin masalah lesen dan sebagainya mungkin dia tidak dapat datang ke sini atau tidak dibenarkan datang ke sini, tetapi memang dia ada satu produk yang bagus.

Kalau demikian subseksyen ini tidak membenarkan saya memperakukan produk ini dan usaha saya ialah membantu pelanggan saya untuk mendapat pulangan yang baik. Sekarang saya sudah kenal pasti satu produk yang boleh membawa keadaan sedemikian, tetapi dilarang oleh peruntukan ini supaya memperakukan produk sedemikian.

Saya tahu mungkin rasional Tuan Yang di-Pertua, rasional dalam mengadakan pindaan ini ialah supaya semua produk yang diperakukan itu betul-betul daripada pihak-pihak yang telah mendapat kelulusan di bawah akta berkenaan, tetapi tidak ada ruang nampaknya untuk memperakukan produk yang baik, tetapi tidak ditawarkan oleh sesuatu syarikat insurans yang didaftarkan di bawah Akta 553 ini. Ada penalti Tuan Yang di-Pertua, penalti yang dicadangkan ialah penjara dua tahun atau denda RM2 juta atau kedua-duanya sekali.

Saya ada satu produk yang baik boleh membantu pelanggan saya tetapi tangan saya terikat, saya tidak dapat memperakukan kerana seksyen ini. Bolehkah kerajaan memikir dan cari satu jalan keluar. Bagi saya apa akan berlaku kalau saya tulis kepada Bank Negara, saya kata, setahu saya ada satu produk di Indonesia yang boleh membawa pulangan 7% setahun dan ini dipasarkan oleh syarikat insurans demikian dan sebagainya dan beri semua latar belakang kepada Bank Negara.

Bank Negara sendiri boleh membuat penyiasatan dan selepas itu boleh buat keputusan sama ada boleh dibenarkan atau tidak. Sungguhpun tidak dilesenkan di bawah Akta 553 ini. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, sekarang Bank Negara telah membenarkan KWSP ini untuk melabur di luar Malaysia, sungguhpun amaun yang boleh dilaburkan ada ditentukan bukan semualah, semua yang mereka kutip dari sini, semua sumbangan dari sini mereka tidak boleh melaburlah semuanya di Amerika Syarikat ataupun.....

Datuk Jins Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng:di Great Britain.

Datuk Jins Shamsudin: Boleh beri laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sila, sila.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah jaminan dan apa pandangan Yang Berhormat mengenai agen ataupun agen kewangan ini yang kita selalu dapati ada di antaranya ada penipuan berlaku. Bagaimana kita boleh mengesan bahawa mereka ini adalah benar-benar melakukan kerja yang betul sebab saya ada pengalaman ini.

Mereka atau agen-agen ini selalunya datang untuk melabur dengan membawa kawan kita dan dia kadang-kadang telah membuat sedikit penyelidikan mengenai latar belakang kita, apa yang kita suka, apa kerja kita, dia tahu semua. Bila dia datang dia telah membawa cerita-cerita ini dan biasanya dia bawa kawan. Saya telah dihubungi dan dia bawa kawan jadi kerana kita malu-malu alah dengan kawan, dia kata ini tidak banyak, bagi saja RM5,000 *you* boleh *make* RM10,000. Kita pun ingat kawan datang, kita percaya dan kita pun beri RM5,000, dia kata, "*Sorry*", dalam bulan hadapan dia mari lagi sekali dia kata, "RM5,000 itu sudah habis, ditambah lagi RM5,000 *you* boleh *cover* RM10,000". Kita tambah lagi RM5,000, bila habis RM5,000 dia jadi cerita yang sama. Akhirnya dia kata, "Bagi lagi RM5,000 *you get* RM25,000", kita pun ingat hendak habis sebelah kaki, masuk sebelah kaki lagi, kita bagi RM5,000 lagi dia pun hilang.

Bagaimana kita boleh mengesan atau ada satu mekanisme yang kita pasti bahawa yang datang ini bukan yang sebenarnya, yang menipu, yang ini yang betul.

Apakah satu cara dapat kita kesan ataupun kita tahu. Apa pandangan Yang Berhormat? Bagaimana kita hendak mengesan dia benar atau tidak benar. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa ini juga satu daripada masalah dari segi pengawasan. Dahulu pun saya pernah tanya banyak kali ini Skim Cepat Kaya. Kita masih ingat ada Skim Cepat Kaya, tetapi kerajaan telah menasihatkan supaya jangan terlibat dalam Skim Cepat Kaya, tetapi masih ada pihak-pihak kita yang terlibat dan bukan cepat kayalah, dia cepat miskin sebenarnya.

Apa yang dia ada pun semua habis, so dia harap cepat kaya tetapi nanti dia jadi cepat miskin dan sekarang sering kali saya terima tawaran dari South Africa, daripada Nigeria dan sebagainya. Katakan dalam bank yang mana saya kerja seseorang itu dia lupa tuntutan, dia ada USD10 juta dan kalau tidak dituntut pada penghujung tahun ini akan hapus duit ini. Saya tahu semua maklumat tentang akaun ini dan kalau boleh bekerja dengan saya, saya boleh pindah duit ini kepada akaun tuan itu di negara sendiri, di Malaysia tetapi saya akan datang untuk membuat *agreement*, perjanjian dan lepas itu mungkin ada *fee* yang akan dikenakan untuk menguruskan hal ini.

Ada pihak kita yang telah menerima ini dan jemput orang ini datang supaya buat perjanjian, ada dan kemudian bila datang, bila sudah buat perjanjian dia kata kena bayar ini *fee* pemprosesan, mungkin RM50,000 atau sebagainya. Kemudian dia akan balik dan dalam masa mungkin satu, dua bulan dia akan mula pindah duit ini.

Kita masih ada, rakyat kita yang menjadi mangsa kepada skim-skim ini, Skim Cepat Kaya, Skim South Africa, Nigeria dan sebagainya. Banyak kali kita buka *internet* dia sudah ada tawaran semacam ini.

Dari segi kementerian kita telah mengambil perhatian tentang perkara ini khususnya *domestic trade* juga mengawal selia dan banyak kali telah memberi nasihat kepada penduduk-penduduk kita supaya tidak menyertai skim semacam ini tetapi masih berlaku, jadi dari segi pengawasan, memang mereka guna semua usaha, semua cerita dan sebagainya dan mereka telah mengkaji latar belakang mangsa mereka itu sebelum membuat tawaran ini dan mereka apabila rasa ada kelemahan-kelemahan mereka mengambil kesempatanlah. Jadi dari segi pengawasan memang saya pun.....

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Mohon laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sila, sila.

Dato' Dr. S. Vijyaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Dato' Dr. Chin. Saya pun berminat atas perkara-perkara yang disebut oleh Dr. Chin dan saya ingin minta pandangan Dr. Chin mengapa ada banyak tawaran macam ini. Bukan sahaja surat-surat yang membuat macam-macam janji tetapi ada juga orang-orang asing yang melawat orang awam kita dia kata satu sebuah kertas boleh masuk mesin -bukan mesin - ada benda cair keluarkan *dollar Amerika*. Ada yang kata kasi saya benda besi saya boleh masuk satu mesin saya ada *chemical* dia boleh menjadi emas. Dan saya juga merujuk kepada surat-surat tawaran ini yang datang dari Nigeria, Ghana, Benin Afrika Selatan. Saya pun terima melalui *e-mail* dan banyak lagi kawan-kawan saya.

Ceritanya biasanya mereka adalah keluarga seorang diktator yang sudah jatuh, yang sudah dibunuh atau telah meninggal dunia ataupun mereka adalah satu pihak yang sangat dekat dengan diktator tersebut dan dia kata dan kita ada satu tabung besar, kita ada satu tabung duit besar di sini, amaun yang besar dan kita jaga duit itu, duit itu tidak ada di dalam bank, kita ada simpan *cash*, kita hanya memerlukan satu akaun bank negara asing. Kita sudah dengar tuan berminat dalam skim ini dan kita hanya memerlukan akaun bank kita sahaja.

Saya ingin mendapat pandangan Dr. Chin mengapa tawaran-tawaran macam ini datang ke Malaysia. Saya dengar di Eropah atau di Amerika Syarikat tidak berapa banyak seperti di Malaysia, Singapura, Hong Kong. Adakah rakyat di sini senang ditipu atau menggunakan perkataan English "*gullible*". Apa pandangan Dato' Chin, terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kerajaan setahu sayalah pun bimbang tentang masalah ini dan oleh kerana itu pihak kerajaan telah bertindak dan beberapa kes macam ini telah disiasat oleh Bahagian Jenayah Perdagangan, "*commercial crime*" dan bersabit salah dan sebagainya dan telah diambil tindakan. Tetapi sungguhpun demikian masih ada lah, masih ada pihak-pihak kita, tidak tahulah atas apa sebab mungkin bodoh, mungkin senang tertipu seperti yang dikatakan atau *gullible* atau apa lah atas apa sebab mungkin juga *greedy* dan sebagainya. Dan ini telah mengakibatkan mereka rugi dan menghadapi masalah sedemikian.

Saya tahu kerajaan kita telah banyak kali berusaha untuk mengelak daripada kejadian ini dengan memberi nasihat, banyak kali lah saya sudah dengar tetapi masih ada kes-kes macam ini berlaku. Dan dalam perkara ini mereka yang memberi perkhidmatan ini ialah mereka yang telah diberi lesen, mereka yang menjalankan perniagaan ini secara sah dan kalau ada penyelewengan tentulah ini akan menyalahkan kerajaan nanti kerana dari segi kawal selia mungkin tidak ketat mungkin ada banyak kekurangan dan akibatnya maka kelakuan semacam ini masih wujud dan berterusan. Oleh kerana itu sungguhpun kita menggalakkan supaya diadakan perkhidmatan semacam ini kita juga kena berwaspada tentang aspek-aspek seperti yang dibangkitkan oleh Dato' Dr. S. Vijayarajam tadi dan juga oleh Datuk Jins Shamsudin tadi tentang aspek ini.

Oleh kerana itu saya berpendapat untuk mempergunakan perkhidmatan ini memerlukan satu mungkin penukaran atau pemindaan minda rakyat kita supaya menerima ini sebagai satu lagi panel yang boleh membantu mereka dalam membuat pemilihan yang bijaksana. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua bagi sayalah pelantikan agen-agen ini atau penasihat-penasihat ini adalah sangat mustahak terpulang kepada kerajaan untuk memikirkan bagaimana mereka ini boleh dikawal selia dengan baik kerana Bank Negara telah ada banyak pengalaman.

Tuan Yang di-Pertua kita sudah lihat bagaimana itu syarikat-syarikat yang mengutip deposit, *deposit-taking companies* Tuan Yang di-Pertua begitu banyak daripada syarikat itu telah menghadapi masalah sehingga beberapa kali kerajaan kena masuk campur tangan untuk menyelamatkan keadaan supaya memberi perlindungan kepada pelabur-pelabur. Ini bukan satu pengalaman baru Tuan Yang di-Pertua, kita memang telah menghadapi masalah ini dan kita lihat lebih kurang tiap-tiap beberapa minggu ada kejadian-kejadian di mana sindiket-sindiket telah melakukan penipuan terhadap pasaran ekuiti kita. Sungguhpun Suruhanjaya Sekuriti ada, Bank Negara mengawal selia, pendaftar syarikat ada pengawal selia dan sebagainya, sungguhpun kita ada badan-badan tertentu mengawasi perkara itu tetapi masih berlaku, masih berlaku kerana rakyat kita masih boleh ditipu oleh pihak-pihak tertentu. Oleh kerana itu apabila kerajaan memperkenalkan sesuatu produk bagi sayalah ini adalah satu

tanggungjawab moral, sekurang-kurangnya kita kata tanggungjawab moral "*moral responsibility*" untuk memastikan apa yang berhasrat itu sampai ke sasarannya.

Kerajaan bagi saya berhasrat baik supaya mencari lagi kerana kita lihat perkembangan ekonomi kita sekarang, jadi kita kata kita masih ada pertumbuhan yang boleh dikatakan menggalakkan. Sungguhpun Bank Negara telah menurunkan kadar pencapaian pertumbuhan pada tahun ini kalau dibandingkan dengan tahun dahulu, kita telah melihat bahawa angka yang diramalkan itu sudah kurang daripada apa yang telah tercapai pada masa yang lalu. Oleh kerana itu adalah bijaksana bagi kerajaan supaya memikirkan cara-cara lain.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya Timbalan Menteri Kewangan Kedua telah menyatakan pada satu ketika bahawa kadar penetrasi insurans dalam negara kita sangat rendah, pada ingatan saya kurang daripada 30% sahaja iaitu bermakna ada ruang lagi bagi banyak produk itu diperkenalkan kepada rakyat kita, dan melalui syarikat insurans ini pada pendapat saya adalah satu inisiatif yang bagus kerana bilangan yang terlibat dalam sektor ini masih rendah, dan kalau kita baca laporan-laporan tahunan daripada firma-firma besar seperti *AIA*, *Prudential*, *ING Insurance*, *Great Eastern* dan sebagainya, kalau kita membaca laporan tahunan mereka, mereka ada menyatakan bahawa kadar pertumbuhan dalam sektor ini adalah baik, dan boleh dikatakan juga lumayan. Dan oleh kerana itu banyak daripada syarikat ini telah memperkenalkan produk-produk baru mereka, tetapi semua pemasaran itu dibuat melalui ejen-ejen mereka sama ada ejen yang bertauliah, ejen biasa sebagai suri rumah tangga pun menjadi ejen ramai daripada itu. Mungkin dapat pulangan setiap bulan yang lebih daripada pegawai yang bergaji yang duduk di sini, lebih daripada itu di atas usaha mereka menjual polisi-polisi insurans dan sebagainya.

Sehingga saya tahu ada beberapa kes pegawai kerajaan, dia tidak harapkan kepada gaji daripada kerajaan. Katakan dia bekerja separuh masa, sebenarnya dia jadi ejen insurans, berada di pejabat telefon sana sini untuk menggalakkan kawan itu melabur kerana sektor ini begitu lumayan, sehingga ada mereka yang melepaskan kerja dengan kerajaan dan memberi tumpuan sepenuh masa kepada perniagaan ini. Jadi dari sektor ini kita dapat peluang untuk mendapat keuntungan itu banyak, dan apa yang

harus dibuat ialah supaya kita memperkenalkan produk yang baik, yang pada masa sekarang boleh membawa pulangan lebih daripada kalau kita simpan dalam bank.

Itu sahaja cara mereka membuat penentuan. Sungguhpun demikian oleh kerana pengalaman kita, oleh kerana masih ada banyak rakyat kita kerana kadar penetrasi hanya kurang daripada 30%. Itu bermakna begitu ramai orang lagi tidak tahu tentang aspek ini, dan bagaimana kita mengajar pihak ini supaya lebih memahami dan kemudian melabur dalam sektor ini dan ini adalah peranan yang boleh dimainkan oleh pihak yang dipanggil penasihat kewangan ini.

Jadi dari segi pelantikan mereka, dari segi pengawasan mereka, saya harap kerajaan akan memberi perhatian yang cukup-cukup bijaksana dan baik supaya tidak ada penyelewengan yang boleh berlaku, kerana sektor ini pada pendapat saya adalah sangat lumayan kalau diuruskan dengan baik, tentu boleh membawa pulangan yang mencukupi kepada pihak sesiapa itulah.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara lagi yang saya ingin membahaskan iaitu subseksyen 2 yang dicadangkan masuk ke Seksyen 73, ada cadangan untuk mengadakan satu subseksyen 2 di mana seseorang yang dilesenkan sebagai penasihat kewangan itu diperlukan memberitahu Bank Negara secara bertulis apabila wakilnya telah tamat perkhidmatan dengan pihak ini, sama ada wakilnya telah rasa sektor ini kurang lumayan dan mungkin mencari pekerjaan lain atau apa-apalah dan dia sekarang tidak mahu kerja lagi, tidak mahu jadi wakil kepada penasihat kewangan itu dan kemudian letak jawatan. Dia diminta memberitahu kepada Bank Negara itu. Selepas diberitahu kepada Bank Negara, bolehkah kita diberitahu apakah tindakan Bank Negara...

Tuan Ismail bin Kasim: Minta laluan ya.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sila.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin kerana memberi peluang kepada saya. Saya ada satu sahaja kemusykilan, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Dr. Chin iaitu berhubung dengan had umur bagi penasihat kewangan kerana kalau kita tidak ada had umur, kita bagi penasihat kewangan ini yang kurang boleh berfikir ataupun kira pun sudah tidak pandai dan sebagainya, boleh menyebabkan sesuatu *transaction* itu berlaku

dalam keadaan yang meragukan dan boleh menyebabkan orang hilang kepercayaan kepada penasihat kewangan itu sendiri. Jadi perlu diletakkan had umur berkhidmat, cergas dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat Dato' berhubung perkara ini?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahu pemikiran kerajaan dalam hal ini. Mungkin kalau tanya saya, saya kata saya sendiri layak menjadi penasihat kewangan [*Ketawa*] kerana saya sudah ada lebih kurang 40 tahun pengalaman dalam sektor pelaburan, dalam sektor insurans dan sebagainya. Sungguhpun saya dapat kedoktoran falsafah saya dalam kejuruteraan kimia, tetapi saya sudah lama terlibat dalam sektor ini sebagai seorang pelabur, so saya sudah melihat dan mengkaji banyak instrumen dan sebagainya.

Jadi dari segi umur, kalau saya memohon, saya harap tidak diketepikanlah dan patut diberi keutamaan berasaskan kepada pengalaman saya. Ini yang penting. Tetapi bagi seorang yang baru keluar daripada universiti, mungkin umur dia 21 tahun, dia apa pun tidak tahu, minta dia syer-syer dia pun tidak faham, bagi dia dividen, apa dividen dari *Capital Guarantee Scheme*, semua dia pun tidak faham. Kalau dia dilesenkan dan saya tidak dilesenkan, itu tidak berpatutan.

Puan Siw Chun a/p Eam: Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Karim Ghani: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin boleh saya mencelah sekejap? Masa sudah cukup, apa boleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin sambung besok jam 10 pagi?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih. Ahli Yang Berhormat Senator, oleh sebab masa sudah cukup, saya tangguhkan persidangan ini hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.